



# BUKU MANUAL KAJI AN TINDAKAN

EDI SI KETI GA



BAHAGI AN PERANCANGAN DAN PENYELI DI KAN DASAR PENDI DI KAN  
KEMENTERI AN PELAJARAN MALAYSIA  
DI SEMBER 2008

Diterbitkan oleh:

**Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan**

**Kementerian Pelajaran Malaysia**

Aras 1-4, Blok E8, Presint 1

Kompleks Kerajaan Parcel E

Pusat Pentadbiran Kerajaan Pesekutuan

62604 Putrajaya

Malaysia

Tel : + 603-8884 6591

Faks : + 603-8884 6579

Web : [www.moe.gov.my/bppdp](http://www.moe.gov.my/bppdp)

Semua hak cipta terpelihara. Hak Cipta Kementerian Pelajaran Malaysia 2006.  
Tiada mana-mana jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan dalam bentuk yang boleh diperoleh semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa cara sekalipun termasuk elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau sebaliknya tanpa mendapat izin Penerbit.

**DISEMBER 2008**

## PRAKATA

Pembudayaan Kajian Tindakan dalam kalangan warga pendidik telah dapat dilaksanakan secara meluas berdasarkan minat dan peningkatan berterusan bilangan guru dalam menjalankan Kajian Tindakan setiap tahun. Pada masa sekarang, Kajian Tindakan bukan sahaja dijalankan dalam konteks pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah, tetapi ia juga digunakan untuk memperkukuhkan pengurusan di sekolah. Matlamat utama Kajian Tindakan adalah berdasarkan kepada satu hasrat iaitu untuk meningkatkan tahap profesionalisme dalam kalangan pentadbir dan guru di sekolah.

Kajian Tindakan mempunyai dua unsur utama iaitu **kajian** dan **tindakan**. Oleh itu ia sangat sesuai diaplikasikan dalam konteks pendidikan kerana dua unsur utama ini seringkali dijalankan secara beriringan, iaitu tindakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran serta pengurusan pendidikan; dan kajian dijalankan bagi mendapatkan bukti-bukti empirik yang dapat menyokong sesuatu tindakan yang dilaksanakan. Ia membolehkan pengamal iaitu para pendidik melalui proses inkuiri penemuan dengan mengkaji masalah-masalah secara saintifik supaya mereka boleh menilai, menambahbaik dan memantapkan proses membuat keputusan dan amalan.

Peranan dan sumbangan Kajian Tindakan dalam membantu menyelesaikan pelbagai masalah yang dihadapi oleh pentadbir dan guru di sekolah tidak akan dipertikaikan. Ini adalah kerana dapatan kajian akan memberi impak yang positif kepada perubahan yang terancang dan kesannya akan menghasilkan apa yang dikehendaki agar matlamat pendidikan dapat direalisasikan. Kajian Tindakan diyakini dapat menonjolkan amalan terbaik dalam pengajaran, pembelajaran dan pengurusan sekolah. Sehubungan dengan itu, sewajarnya semua warga pendidik termasuk Pengetua, Guru Besar, dan guru-guru berperanan dalam membudayakan Kajian Tindakan di sekolah masing-masing.

Manual Kajian Tindakan dihasilkan dan dimantapkan bersesuaian dengan keperluan semasa dan akan datang. Ia merupakan garis panduan bagi melaksanakan kajian berdasarkan proses yang betul, tepat dan sistematik supaya dapatan yang bermakna dapat dihasilkan serta mampu menyumbang kepada penambahbaikan dalam aspek pengajaran dan pembelajaran, pentadbiran dan pengurusan pendidikan. Manual ini diharapkan dapat membangkitkan minat guru-guru khususnya untuk menjalankan kajian di sekolah, di samping menambahkan pengetahuan dan kefahaman guru tentang tata cara melaksanakan Kajian Tindakan. Moga penyediaan Manual ini, akan dapat mendekatkan diri pembaca dan para pendidik khususnya dengan dunia Kajian Tindakan.

**DR. AMIR BIN SALLEH @ MOHD SALEH**

Pengarah

Bahagian Perancangan & Penyelidikan Dasar Pendidikan  
Kementerian Pelajaran Malaysia

## KANDUNGAN

<b>Tajuk</b>	<b>Muka Surat</b>
Prakata	ii
Kandungan	iii
Senarai Rajah	v
Senarai Jadual	vi
<b>Bab 1: PENGENALAN KAJIAN TINDAKAN</b>	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Definisi Kajian Tindakan	2
1.3 Tujuan Kajian Tindakan	4
1.4 Ciri-ciri Kajian Tindakan	5
1.5 Model Kajian Tindakan	5
1.6 Perkembangan Kajian Tindakan	7
1.7 Kajian Tindakan di Malaysia	8
1.8 Budaya Penyelidikan Dalam Kalangan Guru	10
1.9 Rumusan	11
<b>Bab 2: PROSES KAJIAN TINDAKAN</b>	
2.1 Pengenalan	13
2.2 Jenis-jenis Kajian Tindakan	13
2.3 Prosedur Menjalankan Kajian Tindakan	17
2.4 Proses Kajian Tindakan	18
<b>Bab 3: MERANCANG DAN MELAKSANAKAN KAJIAN TINDAKAN</b>	
3.1 Pengenalan	26
3.2 Proses Merancang dan Melaksanakan Kajian	26
<b>Bab 4: REFLEKSI</b>	
4.1 Pengenalan	36
4.2 Definisi Refleksi	36
4.3 Tujuan Refleksi	37
4.4 Kaedah Refleksi	38
4.5 Hasil Refleksi	38
4.6 Bila Melakukan Refleksi?	39
<b>Bab 5: PENGUMPULAN DATA</b>	
5.1 Kaedah pengumpulan Data	42
5.2 Soal Selidik	42
5.3 Temu bual	48
5.4 Pemerhatian	49
5.5 Ujian	52
5.6 Analisis Dokumen	52

<b>Bab 6: ANALISIS DATA</b>	
6.1 Pengenalan	53
6.1.1 Analisis Data Soal Selidik	53
6.1.2 Analisis Data Ke Atas Pemerhatian Yang Dijalankan	66
6.1.3 Analisis Data Temu Bual	76
6.1.4 Analisis Dokumen	79
<b>Bab 7: KERTAS CADANGAN (PROPOSAL) KAJIAN TINDAKAN</b>	
7.1 Kertas Cadangan Kajian Tindakan	89
7.2 Fungsi Kertas Cadangan	89
7.3 Kandungan Dalam Kertas Cadangan Kajian Tindakan	90
<b>Bab 8: PELAPORAN KAJIAN TINDAKAN</b>	
8.1 Pelaporan Kajian Tindakan	96
8.2 Format Pelaporan Kajian Tindakan	96
8.3 Panduan Asas Menyediakan Kertas Laporan Kajian Tindakan	97
8.4 Contoh Laporan Kajian Tindakan: Contoh 1	107
8.5 Contoh Laporan Kajian Tindakan: Contoh 2	130
8.6 Contoh Laporan Kajian Tindakan: Contoh 3	139
<b>Bibliografi</b>	151

## SENARAI RAJAH

Rajah	Perkara	Muka surat
Rajah 1.1:	Gelung Kajian Tindakan (Kemmis & McTaggart, 1988)	
Rajah 1.2:	Perkembangan Kajian Tindakan Di Malaysia	
Rajah 2.1:	Jenis-Jenis Kajian Tindakan (Creswell, 2005; 2008)	
Rajah 2.2	Proses Kajian Tindakan	
Rajah 2.3 :	Contoh Peta Minda Tentang Masalah Kelemahan Murid Dalam Mata Pelajaran Matematik Melalui Teknik Sumbangsaan	
Rajah 5.1:	Proses dalam Pemerhatian Tidak Berstruktur	
Rajah 6.1:	Skrin Mendefinisi Variabel dalam SPSS Data Editor	
Rajah 6.2:	Skrin Memasukkan Data dalam SPSS Data Editor	
Rajah 6.3:	Kotak Dialog bagi Prosedur <i>Frequencies</i>	
Rajah 6.4:	Skrin Statistik dalam Prosedur <i>Frequencies</i>	
Rajah 6.5:	Kotak Dialog bagi <i>Charts</i>	
Rajah 6.6:	Graf Bar Item 1	
Rajah 6.7:	Graf Bar Item 2	
Rajah 6.8:	Graf Bar Item 3	
Rajah 6.9:	Graf Bar Item 4	
Rajah 6.10:	Kesediaan Murid Menjawab Soalan Semasa Pengajaran dan Pembelajaran di Bilik Darjah	
Rajah 6.11:	Kotak dialog <i>Paired-Samples T-Test</i>	
Rajah 6.12:	Kotak dialog <i>Paired-Samples T Test: Options</i>	
Rajah 6.13:	Graf Garis Prestasi Murid Dalam Ujian Pra dan Ujian Pos	
Rajah 6.14(a):	Histogram bagi Skor Ujian Pra	
Rajah 6.14(b):	Histogram Skor Ujian Pos	

## SENARAI JADUAL

Jadual	Perkara	Muka Surat
Jadual 3.1:	Analisis penulisan ayat oleh murid mengikut format <i>subject-verb</i>	
Jadual 3.2:	Jadual Pelaksanaan Aktiviti	
Jadual 5.1:	Teknik Utama Temu Bual	
Jadual 6.1:	Pengagihan Skor	
Jadual 6.1:	Jadual Perangkaan Asas	
Jadual 6.2:	Jadual Frekuensi Item 1	
Jadual 6.3:	Jadual Frekuensi Item 2	
Jadual 6.4:	Jadual Frekuensi Item 3	
Jadual 6.5:	Jadual Frekuensi Item 4	
Jadual 6.6:	Jadual Pemerhatian semasa Pengajaran dan Pembelajaran Di Bilik Darjah	
Jadual 6.7:	Pengajaran Berfikir Secara Kritis Di Bilik Makmal Fizik	
Jadual 6.8:	Pengajaran Berfikir Secara Kritis Di Bilik Makmal Fizik (Rumusan pemerhatian)	
Jadual 6.9:	Pengajaran Berfikir Secara Kritis Di Bilik Makmal Fizik (Kaedah Pemerhatian – Kaedah Gundal)	
Jadual 6.10:	Pengajaran Berfikir Secara Kritis Di Bilik Makmal Fizik (Pemerhatian Tidak Berstruktur)	
Jadual 6.11:	Pengajaran Berfikir Secara Kritis Di Bilik Makmal Fizik	
Jadual 6.12:	Transkripsi Temubual Berkaitan Minat Murid Tahun 5 Anggerik Ke Atas Tajuk Pecahan	
Jadual 6.13:	Pencapaian Pelajar Tingkatan 4 Gigih Dalam Peperiksaan Matematik Bagi Semester	
Jadual 6.14:	Prestasi Murid dalam Ujian Pra dan Ujian Pos Dalam Mata Pelajaran Matematik	
Jadual 6.15(a):	Statistik Asas	
Jadual 6.15(b):	Statistik Korelasi	
Jadual 6.15(c):	Statistik Ujian T	
Jadual 6.16(a):	Statistik Perihal	
Jadual 6.16(b):	Ujian Pra Murid	
Jadual 6.16(c):	Ujian Pos Murid	

# **BAB 1**

## **PENGENALAN KAJIAN TINDAKAN**

### **1.1 Pendahuluan**

*... it is difficult to see how teaching can be improved or how curriculum proposals can be evaluated without self-monitoring on the part of teachers. A research tradition which is accessible to teachers and which feeds teaching must be created if education is to be significantly improved. (Stenhouse 1975: 165)*

Kajian tindakan melibatkan pengumpulan dan penterjemahan data untuk memudahkan pemahaman seseorang tentang sesuatu fenomena atau permasalahan di tempat kerja. Perkara utama dalam prinsip pelaksanaan kajian tindakan ialah matlamat untuk memperbaiki amalan seseorang atau mengatasi masalah yang dihadapi dengan membuat tindakan terhadap penemuan yang didapati tentang sesuatu amalan itu. Kajian tindakan dalam pendidikan menjadi satu perkembangan penting yang memberi alternatif penyelidikan kepada pendidik.

Pengamalan '*research thinking and orientation*' dan '*research-based decision-making*' dalam tugas harian dalam kalangan guru merupakan satu daripada pendekatan terbaik untuk meningkatkan mutu kecemerlangan pendidikan, terutamanya dalam pengajaran dan pembelajaran. Kajian tindakan merupakan wadah yang sangat berkesan dalam membantu guru-guru memahami dan menganalisis masalah dan seterusnya menjalankan kajian bagi mendapatkan jawapan untuk mengatasi masalah tersebut. Kajian tindakan membantu guru-guru untuk bertindak secara sistematik berdasarkan tatacara yang digariskan untuk menjalankan kajian.



## 1.2 Definisi Kajian Tindakan

Kajian tindakan adalah satu kajian yang berbentuk inkuiri refleksi sendiri yang dilakukan oleh peserta iaitu pengamal pendidikan, guru atau pendidik sebagai penyelidik dalam situasi sosial itu sendiri. Sebagai penyelidik, mereka melaksanakan tindakan praktik (intervensi) bertujuan untuk membaiki atau meningkatkan kualiti amalan masing-masing, di samping meningkatkan kefahaman mereka tentang amalan itu serta situasi di mana amalan itu dilakukan. Ia melibatkan proses membuat refleksi, merancang, melaksanakan dan memerhati.

Terdapat pelbagai definisi kajian tindakan yang telah dikemukakan oleh pakar-pakar kajian tindakan. Antaranya adalah seperti berikut:

### i. **Kemmis & McTaggart (1988)**

Kajian tindakan merupakan satu bentuk inkuiri refleksi sendiri yang dilakukan secara kolektif, dilakukan oleh peserta yang berada dalam sesuatu situasi sosial bertujuan meningkatkan kerasionalan dan keadilan amalan-amalan kemasyarakatan dan pendidikan mereka sendiri, di samping meningkatkan kefahaman mereka tentang amalan-amalan itu serta situasi di mana amalan itu dilakukan

### ii. **Ebbut (1985)**

Kajian tindakan merupakan suatu pengkajian yang sistematik oleh sekumpulan pengamal terhadap usaha-usaha untuk mengubah dan memperbaiki amalan pendidikan melalui tindakan praktis mereka sendiri serta refleksi terhadap kesan atau akibat tindakan tersebut.

### iii. **McNiff (1988)**

Kajian tindakan adalah satu pendekatan untuk memperbaiki atau meningkatkan kualiti pendidikan melalui perubahan dengan menggalakkan guru-guru menjadi lebih sedar tentang amalan mereka sendiri, menjadi kritis terhadap amalan-amalan tersebut dan bersedia untuk mengubahnya. Ia melibatkan guru dalam inkuiri yang dijalankan oleh mereka serta melibatkan guru-guru lain secara bersama.

**iv. Somekh (1989)**

Kajian tindakan ialah satu kajian terhadap situasi sosial yang melibatkan peserta dalam situasi sosial itu sendiri sebagai penyelidik dengan niat untuk memperbaiki kualiti amalan masing-masing.

**v. Cochran-Smith dan Lytle (1990)**

Kajian tindakan merupakan kajian bilik darjah yang dilakukan oleh guru-guru bagi membolehkan mereka meneroka isu-isu yang mereka sukai. Ia juga menyediakan satu kaedah yang formal bagi menjadikan pengetahuan guru sebagai sebahagian daripada sumber maklumat dalam pengajaran serta mendekati guru dalam struktur kuasa dalam pendidikan.

**vi. Kember dan Gow (1992),**

Kajian tindakan melibatkan pengamal (guru) untuk mencuba memperbaiki pengajaran mereka melalui kitaran yang melibatkan proses perancangan, pelaksanaan, pemerhatian dan refleksi.

Kesimpulannya, berdasarkan pelbagai definisi tersebut dapat dirumuskan bahawa kajian tindakan merupakan satu kaedah untuk guru mereflek masalah yang mereka hadapi, memungut dan menganalisis data dan melaksanakan perubahan terhadap amalan mereka berdasarkan dapatan-dapatan yang diperolehi. Kajian tindakan menjurus kepada matlamat menjalankan penyelidikan tindakan, iaitu atas keinginan dan kecenderungan guru untuk memperbaiki kualiti amalan atau pengajaran pembelajaran serta situasi kerja. Sehubungan dengan itu, guru dapat mengatasi masalah yang dihadapinya dalam konteks amalan mereka sendiri.

### 1.3 Tujuan Kajian Tindakan

Kajian tindakan bertujuan untuk memperbaiki amalan pengajaran, memperbaiki atau meningkatkan kefahaman terhadap amalan pengajaran, dan memperbaiki situasi di mana pengajaran dijalankan.

Semua guru adalah penyelidik kerana sesiapa sahaja yang terlibat dalam pengajaran secara langsung sebenarnya terlibat dalam proses penyelidikan tindakan melalui semua fasa iaitu merancang, melaksana, memerhati dan mereflek. Kepentingan guru melaksanakan penyelidikan ke atas pengajaran dan pembelajaran juga telah ditegaskan oleh Stenhouse (1984:69) iaitu:

*...Guru yang baik tidak perlu disuruh membuat sesuatu. Mereka tidak bergantung kepada penyelidik-penyelidik, Jemaah Nazir, pihak yang membuat inovasi atau penyelia. Guru yang baik adalah sentiasa rela menerima nasihat, bimbingan dan bantuan. Pendidik-pendidik luar bilik darjah boleh memberi khidmat nasihat tetapi hanya guru sahaja yang akhirnya diamanahkan untuk mengajar dengan baik. Oleh yang demikian, guru sepatutnya menganggap strategi-strategi dan teknik-teknik pengajaran sebagai percubaan dan eksperimen supaya mereka dapat mengkritik kemahiran-kemahiran mereka bagi mencapai peningkatan kemahiran profesionalisme. Perbuatan sedemikian membawa maksud bahawa guru patut melibatkan diri dengan penyelidikan bilik darjah.*

Budaya penyelidikan amat perlu diterap dan diberi penekanan dalam kalangan guru di sekolah. Ia amat bertepatan dengan tugas guru sebagai pendidik yang sekali gus berperanan sebagai agen perubahan. Sehubungan dengan itu, setiap permasalahan, kekangan atau kerumitan yang berlaku pada peringkat sekolah sewajarnya dapat diselesaikan secara bijaksana oleh warga pendidik di sekolah.

#### 1.4 Ciri-ciri Kajian Tindakan

Ciri penting kajian tindakan ialah:


- i. dilakukan oleh guru atau pendidik dalam konteks tugas seharian atau dalam konteks mata pelajaran dan kelas yang mereka ajar;
- ii. dilakukan secara berkumpulan dan secara kolaboratif dengan membentuk kumpulan-kumpulan guru yang bersifat kritis sendiri (*self-critical*) dan berkomitmen untuk meningkatkan kefahaman praktis mereka; menggunakan tindakan praktis bagi menyelesaikan masalah dan mengembangkan pengetahuan secara serentak.
- iii. pengkaji terlibat secara langsung dalam usaha memperbaiki amalan pendidikan dan menambahkan kefahaman terhadap amalan tersebut;
- iv. banyak menggunakan aktiviti atau kaedah refleksi sendiri;
- v. dilakukan secara sistematik dan '*rigorous*'; dan
- vi. dilakukan secara berterusan, berkembang mengikut kitar refleksi sendiri iaitu tinjauan, perancangan, pelaksanaan dan renungan atau refleksi.

#### 1.5 Model Kajian Tindakan

Terdapat pelbagai model kajian tindakan yang telah dibangunkan oleh para penyelidik antaranya ialah Model Kajian Tindakan yang dibangunkan oleh Kemmis & McTaggart (1988). Model tersebut menyarankan empat langkah kajian tindakan berdasarkan gelungan (*cycle*) seperti berikut:

- i. Mereflek (*Reflect*);
- ii. Merancang (*Plan*);
- iii. Bertindak (*Action*); dan
- iv. Memerhati (*Observe*).

Langkah-langkah tersebut boleh dirumuskan seperti yang ditunjukkan pada Rajah 1.



Rajah 1: Gelung Kajian Tindakan (Kemmis & McTaggart, 1988)

Rajah 1 menunjukkan kajian tindakan dijalankan berpandukan proses berikut:


- i. guru menjalankan refleksi ke atas satu-satu isu pengajaran dan pembelajaran yang hendak ditangani;
- ii. guru menyediakan satu rancangan yang sesuai untuk mengatasi masalah yang dihadapinya; dan
- iii. guru melaksanakan rancangan yang dihasilkan dan dalam proses pelaksanaannya guru memerhati kemajuan tindakan yang dijalankan itu.

Refleksi dilakukan bertujuan seperti berikut:

- i. memahami kewujudan sesuatu masalah/kesukaran;
- ii. memahami mengapa masalah tersebut wujud;
- iii. memahami bentuk masalah yang timbul;
- iv. mengetahui tahap keseriusan masalah yang membelengu pengajaran dan pembelajaran tersebut; dan
- v. memahami pelaku yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam permasalahan itu.

Keseluruhan pelaksanaan kajian tindakan tersebut disifatkan sebagai Gelungan Pertama (*Cycle 1*) dan jika masalah tidak dapat ditangani, maka guru bolehlah memulakan proses semula ke Gelungan Kedua (*Cycle 2*) sehinggalah masalah dapat diselesaikan. Satu kritikan terhadap model ini ialah ia sentiasa berlanjutan dan tiada *finality* dalam sesuatu proses yang hendak dilaksanakan.

## 1.6 Perkembangan Kajian Tindakan



Rajah 1.2 : Perkembangan Kajian Tindakan Di Malaysia

## 1.7 Kajian Tindakan di Malaysia

Kajian tindakan di Malaysia mula diperkenalkan secara formal kepada 41 orang pensyarah maktab perguruan serta pegawai dari Bahagian Pendidikan Guru (BPG) pada Disember 1988 melalui satu kursus jangka pendek (BPPDP, 2005). Kursus ini dikendalikan oleh Prof. Stephen Kemmis dari *School of Education*, Deakin University, Australia pada 11 hingga 20 Disember 1988. Dalam tahun 1990an, idea “guru sebagai penyelidik” telah menjadi sebahagian daripada kandungan kursus program pra-perkhidmatan dan dalam perkhidmatan di Institut Pengajian Guru Malaysia (IPGM) sehingga kini.

Kegiatan kajian tindakan terus mendapat perhatian daripada Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) dari tahun 1993 hingga 1996 apabila Projek PIER (*Programme for Innovation, Excellence and Research*) dilaksanakan dengan peruntukan Pinjaman Bank Dunia Sektor Pendidikan Rendah dan Menengah Ketiga. Program ini diurus setiakan oleh Unit Penyelidikan, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (BPPDP). Dalam program PIER, empat sub-program telah diwujudkan, iaitu Sub-Program 1: Inovasi dalam Sains dan Matematik; Sub-Program 2: Sekolah Kecil dan Terpencil; Sub-Program 3: Pendidikan Jarak Jauh; dan Sub-Program 4: Penyelidikan Pendidikan. Tiap-tiap program ini diurus oleh seorang Pengurus Program yang merancang, menyelaras, dan memantau perjalanan program. Di samping itu, empat orang Pakar Perunding dari universiti di Australia dan lima orang Pakar Perunding dari universiti tempatan juga dilantik untuk memberi khidmat perundingan dari semasa ke semasa.

Program kajian tindakan diberi penekanan di bawah Sub-Program Penyelidikan Pendidikan, kerana KPM berpandangan bahawa guru perlu didedahkan dengan ilmu penyelidikan bagi mempertingkatkan proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Kolaborasi antara Bahagian Pendidikan Guru (BPG) dan BPPDP telah membolehkan satu kumpulan guru dan pegawai dihantar ke United Kingdom untuk belajar perkaedahan kajian tindakan dengan lebih lanjut lagi untuk membolehkan mereka menjadi fasilitator kursus kajian tindakan. Kursus yang diikuti oleh empat orang pensyarah IPGM, lima orang guru dan seorang pegawai BPPDP, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) itu adalah *Classroom Action Research* di *School of*

*Education and Applied Research in Education (CARE)*, University of East Anglia, Norwich, England pada tahun 1994. Satu lagi kursus yang dihadiri oleh 11 orang peserta yang terdiri daripada pegawai KPM, Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dan guru sekolah ialah di Australia pada tahun 1995. Kumpulan ini telah menghasilkan satu Modul Kajian Tindakan pada tahun 1995 untuk digunakan oleh para guru di bawah projek kajian tindakan (BPPDP, 1995).

Bagi menambahkan keberkesanan projek penyelidikan pendidikan ini seorang pakar runding dari *The International Development Program of Australian Universities and Colleges (IDP)* telah dilantik melalui perjanjian kerjasama antara Kerajaan Malaysia dengan IDP pada 21 Januari 1995. Professor Nerida Ellerton dilantik sebagai pakar runding luar negeri manakala Dr. Kim Paik Lah dari Universiti Sains Malaysia sebagai pakar runding dalam negeri. Melalui khidmat pakar runding ini, beberapa siri kursus dan bengkel telah di adakan di seluruh negara yang melibatkan peserta kursus yang terdiri daripada para guru, pensyarah maktab perguruan serta pegawai-pegawai pendidikan dari Bahagian-bahagian di KPM, JPN, dan PPD.

Pengetahuan dan maklumat yang diperolehi oleh peserta-peserta kursus Kajian Tindakan di luar negara telah disebar luas kepada guru-guru di sekolah melalui modul serta kursus dan bengkel untuk mendapat kesan berganda (*multiplier effect*) bagi membudayakan penyelidikan di sekolah. Peserta-peserta kursus terdiri daripada pegawai-pegawai pendidikan dan guru-guru sementara fasilitator terdiri daripada pakar runding tempatan, pegawai-pegawai BPPDP, kakitangan sumber yang telah dilatih di bawah PIER dan pegawai-pegawai JPN.

Di samping menghadiri kursus kajian tindakan, peserta kursus juga telah menjalankan projek-projek Kajian Tindakan dengan mendapat peruntukan daripada peruntukan PIER di bawah Sub-Program IV (Penyelidikan Pendidikan) yang disalurkan melalui BPPDP. Bagi menyebarkan dapatan-dapatan kajian tindakan, seminar-seminar penyelidikan tindakan telah diadakan setiap tahun sejak tahun 1994 hingga kini. Bahan-bahan sokongan seperti Modul Kajian Tindakan juga dihasilkan bagi membantu pelaksanaan kajian tindakan.



Usaha untuk mempergiatkan aktiviti kajian tindakan setelah tamatnya program PIER diteruskan dengan pengagihan peruntukan daripada Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar pada tahun 1998 dan 2000. Dengan peruntukan ini, beberapa kursus yang melibatkan guru sains dan matematik telah dapat dijalankan.

### **1.8 Budaya Penyelidikan Dalam Kalangan Guru**

Sejak tahun 2001 hingga sekarang, BPPDP telah mendapat peruntukan khas di bawah Anggaran Belanja Mengurus bagi program membudayakan penyelidikan melalui kajian tindakan dalam kalangan guru. Di samping BPPDP sebagai penggerak utama projek pemupukan budaya penyelidikan di kalangan guru, JPN dan PPD di semua negeri adalah bertanggung jawab dalam merealisasikan matlamat memupuk budaya penyelidikan di kalangan guru sekolah. Seorang Pegawai Penyelaras Kajian Tindakan telah dilantik bagi setiap negeri. Pegawai Penyelaras Kajian Tindakan bersama pegawai di PPD bertanggungjawab merancang dan melaksanakan projek pemupukan budaya penyelidikan serta menyelaras dan memantau pelaksanaannya di sekolah-sekolah di setiap negeri. Di samping itu, lima orang Jurulatih Utama Kajian Tindakan (JU) bagi setiap negeri juga telah dilantik.

Seminar Penyelidikan Kebangsaan yang diadakan setiap tahun mulai 1993 merupakan saluran khas bagi penyebaran hasil kajian tindakan. Para guru diberi peluang untuk membentangkan laporan kajian tindakan dan berkongsi pendapat dengan guru-guru lain yang terlibat dalam rangkaian kajian tindakan yang telah ditubuhkan di setiap Jabatan Pelajaran Negeri.

Tujuan memupuk budaya penyelidikan dalam kalangan guru ialah untuk:

- i. membantu guru dalam menghadapi cabaran dan masalah berhubung dengan amalan pengajaran dan pembelajaran serta dapat memperkembangkan kemahiran profesional guru khususnya dalam mengenal pasti teknik atau kaedah pengajaran pembelajaran yang berkesan;
- ii. memberi peluang kepada guru membuat sumbangan penting untuk mengukuhkan asas pengetahuan profesional di samping membolehkan guru menyelesaikan masalah professional tanpa merujuk kepada arahan luar;

- iii. mengeluarkan guru daripada kongkongan amalan rutin dan meningkatkan amalan-amalan profesional khususnya dalam menguji sendiri dan memperkembangkan idea-idea baru tentang amalan mereka. Dengan itu, guru mempunyai hak milik dalam memperkenalkan amalan-amalan yang efektif;
- iv. menggalakkan guru menyelesaikan masalah yang wujud dalam amalan harian dengan membuat refleksi bagi mendapatkan idea dan strategi baru ke arah pembaharuan;
- v. menggalakkan guru menyelidik amalan sendirian, membaiki tindakan dan menilai hasil atau keberkesanan tindakan tersebut. Melalui cara ini, guru mempunyai kuasa untuk membuat keputusan dalam bilik darjahnya sendiri;
- vi. menggalakkan guru berkongsi pengalaman dan memberi publisiti tentang amalan-amalan profesional mereka. Hal ini dapat meningkatkan keyakinan diri guru sebagai kumpulan profesional dan dapat membaiki prestasi dan kepuasan kerja; dan
- vii. mendorong guru secara individu atau bersama membuat refleksi ke atas amalan mereka, menganalisis peranan mereka dari segi kekuatan dan kelemahan, mengambil tindakan yang wajar dan memantau kesannya. Ini memberi peluang guru menjadi agen perubahan.

## 1.9 Rumusan

Kajian tindakan dapat membantu meningkatkan tahap profesionalisme guru kerana sebagai penyelidik ia dapat memberikan semangat dan minat baru untuk mengenal pasti kaedah pengajaran baru seperti yang dicadangkan dalam literatur. Kajian tindakan juga membantu guru meningkatkan kemahiran memerhati atau mencerap, dan memperbaiki komunikasi dengan pelajar. Kesannya, guru-guru akan dapat mempelbagaikan kaedah pengajaran berdasarkan penemuan daripada kajian tindakan.

Kajian tindakan membantu meningkatkan keserakanan, '*empowerment*' dan '*self-esteem*' dalam kalangan guru. Mereka menjadi lebih terbuka kepada perubahan, lebih reflektif, dan lebih bermaklumat. Mereka merasakan diri mereka sebagai pakar dalam bidang masing-masing, menjadi penyelesaian masalah yang baik, menjadi lebih efektif, bersikap positif terhadap penyelidikan dan dapat melihat hubungan teori dan amalan

dengan berkesan. Sehubungan dengan itu, penglibatan guru dalam kajian tindakan akan memberikan impak yang positif kepada guru sama ada dalam aspek meningkatkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran atau meningkatkan diri guru sebagai seorang yang lebih profesional.

## **BAB 2**

### **PROSES KAJIAN TINDAKAN**

#### **2.1 Pengenalan**


Kajian Tindakan melibatkan beberapa proses dan aktiviti tertentu. Setiap proses dan aktiviti ini perlu dijalankan secara sistematik. Ini adalah untuk memastikan kajian tersebut dapat dijalankan dengan betul, lancar dan mencapai matlamat yang disasarkan.

#### **2.2 Jenis-Jenis Kajian Tindakan**

Berdasarkan pendekatan konvensional, kajian tindakan hanya dijalankan dalam konteks bilik darjah sahaja. Pada masa kini, takrifan kajian lebih luas dan merangkumi komuniti pendidikan ataupun komuniti yang ada hubungan dengan pendidikan atau sekolah. Kini, kejayaan sesuatu usaha pendidikan bukan hanya bergantung kepada peranan satu pihak sahaja dan sememangnya bukanlah hanya peranan guru yang menjamin kejayaan pelajar, bahkan lain-lain pihak yang berkepentingan juga memainkan peranan dalam kejayaan pelajar. Antara pihak berkepentingan atau aspek-aspek yang mempengaruhi kejayaan pelajar adalah guru besar, pengetua sekolah, ibu bapa, komuniti di mana terletak sekolah, kemudahan yang sedia ada di sekolah, tuisyen, dan kelayakan guru. Kejayaan sesuatu sekolah bukan hanya disebabkan faktor guru dan pelajar semata-mata tetapi gabungan faktor-faktor lain yang sama-sama memberi sumbangan.

Berdasarkan paradigma baru ini, Creswell (2008) membahagikan kajian tindakan kepada dua jenis seperti yang ditunjukkan pada Rajah 2 iaitu:

- i. kajian tindakan amalan (*practical action research*); dan
- ii. kajian tindakan penyertaan (*participatory action research*)



Rajah 2.1: Jenis-Jenis Kajian Tindakan (Creswell, 2008)

Dalam klasifikasi kajian tindakan tersebut, kajian tindakan amalan melibatkan peninjauan tentang amalan guru dalam konteks bilik darjah di mana guru itu mengajar. Ini boleh dijalankan sama ada melalui dirinya sendiri atau pun melibatkan rakan sejawat yang mengajar mata pelajaran yang sama (*team-based inquiry*) dengan memberi fokus terhadap perkembangan guru (*teacher development*) dan pembelajaran pelajar (*student learning*). Guru yang menjalankan kajian tindakan amalan ini mesti melaksanakan satu pelan tindakan bagi mencapai matlamat beliau sebagai seorang guru penyelidik (*teacher as researcher*).

Sebaliknya kajian tindakan penyertaan melibatkan kajian tentang isu-isu sosial yang menghalang perkembangan pelajar. Untuk melihat isu seperti ini, guru perlu meninjau latar belakang sosial pelajar dan persekitaran sekolah. Guru perlu mengadakan

kolaborasi dengan komuniti atau pihak berkepentingan bagi mencari sebab musabab kenapa seseorang pelajar itu tidak boleh menguasai ilmu. Apabila faktor-faktor yang menghalang pelajar itu dikenal pasti, maka guru boleh melaksanakan program untuk mengubah “cara hidup” pelajar (*life-enhancing changes*) dan dengan berbuat demikian, ia akan menjadikan guru sebagai “*emancipated researcher*” ataupun guru yang membebaskan pelajarnya daripada sesuatu “belunggu” yang mencegah perkembangan pelajar. Menurut Creswell (2005) kajian tindakan penyertaan “...has a social and community orientation and an emphasis on research that contributes to emancipation or change in our society.” (h. 555). Kajian tindakan seperti ini juga digelar dengan berbagai-bagai nama seperti *community-based inquiry* (Stringer, 1999), *collaborative action research or participatory research* (Kemmis & McTaggart, 2000) atau *critical action research* (Mills, 2000).

Dari satu sudut yang lain, Kemmis & Wilkinson (1998) menggariskan enam ciri utama kajian tindakan penyertaan, iaitu:

- i. Kajian tindakan penyertaan merupakan satu proses sosial di mana penyelidik meneroka perhubungan antara individu dengan orang lain. Ini adalah untuk memahami bagaimana interaksi sosial “membentuk” orang perseorangan. Dalam konteks pendidikan, ia boleh digunakan untuk meneroka kerjasama antara guru;
- ii. Bentuk inkuiri bercorak penyertaan. Ini bermakna individu menjalankan kajian berhubung dengan diri mereka sendiri. Dalam proses ini, mereka meneliti bagaimana pemahaman, kemahiran, nilai dan pengetahuan menggalakkan dan mencegah amalan tindakan mereka sendiri. Sebagai contoh, guru boleh mengkaji diri mereka sendiri untuk memperoleh pemahaman yang lebih baik tentang amalan mereka dan bagaimana pengetahuan ini boleh membentuk dan mencegah kerja mereka dengan pelajar;
- iii. Kaedah kajian tindakan ini adalah bersifat praktikal dan kolaboratif. Kajian ini praktikal sebab penyelidik meneroka aspek-aspek seperti komunikasi, penghasilan pengetahuan, dan struktur sosial organisasi itu dengan tujuan

mengurangkan perkara yang tidak rasional, tidak produktif, tidak adil, atau tidak mempunyai interaksi yang memuaskan. Kajian ini juga bersifat kolaboratif kerana ia mementingkan proses inkuiri. Sebagai contoh, guru boleh mengadakan kolaborasi dengan guru lain bagi mengurangkan birokrasi kerana jika ia berterusan mungkin mencegah inovasi di dalam sesebuah bilik darjah;

- iv. Kajian tindakan penyertaan bercorak emansipasi (*emancipatory*). Ia cuba membebaskan seseorang daripada sesuatu kekangan yang boleh menghalang perkembangan dan keyakinan dirinya. Sebagai contoh, kajian tindakan ini boleh digunakan untuk mengubah prosedur birokratik guru di sekolah bagi memudahkan pembelajaran pelajar;
- v. Tujuan kajian tindakan penyertaan adalah untuk membantu individu membebaskan diri daripada sesuatu kekangan seperti media, bahasa, prosedur kerja, dan apa-apa perhubungan tentang kuasa dalam persekitaran pendidikan. Sebagai contoh, guru mungkin dapat mengelakkan diri dari peranan yang dianggap kurang penting (*subservient role*) di dalam bidang pelajaran yakni mereka tidak berasa diri mereka di beri pengupayaan (*empowerment*) di dalam bilik darjah;
- vi. Kajian tindakan ini adalah *recursive* (reflektif atau dialektikal) dan memberi fokus tentang perubahan (*change*) dalam sesuatu amalan. Ini berlaku dalam bentuk gelung (*spiral*) refleksi dan tindakan. Apabila guru mereflek tentang peranan mereka di sekolah, mereka akan cuba tindakan demi tindakan sehingga mereka berjaya dalam tindakan mereka.

Seseorang guru yang menjalankan kajian tindakan yang bersifat penyertaan boleh mengatasi penyebab atau asas kewujudan sesuatu masalah (*root causes of the problem*) dan bukannya terbatas kepada simptom masalah (*symptoms of the problems*). Dalam perkataan lain, guru dapat mengatasi masalah tulen (*real problems*).

### 2.3 Prosedur Menjalankan Kajian Tindakan

Lewin (1946; 1948) merupakan orang pertama yang mewujudkan satu kodifikasi (*codification*) tentang prosedur menjalankan kajian tindakan. Beliau menyarankan prosedur itu sebagai mempunyai 4 peringkat utama, iaitu:

- i. merancang;
- ii. bertindak;
- iii. memerhati; dan
- iv. merefleks.

Menurut Lewin (1946; 1948), kajian tindakan bermula dengan pewujudan satu idea umum dan kemudian data dipungut untuk menjelaskan atau merungkai sesuatu situasi. Dengan ini, satu pelan tindakan dapat dihasilkan untuk mencapai objektif yang dikenal pasti bersama dengan keputusan tentang langkah-langkah pertama yang perlu dijalankan. Peringkat seterusnya melibatkan pungutan fakta-fakta untuk memantau dan menilai intervensi itu, iaitu bertindak sebagai penilaian formatif. Lewin (1948) menyatakan bahawa kesemua ini boleh diwujudkan sebagai satu proses gelungan (*spiral*) yang mengandungi perancangan, tindakan, pencarian fakta tentang hasil (*outcome*) daripada tindakan yang telah diambil itu.

Boleh dikatakan bahawa idea Lewin telah dikembangkan oleh Kemmis & McTaggart (1981) dengan petikan hasil mereka seperti berikut:

*“In practice, the process begins with a general idea that some kind of improvement or change is desirable. In deciding just where to begin in making improvements, one decides on a field of action ...where the battle (not the whole war) should be fought. It is a decision on where it is possible to have an impact. The general idea prompts a “reconnaissance” of the circumstances of the field, and fact-finding about them. Having decided on the field and made a preliminary reconnaissance, the action researcher decides on a general plan of action. Breaking the general plan down into achievable steps, the action researcher settles on the first action step. Before taking this*



*first step the action researcher becomes more circumspect, and devises a way of monitoring the effects of the first action step. When it is possible to maintain fact-finding by monitoring the action, the first step is taken. As the step is implemented new data start coming in and the effect of the action can be described as evaluated. The general plan is then revised in the light of the new information about the field of action and the second action step can be planned along the appropriate monitoring procedures. The second step is then implemented, monitored and evaluated; and the spiral of action, monitoring, evaluation and replanning continues.” (h. 2).*

Zuber-Skerritt (1996) menyarankan bahawa proses gelungan dalam kajian tindakan sebagai mempunyai i. perancangan strategik; ii. melaksanakan pelan; iii. memerhati; menilai dan menilai sendiri; iv. refleksi kritikal dan refleksi sendiri ke atas keputusan (i) dan (iii) dan membuat keputusan tentang gelungan kajian seterusnya. McNiff (2002) mencadangkan 8 langkah dalam model kajian tindakan beliau, iaitu


- i. mengkaji semula amalan semasa (refleksi);
- ii. mengenal pasti satu aspek yang hendak dikaji;
- iii. membayangkan langkah seterusnya (merancang),
- iv. mencuba tindakan/kaedah baru (melaksana),
- v. memantau dan mereflek apa yang berlaku (memerhati);
- vi. mengubah pelan berdasarkan apa yang telah dijumpai, apa yang berlaku dan meneruskannya;
- vii. menilai tindakan yang telah diubah itu; dan
- viii. meneruskan sehingga anda berpuas hati dengan kerja anda (mengulangi gelungan).

(McNiff, 2002)

## **2.4 Proses Kajian Tindakan**

Proses kajian tindakan boleh ditunjukkan sebagai gelung spiral iaitu satu isu akan menjadi asas kepada satu isu lain dan satu persoalan yang terjawab akan menjana persoalan-persoalan baru. Kajian Tindakan melibatkan gelung spiral yang bermula


daripada proses mereflek, diikuti oleh proses merancang, bertindak dan memerhati. Setiap proses pula mempunyai aktiviti tertentu seperti yang digambarkan dalam Rajah 4.



Rajah 2.2 : Proses Kajian Tindakan

Kajian Tindakan bertitik tolak daripada **proses refleksi** (imbaz kembali) yang dilakukan oleh guru terhadap tugas seharian mereka. Sebagai contoh, guru mengimbaz kembali sesi pengajaran dan pembelajaran (p&p) yang telah dijalankan di dalam kelas terhadap murid-muridnya. Kekuatan dan kelemahan p&p diteliti sama ada murid dapat memahami apa yang ingin diajar serta masalah yang dihadapi oleh murid dan guru dalam melaksanakan p&p. Proses refleksi ini perlu dilakukan secara kritis agar guru dapat melihat pelbagai isu dan masalah yang wujud dalam melaksanakan tugas seharian.

Proses refleksi juga boleh dilakukan sama ada secara individu atau pun berkumpulan, misalnya bersama rakan sejawat yang lain. Jika ia dibuat dalam kumpulan, teknik sumbangsaran boleh digunapakai bagi mengenalpasti masalah yang dihadapi dan punca masalah berkenaan. Rajah 5 menunjukkan contoh peta minda tentang masalah kelemahan murid dalam mata pelajaran Matematik yang diperolehi melalui teknik sumbangsaran.



Rajah 2.3 : Contoh Peta Minda Tentang Masalah Kelemahan Murid Dalam Mata Pelajaran Matematik Melalui Teknik Sumbangsaan

Kelemahan murid dalam Matematik biasanya disebabkan oleh banyak faktor yang saling berkaitan antara satu sama lain. Justeru, guru perlu sedar bahawa agak sukar untuk menangani kesemua punca masalah yang ditemui. Guru perlu memberi fokus kepada punca masalah yang berada dalam ruang lingkup atau dalam kawalan guru yang mana guru mempunyai kuasa untuk bertindak.

Setelah melakukan proses refleksi, seterusnya guru harus merancang tindakan yang ingin diambil bagi mengatasi masalah yang dikenal pasti. Guru dinasihatkan jangan terus merancang dan mengambil tindakan penambahbaikan berdasarkan refleksi

secara individu atau berkumpul semata-mata. Ia disebabkan perancangan tindakan sebegini akan hanya dibuat berdasarkan persepsi atau andaian guru sahaja, bukannya berdasarkan maklumat sebenar. Hal ini boleh menyebabkan tindakan yang diambil nanti tidak memberikan impak yang besar dan kadangkala berkemungkinan memberi kesan yang negatif kepada guru dan murid. Oleh itu, **tinjauan awal** melalui pengumpulan data atau maklumat secara tepat pada peringkat permulaan adalah penting bagi membolehkan guru mengenalpasti punca sebenar berlakunya masalah tersebut. Pengumpulan data ini boleh dilakukan dengan pelbagai cara seperti melalui ujian, soal selidik, temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen.

Setelah mengenalpasti punca masalah yang dihadapi murid melalui tinjauan awal, guru perlu **merancang** tindakan intervensi bagi mengatasinya. Perancangan tindakan ini memerlukan kreativiti guru. Antara tindakan intervensi yang boleh dilakukan adalah seperti mencari kaedah dan strategi p&p yang lebih berkesan, menyediakan bahan bantu mengajar yang sesuai untuk digunapakai, menggunakan kaedah visual atau mawjud untuk menerangkan sesuatu konsep dan sebagainya ke arah menangani masalah tersebut.

Seterusnya, guru harus melakukan **tindakan** melalui perancangan yang telah dibuat. Laksanakan segala tindakan yang perlu bagi mengatasi masalah yang dihadapi sama ada oleh murid mahupun guru. Kemudian guru perlu pula **memerhati** dan memantau sama ada tindakan itu berkesan atau tidak serta sejauhmana ia dapat menyelesaikan masalah yang dihadapi. Untuk ini, guru perlu sekali lagi mengumpul data sama ada melalui ujian atau cara-cara yang telah dinyatakan di atas tadi. Data yang diperolehi perlu dianalisis bagi membolehkan guru melakukan semula refleksi berkaitan kekuatan dan kelemahan tindakan yang diambil, keberkesanan tindakan tersebut serta tindakan susulan yang perlu dilakukan. Proses ini akan berterusan dalam kitaran kajian.

Ringkasan kepada proses kajian tindakan ini dapat digambarkan dalam Sinopsis 1 dan 2 yang disesuaikan daripada catatan seorang guru yang dipetik daripada Hopkin, 1993.

## SINOPSIS 1

(Disesuaikan daripada laporan seorang guru, dalam Hopkin, 1993)

<p>Keinginan untuk mengetahui apa yang berlaku dalam kelas/pengajaran saya. (membuat rakaman audio)</p> <p>" ... Saya rasa seolah-olah saya agak cepat (<i>abrupt</i>) dalam teknik penyoalan saya dan tidak memberi murid masa yang cukup untuk membentuk jawapan kepada soalan saya."</p> <p>Keputusan: "Saya meneroka lebih lanjut dan memastikan sama ada hal ini merupakan amalan pengajaran saya (tekal) atau hanya dipengaruhi oleh keadaan masa itu."</p> <p>(Membuat rakaman sekali lagi dan disokong dengan pencerapan oleh rakan dan berbual-bual dengan murid selepas pengajaran)</p> <p>"... Saya dapati memang benar bahawa saya meminta jawapan dengan cepat selepas mengemukakan soalan dan agak kerap juga saya menjawab sendiri soalan saya itu."</p> <p>Membuat rujukan (Membaca) Saya terjumpa dengan literatur yang membincangkan perkaitan antara tempoh yang berlalu selepas guru mengemukakan soalan dengan kualiti maklum balas (<i>response</i>) murid. Saya merasakan bahawa saya tidak memberi murid cukup masa untuk berfikir selepas mengemukakan sesuatu soalan.</p> <p>Keadaan ini mungkin menjejaskan proses berfikir mereka (?)</p>	<p><b>MENGUMPUL DATA</b></p> <p><b>MENGESAHKAN ANDAIAN</b></p> <p><b>TAFSIRAN</b></p> <p><b>TINDAKAN</b></p>
---	--



<p><b>GURU A</b></p>	<p>Kami membentuk beberapa hipotesis. Antaranya:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• kandungan pelajaran yang saya gunakan tidak merangsang murid; dan</li> <li>• murid tidak dapat mengaitkan isi pelajaran dengan keperluan atau minat mereka.</li> </ul>
<p><b>GURU A</b></p>	<p>Saya mencari idea dan berusaha menggunakan isi pelajaran yang ada kaitan dengan minat atau pengalaman murid. Saya mengubah suai jenis soalan, khususnya, saya memperbanyakkan soalan terbuka serta soalan yang saya sendiri tidak tahu jawapannya....</p>
<p><b>GURU A</b></p>	<p>Sepanjang mencuba perubahan-perubahan yang saya rancangkan itu, saya terus meminta guru B memantau pengajaran saya selama satu minggu serta membuat rakaman video.</p>
<p><b>GURU A</b></p>	<p>Kami menonton rakaman tersebut dan berbincang. Kami dapati rakaman video menunjukkan interaksi yang lebih kompleks berlaku.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• penglibatan murid bertambah;</li> <li>• murid lebih berminat;</li> <li>• murid lebih kerap memberi cadangan; dan</li> <li>• komunikasi lisan lebih natural.</li> </ul>
<p><b>GURU A</b></p>	<p>... Saya telah diminta membuat laporan kepada guru-guru lain tentang apa yang saya buat dan saya bersetuju dengan permintaan tersebut.</p>



## **BAB 3**

### **MERANCANG DAN MELAKSANAKAN KAJIAN**

#### **3.1 Pengenalan**

Merancang ialah aktiviti yang penting dalam proses melaksanakan kajian tindakan untuk mencapai objektif. Dalam konteks kajian tindakan, penyelidik yang hendak menjalankan kajian tindakan seharusnya membuat perancangan yang komprehensif agar tindakan yang diambil benar-benar berkesan dalam mengatasi permasalahan yang telah dikenal pasti.

#### **3.2 Proses merancang dan melaksanakan kajian**

Dalam konteks pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah, proses ini melibatkan langkah-langkah yang berikut:

1. Melakukan proses refleksi terhadap amalan pengajaran dan pembelajaran.
2. Mengenal pasti fokus kajian.
3. Mengenal pasti objektif kajian.
4. Menentukan kumpulan sasaran.
5. Merancang dan melaksanakan tindakan bagi mengatasi permasalahan.

#### **LANGKAH 1: MEREFLEK (*Reflect*)**

Mereflek merupakan tindakan mencerminkan diri bagi melihat kekuatan dan kelemahan amalan sendiri di dalam pengajaran dan pembelajaran. Ia merupakan aktiviti penting di mana seseorang individu perlu mengingat kembali pengalaman yang telah dilalui dan mempertimbangkan serta membuat penilaian. Melalui amalan refleksi ini, tema, masalah, isu atau keprihatinan bagi kajian tindakan yang hendak dijalankan dapat dikenal pasti. Refleksi boleh dilakukan ke atas pengalaman atau aktiviti yang dilalui oleh diri sendiri, murid, kemahiran, persekitaran, isi kandungan mata pelajaran, bahan pengajaran, komunikasi, disiplin dan pengajaran dan pembelajaran.

### **Contoh 1:**

*Saya telah memeriksa satu lembaran kerja yang telah saya berikan kepada murid-murid kelas 3E. Saya dapati hampir 60% murid membuat banyak kesilapan semasa membina ayat-ayat mudah daripada rajah tukar ganti. Mereka juga merupakan murid-murid yang rendah prestasi akademik setelah “streaming”. Secara keseluruhannya, mereka amat lemah dalam keseluruhan mata pelajaran. Mereka tidak berkomunikasi dalam Bahasa Inggeris selain bahasa ibunda. Mereka juga kurang berkomunikasi dengan saya semasa pengajaran dan pembelajaran mahupun di luar bilik darjah.*

### **Contoh 2:**

*Pertama sekali saya ingin nyatakan perasaan yang begitu kesal dan tidak berpuas hati terhadap diri sendiri kerana tidak memberikan tunjuk ajar yang betul kepada anak-anak didik saya. Sering kali terdengar perkataan....tak faham.... ia teacher.....macam mana nak buat.... begitu sinonim sekali setiap kali pembelajaran Bahasa Inggeris. Bagi saya mereka terlalu bergantung kepada guru untuk memberi jawapan, mereka tidak ingin mencuba membuat sendiri. Tetapi saya tidak boleh menyalahkan mereka seratus peratus kerana latar belakang keluarga yang miskin, kurangnya perhatian daripada ibu bapa serta tidak ada kemudahan seperti Perpustakaan Awam juga membatasi pembelajaran mereka.*

*Saya pula selalu menjawab ....“Apalah awak ni yang tu pun..... tak boleh buat.... senang aje... do it yourself...” tanpa memberi tunjuk ajar yang betul serta tidak prihatin kepada masalah yang dihadapi oleh murid-murid....*

## **LANGKAH 2: MENGENAL PASTI FOKUS KAJIAN**

### **a. Menentukan fokus kajian**

Menentukan fokus kajian adalah penting bagi memudahkan penyelidik membuat perancangan tindakan seterusnya. Fokus kajian yang tidak jelas akan menyebabkan tindakan yang diambil tidak tepat untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi. Kesilapan tersebut juga mengakibatkan tindakan pembetulan tidak berkesan.

Berdasarkan refleksi, penyelidik perlu memfokuskan kepada satu daripada beberapa masalah yang dinyatakan. Secara ringkasnya penentuan fokus kajian perlu memberi pertimbangan kepada perkara-perkara berikut:

- i. Masalah yang memerlukan tindakan segera di mana masalah tersebut merupakan keutamaan daripada dua atau lebih masalah yang telah dikenal pasti.
- ii. Penyelesaian masalah itu penting untuk guru, murid dan sekolah.
- iii. Data boleh dikutip dengan cepat dan mudah dalam situasi di tempat kerja terutamanya berkaitan pengajaran dan pembelajaran.
- iv. Bidang kajian berada dalam ruang lingkup kuasa guru untuk bertindak.

**Contoh:**

*“... Walaupun saya mengesan beberapa masalah yang dihadapi oleh murid saya, saya hanya akan fokuskan kajian ini kepada masalah penguasaan kosa kata. Murid saya mempunyai kosa kata yang sangat terhad. Saya akan fokuskan kepada kesilapan yang sering dilakukan oleh murid iaitu :*

- i. Kesilapan penggunaan perkataan dalam ayat;*
- ii. Menggunakan kosa kata yang berulang-ulang dalam satu ayat; dan*
- iii. Murid tidak dapat menulis ayat yang gramatis.*

*Dengan membantu mereka memperkayakan kosa kata, saya yakin mereka boleh membina ayat dengan tepat, jelas dan gramatis dan sekali gus membantu mereka lulus dengan baik semasa menjawab Kertas 1 Bahasa Melayu SPM.*

**b. Kriteria menentukan fokus kajian**

**i. Skop Kajian**

- Adakah masalah itu wujud dalam kelas anda?
- Adakah masalah itu serius dan mengganggu prestasi pengajaran anda?
- Dapatkah anda melakukan sesuatu terhadap masalah tersebut bagi membaikinya?
- Adakah anda terlalu bergantung kepada orang lain apabila hendak melakukan tindakan intervensi terhadap masalah tersebut?

**ii. Kerelevanan**

Sejauh manakah pentingnya penyelesaian masalah itu dari segi:

- Jangka masa pendek?
- Jangka masa panjang?
- Adakah anda berminat untuk menyelesaikan masalah itu?
- Adakah anda perlu menyelesaikan masalah itu untuk membolehkan anda menyambung tugas seterusnya?
- Adakah masalah itu, jika tidak diselesaikan, mempunyai kesan ke atas tugas rakan sejawat yang lain?
- Adakah masalah itu, sekiranya dibiarkan berterusan, mempunyai kesan negatif ke atas institusi tempat anda bekerja?

**iii. Kebolehdurusan (*manageability*)**

- Adakah anda berkebolehan menyelesaikan masalah?
- Adakah anda mempunyai masa untuk menangani masalah tersebut?
- Apakah persiapan yang perlu anda lakukan?
- Apakah kekangan yang mungkin dihadapi?

**iv. Keserasian (*compatibility*)**

- Adakah ia melibatkan kerja-kerja yang sememangnya selalu anda lakukan?
- Adakah mungkin aktiviti-aktiviti kajian itu dapat digabungkan dengan kerja-kerja mengajar?
- Adakah anda boleh mendapat bantuan rakan sejawat untuk menyelesaikan masalah itu?
- Apakah sokongan yang boleh diperolehi dari pihak atasan anda?

Sekiranya, penyelidik dapat memberikan jawapan yang meyakinkan kepada semua persoalan dalam kriteria pemilihan di atas, maka penyelidik sudah menemui fokus kajian yang tepat pada ketika itu.

### LANGKAH 3: MENGENAL PASTI OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian merupakan tujuan yang ingin dicapai oleh penyelidik melalui kajian berdasarkan masalah yang telah dikenal pasti. Objektif utama kajian ialah mengakibatkan perubahan tingkah laku guru dan murid. Objektif itu mestilah boleh diukur semasa dan selepas kajian. Ia terdiri daripada Objektif Umum dan Objektif Khusus.

(i) **Objektif Umum:** Mengikut apa yang dipilih dalam tajuk

**Contoh:**

*Meningkatkan kemahiran menggunakan tatabahasa (grammar) dalam membina ayat Bahasa Inggeris.*

(ii) **Objektif Khusus:** Boleh diukur, dilaksanakan atau memberi perubahan kepada sikap murid, sikap guru dan amalan dalam pengajaran dan pembelajaran.

**Contoh:**

- 1. Murid dapat menguasai kemahiran menukarkan "Personal Pronouns", "Possessive Pronouns" dan "Possessive Adjectives" dengan betul.*
- 2. Murid dapat menulis sepuluh ayat dengan menggunakan tatabahasa yang betul di akhir sesuatu aktiviti penulisan*

### LANGKAH 4: MENENTUKAN KUMPULAN SASARAN

Kumpulan sasaran merupakan kumpulan guru atau murid yang terlibat di dalam kajian yang akan dijalankan. Kumpulan guru atau murid tersebut mestilah terdiri daripada kumpulan yang terlibat di dalam isu permasalahan kajian dan situasi sosial penyelidik.

**Contoh :**

*Kajian ini melibatkan 20 orang murid Tahun 5 Bestari yang terdiri daripada 8 orang murid perempuan dan 12 orang murid lelaki. Mereka ini mempunyai pencapaian yang rendah (kurang dari 40 markah) dalam ujian bulan Mac yang lalu.*

**LANGKAH 5: MERANCANG DAN MELAKSANA TINDAKAN**

**a. Tinjauan Awal Masalah**

Semasa membuat tinjauan awal, penyelidik dikehendaki mengumpul data dengan menggunakan beberapa instrumen kajian. Ia bertujuan untuk mendapatkan gambaran awal tentang sesuatu masalah disamping membantu penyelidik memahami masalah yang telah dikenal pasti dengan lebih mendalam. Sebelum merancang, penyelidik perlu mengenal pasti masalah yang terdapat dalam pengajaran dan pembelajaran mereka. Penyelidik boleh mengutip data dengan menggunakan pelbagai kaedah, contohnya dengan menggunakan soal selidik, menjalankan temu bual, membuat pemerhatian, menjalankan ujian pra, membuat analisis dokumen (hasil kerja murid, jadual kedatangan, rekod keputusan ujian/peperiksaan, rekod latar belakang murid dan sebagainya).

**Contoh:**

*Saya telah membuat pemerhatian daripada pemeriksaan buku latihan murid, menganalisis markah Ujian Bulan Mac serta semasa menjalankan aktiviti dalam kelas, saya dapati latihan kerja penulisan tidak dapat dijawab dengan baik. Penulisan mereka tidak mengikut struktur binaan ayat yang betul. Mereka keliru tentang penggunaan kata kerja hendaklah bersesuaian dengan subjek, khususnya dalam penggunaan "s" didalam kata kerja present tense. Contohnya: Ali walks to school. Selalunya murid-murid tidak tahu bila perlu menambah 's' selepas sesuatu kata kerja.*

*Berdasarkan pemerhatian yang telah dibuat ini, saya membuat rumusan bahawa sesuatu perlu dilakukan terhadap murid-murid tahun 5 Melur ini untuk membantu mereka memantapkan penulisan ayat khasnya penggunaan subject verb agreement dalam present tense.*

## b. Analisis Tinjauan Awal Masalah

Data yang telah dikumpul perlu dianalisis untuk mengenal pasti masalah-masalah yang dihadapi dalam proses pengajaran dan pembelajaran di mana masalah-masalah itu disenaraikan mengikut keutamaannya. Antara masalah-masalah yang diberi keutamaan adalah seperti berikut:

- i. Masalah yang mengongkong kemajuan pembelajaran murid;
- ii. Masalah yang menjadi penghalang kepada keberkesanan pengajaran dan pembelajaran;
- iii. Masalah yang memerlukan tindakan penyelesaian segera.

Setelah masalah dikenal pasti, penyelidik perlu membuat huraian dari data yang dianalisis dan persembahkan data dalam bentuk yang sesuai seperti jadual, carta dan sebagainya.

### Contoh:

*Berdasarkan Ujian Bulan Mac, buku latihan murid serta pemerhatian saya dibilik darjah, saya dapati ramai murid tidak dapat menulis ayat mengikut struktur binaan ayat yang betul. Berikut adalah analisis penulisan ayat mengikut format subject-verb agreement.*

Jadual 3.1: Analisis penulisan ayat oleh murid mengikut format *subject-verb agreement*.

<b>Nama</b>	<b>Menepati</b>	<b>Tidak menepati</b>	<b>Nama</b>	<b>Menepati</b>	<b>Tidak menepati</b>
Murid 1		X	Murid 9		X
Murid 2	X		Murid 10		X
Murid 3		X	Murid 11	X	
Murid 4		X	Murid 12		X
Murid 5		X	Murid 13		X
Murid 6		X	Murid 14	X	
Murid 7	X		Murid 15		X
Murid 8	X		Murid 16	X	

*Berdasarkan analisis di dalam Jadual 3.1 di atas, hanya 6 (37.5%) orang murid yang menjawab menepati struktur binaan yang sebenar di dalam Ujian Mac dan buku latihan. Agak menyedihkan apabila saya dapati seramai 10 (62.5%) orang murid tidak menepati apa yang dikehendaki. Mungkin murid-murid ini tidak memahami dengan baik dan keliru dengan konsep subject-verb-agreement.*

### **(c) Merancang tindakan**

Merancang tindakan atau intervensi bagi mengatasi masalah yang difokuskan merupakan proses merancang aktiviti-aktiviti intervensi yang sesuai untuk menyelesaikan masalah yang telah dikenal pasti sebagai fokus kajian.

Bagi menentukan tindakan intervensi yang hendak dijalankan beberapa perkara berikut perlu diberi perhatian iaitu:

- i. Memastikan matlamat tindakan intervensi selaras dengan objektif kajian.
- ii. Menentukan tempoh pelaksanaan bagi setiap aktiviti.
- iii. Mengenal pasti bahan-bahan yang diperlukan untuk menjalankan aktiviti.
- iv. Menetapkan cara pemantauan dan kaedah penilaian bagi menentukan keberkesanan tindakan intervensi yang dijalankan seperti ujian, soal selidik, temu bual, pemerhatian, analisis dokumen dan sebagainya.
- v. Meletakkan penanda aras pencapaian minimum tindakan intervensi untuk mengesahkan keberkesananannya.

### **Contoh:**

*Tindakan dan aktiviti yang dirancang:*

- i. *Menggunakan kaedah warna dalam membezakan perubahan-perubahan "Pronouns" antara lelaki dan perempuan.*
- ii. *Menggunakan kad-kad imbasan warna biru untuk lelaki dan merah untuk perempuan.*
- iii. *Menyediakan soalan-soalan yang lebih memfokuskan sub-sub kemahiran yang lebih khusus kepada pertukaran "Pronouns" dalam ayat-ayat mudah Bahasa Inggeris.*
- iv. *Mengadakan ujian pada akhir sesi pengajaran dan pembelajaran bagi mengenal pasti keberkesanan aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan.*



#### **(d) Pelaksanaan Tindakan**

Dalam peringkat melaksanakan tindakan bagi mengatasi isu atau masalah yang menjadi fokus, penyelidik perlu melaksanakan aktiviti-aktiviti intervensi mengikut ketetapan rancangan tindakan. Walau bagaimanapun, masih dibenarkan mengubah suai rancangan tindakan sekiranya keadaan memerlukan.

#### **Contoh:**

**MINGGU 1** – Menukarkan “nouns” kepada “pronouns” (60 minit waktu P&P).

Jadual 3.2: Jadual Pelaksanaan Aktiviti

Aktiviti 1 (15 minit)	<ul style="list-style-type: none"><li>• Guru menerangkan pertukaran nouns kepada pronouns bagi lelaki dan perempuan.</li><li>• Kad imbasan berwarna merah dan biru diedarkan kepada murid.</li></ul>
Aktiviti 2 (10 minit)	<ul style="list-style-type: none"><li>• Murid melakukan aktiviti mengangkat kad imbasan apabila guru menyebut secara lisan.</li></ul>
Aktiviti 3 (10 minit)	<ul style="list-style-type: none"><li>• Kad imbasan ditukarkan kepada kad yang bergaris merah dan biru.</li><li>• Aktiviti 2 diulang semula.</li></ul>
Aktiviti 4 (10 minit)	<ul style="list-style-type: none"><li>• Kad imbasan ditukarkan kepada kad yang tidak berwarna.</li><li>• Aktiviti 3 diulang semula</li></ul>
Aktiviti 5 (15 minit)	<ul style="list-style-type: none"><li>• Lembaran kerja diberikan.</li><li>• Markah murid direkodkan.</li></ul>

*Aktiviti ini adalah sebagai contoh kepada tindakan intervensi yang boleh dijalankan oleh guru.*

#### **(e) Pemerhatian/Penilaian yang dijalankan**

Memerhati melibatkan proses mengumpul dan menganalisis data bagi menilai keberkesanan tindakan. Antara perkara-perkara yang perlu diberi perhatian semasa melaksanakan tindakan adalah seperti berikut:

- i. Memerhati dan mencatatkan reaksi dan perubahan tingkah laku kumpulan sasaran anda.
- ii. Catatkan maklumat-maklumat di luar jangkaan, kekangan dan halangan yang dihadapi.
- iii. Selepas tindakan intervensi dilaksanakan, tugas penyelidik seterusnya ialah mengutip dan menganalisis data dapatan untuk menilai keberkesanan tindakan tersebut. Kaedah mengutip dan menganalisis data pada peringkat ini sama dengan peringkat tinjauan awal.
- iv. Akhirnya, proses refleksi dilakukan sekali lagi terhadap keberkesanan tindakan intervensi yang telah diambil dan seterusnya mencadangkan tindakan susulan. Contohnya, pemerhatian boleh dilakukan terhadap perubahan markah lembaran kerja murid untuk menganalisis keberkesanan tindakan.

## **BAB 4 REFLEKSI**

### **4.1 Pengenalan**

Kajian Tindakan adalah satu kajian yang berbentuk inkuiri refleksi sendiri, iaitu satu kajian yang dilakukan oleh peserta dalam situasi sosial peserta itu sendiri misalnya guru sebagai penyelidik, perlu melakukan refleksi yang diikuti pelaksanaan tindakan praktik (intervensi) yang dibuatnya sendiri bertujuan untuk memperbaiki atau meningkatkan kualiti amalannya, di samping meningkatkan kefahaman tentang amalan tersebut serta situasi di mana amalan itu dilakukan. Justeru, amalan refleksi terhadap pengajaran sendiri oleh guru adalah penting sebagai asas bagi menggerakkan guru untuk menyelidik amalan pengajaran mereka masing-masing. Guru yang melaksanakan refleksi yang sistematik terhadap amalan pengajarannya akan menjadi agen perubahan. Guru yang sedemikian akan sentiasa membuat perubahan terhadap pengajarannya untuk tujuan penambahbaikan atau peningkatan.

### **4.2 Definisi Refleksi**

Refleksi merupakan proses mengingat kembali pengalaman yang telah dilalui, memikirkannya, mempertimbangkannya dan seterusnya membuat penilaian terhadap pengalaman tersebut. Refleksi amat penting dalam Kajian Tindakan. Ia didefinisikan sebagai inkuiri yang sistematik oleh seseorang guru terhadap amalan pengajaran sendiri bagi memperbaiki dan meningkatkan keberkesanannya serta memperdalamkan kefahaman terhadapnya. Knowles (1992) menegaskan bahawa:

*One way to think about the meaning of “reflective” is in terms of properties of mirrors and prisms. Mirrors and transparent prisms reflect and refract light, they change the direction that light rays travel, sometimes even ‘bending’ them back on themselves, causing them to move in direction opposite to that in which they originally travelled.*

Semua guru perlu menjadi pemikir yang reflektif. Guru yang efektif adalah berkait rapat dengan guru yang reflektif. Guru yang reflektif adalah guru yang responsif terhadap perubahan emosi dan keperluan pendidikan setiap individu murid yang diajarnya, sentiasa memantau tindakan yang diambil dan matlamat yang hendak dicapai, seterusnya melihat kembali matlamat pengajaran, kaedah dan bahan pengajarannya. Trish (1992) dalam Norton (1997:404) menganggap :

*A reflective teacher is one who checks back and say, "Did that work? What could I do to help that child?" It's (reflective thinking ) an on-going process that you do before you arrive at school, during the school day, and in the evening at home. It's an on-going check of the child's progress. You don't get to the end of the year and find out that one of your students can't read.*

Mengikuti Dewey (1909; 1933), sikap yang perlu ada untuk menjadi seorang yang berfikiran reflektif adalah berfikiran terbuka (*open-mindedness*), kesungguhan (*whole-heartedness*) dan tanggung jawab intelek (*intellectual responsibility*). Seseorang yang berfikiran reflektif mempunyai kesediaan melihat sesuatu masalah daripada pelbagai perspektif dengan penuh kesungguhan dan tanggungjawab.

Bey (1987) mencadangkan soalan-soalan berikut bagi memupuk fikiran reflektif:

- What am I doing?*
- Why am I doing?*
- What other way can I do it?*
- How does it work?*
- Can I do it again or another way?*

#### **4.3 Tujuan Refleksi**

Tujuan refleksi adalah untuk membolehkan guru:

- menilai amalan pengajaran sendiri dan membaiki serta mempertingkatkanannya;
- menilai kesesuaian strategi pengajaran dan bahan bantu mengajar (BBM) yang digunakan;
- menganalisis nilai-nilai pendidikan yang menjadi asas amalan pengajaran;
- mengkaji dan menjelaskan peranan serta nilai peribadi berkaitan pendidikan secara berterusan; dan
- menghurai penjelasan tentang murid, interaksi bilik darjah serta proses pengajaran dan pembelajaran.

#### 4.4 Kaedah Refleksi

Refleksi boleh dilaksanakan seperti berikut:

- Analisis audio: Guru merakam sesi pengajaran dan pembelajarannya sendiri dan menganalisisnya.
- Analisis video: Guru merakam sesi pengajaran dan pembelajarannya sendiri atau dengan bantuan rakan dan menganalisisnya.
- Perbincangan dengan rakan setugas secara bersemuka ataupun *chatting* bagi membincangkan isu semasa berkaitan pengajaran dan pembelajarannya.
- Melibatkan diri dalam penulisan jurnal bagi berkongsi idea dan bertukar-tukar fikiran.
- Bertukar peranan dan tugas dengan rakan sejawatan bagi mengesan masalah pengajaran dan pembelajaran.
- Analisis dokumen.
- Menggunakan artikel terkini berkaitan isu-isu pendidikan.

#### 4.5 Hasil Refleksi

Hasil refleksi akan memberikan guru:

- Kefahaman baru

Guru boleh memahami keberkesanan pengajarannya dengan lebih mendalam lagi, terutamanya kenapa beliau berjaya atau tidak berjaya dalam sesuatu aktiviti yang dijalankan. Dengan memahami proses ini, guru boleh mengambil tindakan pemulihan untuk menangani kelemahan dan memperkukuhkan teknik pengajarannya.

- Kesedaran

Guru akan sedar tentang pelaksanaan projek kajian tindakan beliau. Kesedaran ini boleh membantu guru mengetahui persekitaran di mana beliau bekerja. Dalam perkataan lain, guru boleh membuat *environmental scanning* untuk mendapatkan maklum balas bagi mewujudkan kesedaran tentang situasi setempat.

- Keinsafan

Keinsafan ini ada kaitan dengan pembangunan tahap profesionalisme guru. Peranan guru adalah untuk mendidik dan sekiranya guru insaf tentang peranan mereka sebagai seorang pendidik yang berkewibawa maka beliau akan sentiasa memikirkan cara terbaik untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran mereka. Dengan berbuat demikian, segala pengetahuan dan kemahiran yang diperoleh itu dapat diterjemahkan kepada pelan tindakan.

- Perubahan persepsi

Perubahan persepsi berkait dengan mewujudkan satu paradigma baru tentang situasi di mana guru itu beroperasi. Sebagai contoh, kalau dahulunya guru menganggap pelajar mempunyai masalah sikap belajar, perubahan persepsi pada seseorang guru akan mengakibatkan guru itu mengubah persepsinya kepada sesuatu yang lebih positif. Hasil refleksi ini akan menjadikan guru memikirkan cara terbaik untuk pendekatan pedagogi yang sesuai dengan konteks pengajaran dan pembelajaran bilik darjah.

- Perubahan amalan

Guru perlu mengamalkan perubahan terancang (*planned change*). Untuk berbuat demikian, guru seharusnya menganggap sekolah sebagai organisasi pembelajaran atau *learning organisation*. Dalam sesuatu organisasi pembelajaran semua warga sama ada pentadbir, guru mahupun pelajar sentiasa berkolaborasi antara satu sama lain untuk mencapai objektif organisasi itu. Melalui perubahan amalan, guru-guru di sekolah itu dapat “belajar” teknik “*best practices*” yang telah membawa hasil.

#### **4.6 Bila Melakukan Refleksi?**

Refleksi adalah segala proses mengingat dan merenung kembali aktiviti yang telah dijalankan seseorang di peringkat awal, semasa dan selepas menjalankan kajian tindakan.

#### 4.6.1 Refleksi Peringkat Awal

Refleksi peringkat ini dilakukan sebelum memulakan sesuatu Kajian Tindakan. Antara langkah yang boleh dijalankan adalah:

- ❑ membuat analisis situasi serta menjelaskan isu, fenomena atau masalah pedagogi;
- ❑ menganalisis kefahaman sendiri terhadap isu, fenomena atau masalah pedagogi;
- ❑ menentukan isu/bidang keprihatinan; dan
- ❑ mengenalpasti tindakan intervensi yang bersesuaian.

Contoh soalan untuk menggerakkan refleksi pada peringkat awal:

- ❑ Apakah masalah dalam kelas saya? Mengapa ia berlaku?
- ❑ Bagaimanakah masalah itu boleh ditangani?
- ❑ Apakah strategi yang perlu digunakan? Bagaimanakah menggunakannya?

#### 4.6.2 Refleksi Semasa Kajian

Refleksi peringkat ini dilakukan semasa kajian sedang dijalankan iaitu:

- ❑ membuat keputusan awal terhadap perjalanan proses tindakan (intervensi);
- ❑ menerima komen dan teguran spontan semasa menjalankan tindakan tersebut;
- ❑ mengatasi segala rintangan dengan penambabaikan yang sewajarnya; dan
- ❑ menilai keberkesanan tindakan intervensi tersebut.

Contoh soalan untuk menggerakkan refleksi peringkat semasa kajian:

- ❑ Adakah anda setuju dengan tindakan yang diambil?
- ❑ Apakah persepsi anda terhadap tindakan tersebut?
- ❑ Apakah rintangan yang dihadapi semasa menjalankan tindakan?
- ❑ Apakah keberkesanan tindakan?

### 4.6.3 Refleksi Selepas Kajian

Refleksi peringkat ini dilakukan selepas menjalankan tindakan, iaitu:

- ❑ mensintesis perubahan dan peningkatan diri guru dan murid;
- ❑ menilai kembali kesan tindakan yang telah diambil serta kefahaman baru yang diperolehi;
- ❑ menentukan rumusan yang boleh dilaksanakan; dan
- ❑ merancang tindakan susulan.

Contoh soalan untuk refleksi peringkat selepas kajian:

- ❑ Apakah perubahan yang berlaku selepas tindakan diambil?
- ❑ Apakah perasaan anda terhadap keseluruhan tindakan?
- ❑ Apakah kesimpulan daripada tindakan?
- ❑ Bagaimanakah rancangan kajian anda selepas ini?



## **BAB 5**

### **PENGUMPULAN DATA**

#### **5.1 Kaedah Pengumpulan Data**

Kajian tindakan memerlukan asas empirikal yang kukuh untuk membolehkan tindakan yang tepat dijalankan. Oleh itu, pengumpulan data yang sahih amat penting. Dalam kajian tindakan, guru boleh memungut data menggunakan instrumen seperti berikut:

- 1. Soal selidik**
- 2. Temu bual**
- 3. Pemerhatian**
- 4. Ujian**

Selain daripada itu, data juga boleh diperoleh daripada **Analisis Dokumen**.

#### **5.2 Soal Selidik**

Soal selidik kerap digunakan oleh seseorang guru yang menjalankan kajian tindakan. Ia merupakan satu daripada cara yang paling mudah untuk memperoleh data yang diperlukan bagi membolehkan guru mengetahui keadaan sebenar tentang isu-isu pengajaran dan pembelajaran. Soal selidik yang dibina mestilah menepati objektif atau masalah yang dikaji.

##### **5.2.1 Panduan Membina Soal Selidik**

- Soal selidik yang dibina mestilah relevan dengan tujuan kajian.
- Soalan yang dikemukakan perlulah jelas dan tidak mengelirukan responden.
- Soalan yang dikemukakan hendaklah mudah dijawab oleh murid atau responden.
- Soalan yang diajukan dapat mengumpulkan maklumat yang dikehendaki setepat mungkin.

## 5.2.2 Bentuk Soalan

### i. Soalan Tertutup

Soalan tertutup mempunyai beberapa pilihan jawapan yang disediakan. Responden perlu memilih jawapan yang paling sesuai tentang fenomena yang berkaitan. Terdapat beberapa jenis skala pengukuran yang boleh digunakan untuk soalan tertutup seperti:

#### a. Soalan Tertutup *Dichotomous*

Skala ini mempunyai dua pilihan seperti Ya/Tidak, Benar/Salah, Ada/Tiada dan Setuju/Tidak Setuju.

#### Contoh 1:

Nyatakan persetujuan anda terhadap pernyataan berikut:

Tandakan (√) pada kotak yang disediakan.

Bil	Pernyataan	Ya	Tidak
1	Saya kerap menerima e-mel		
2	Saya ada membina laman web sekolah		
3	Saya sering berkongsi maklumat mengenai internet dengan rakan		

#### Contoh 2:

Berikut ialah aktiviti yang biasanya dijalankan oleh Unit Bimbingan dan Kaunseling di sekolah. Nyatakan sama ada perkhidmatan berikut ada atau tiada di sekolah anda.

Tandakan (√) pada kotak yang disediakan.

Bil	Aktiviti	Ada	Tiada
1	Kaunseling individu		
2	Kaunseling berkumpulan		
3	Pembimbing rakan sebaya		

## b. Skala Likert

Skala ini mempunyai pernyataan yang mempunyai beberapa tahap persetujuan. Dalam bentuk asal skala ini mempunyai 5 poin, iaitu:

**1. Sangat tidak setuju, 2. Tidak setuju, 3. Tidak pasti, 4. Setuju, 5. Sangat Setuju**

Walau bagaimanapun skala asal Likert juga boleh dihasilkan dalam bentuk seperti skala yang mempunyai 4 poin, 6 poin, 7 poin dan sebagainya. Selain daripada itu, deskriptor bagi skala pun boleh diubah. Sebagai contoh, skala Likert 5 poin juga boleh dibuat seperti berikut:

**1. Sangat tidak sesuai, 2. Tidak sesuai, 3. Kurang sesuai, 4. Sesuai, 5. Sangat sesuai**

### Contoh 1:

Sila tandakan ( $\surd$ ) berdasarkan tahap persetujuan anda mengikut skala berikut:

1 = Sangat tidak setuju

2 = Tidak setuju

3 = Kurang setuju

4 = Setuju

5 = Sangat setuju

Bil	Soalan	1	2	3	4	5
1	Saya sedia mengikuti kursus penggunaan internet					
2	Internet sangat sesuai digunakan sebagai alat perhubungan					
3	Laman web adalah cara terbaik untuk mendapatkan maklumat					

## Contoh 2:

Nyatakan tahap persetujuan anda terhadap bilangan item di bawah dan bulatkan mengikut skala berikut:

1 = Sangat tidak mencukupi (STC)

2 = Tidak mencukupi (TC)

3 = Mencukupi (C)

4 = Sangat mencukupi (SC)

### c. Skala Perbezaan Semantik (*Semantic Differential Scale*)

Skala ini dibangunkan oleh Osgood, Suci, and Tannenbaum (1957) dan mempunyai deskriptor dua hala yang bertentangan antara satu sama lain. Responden dikehendaki memilih satu poin dalam *continuum* pada skala yang diberikan. Dalam bentuk asalnya skala ini mempunyai 7 poin.

#### Contoh 1:

Pengajaran guru Sejarah saya

**Tidak berkesan**      \_\_\_\_\_      \_\_\_\_\_      \_\_\_\_\_      \_\_\_\_\_      \_\_\_\_\_      \_\_\_\_\_      **Berkesan**  
   1            2            3            4            5            6            7

#### Contoh 2:

Bahan bantu mengajar yang digunakan oleh guru Pendidikan Seni saya sangat menarik.

**Tidak setuju**      \_\_\_\_\_      \_\_\_\_\_      \_\_\_\_\_      \_\_\_\_\_      \_\_\_\_\_      \_\_\_\_\_      **Setuju**  
   1            2            3            4            5            6            7

### d. Susunan Mengikut Keutamaan (*Rank Order*)

Skala *rank order* ini bertujuan untuk mendapatkan penilaian responden terhadap semua aspek yang disenaraikan. Susunan aspek ini adalah *mutually exclusive* mengikut keutamaan, iaitu nombor 1 menunjukkan peringkat tertinggi, nombor 2 kedua tertinggi

dan seterusnya hingga nombor terakhir yang menunjukkan peringkat keutamaan paling rendah.

**Contoh :**

Sila beri *ranking* mengikut keutamaan teknik pengajaran guru yang paling anda sukai bermula dengan nombor **1** sebagai **sangat suka**, diikuti dengan nombor **2** bagi teknik pengajaran yang **kedua disukai** dan seterusnya sehingga nombor **5**. Sila tulis pemeringkatan (*ranking*) anda pada kotak yang diberikan.

<b><i>Teknik Pengajaran Guru</i></b>	<b><i>Pemeringkatan (Ranking)</i></b>
Kuliah	
Latih tubi	
Syarahan	
Lakonan	
Lawatan	

**e. Maklumat Demografi**

Sesuai soal selidik pada kebiasaannya mempunyai satu bahagian yang mengandungi maklumat demografi responden. Bahagian demografi membolehkan analisis dibuat dengan lebih terperinci seperti mengikut jantina murid, peringkat sosio-ekonomi murid dan sebagainya.

**Contoh:**

**Nyatakan jantina anda. Tandakan (✓) pada kotak yang berkenaan.**

Lelaki	
Perempuan	

**Nyatakan umur anda sekarang**

	Tahun
--	-------

**Contoh Soal Selidik:**

<b>Kajian Pengajaran dan Pembelajaran Matematik</b>						
<i>Arahan: Tandakan (√) atau tulis di ruang yang berkenaan.</i>						
1.	Pada tahun persekolahan yang lalu, adakah ibu bapa anda berbincang	Ya	Tidak			
	(a) dengan guru matematik berkenaan pembelajaran matematik anda ?	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>			
	(b) dengan anda berkenaan masalah pembelajaran Matematik yang dihadapi?	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>			
	(c) dengan anda tentang pencapaian matematik anda?	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>			
<i>Bagi soalan 2 isikan ruang berkenaan berdasarkan skala berikut: (1) Tidak Pernah (2) Jarang (3) Kadang-kadang (4) Selalu</i>						
2.	Di rumah, bapa saya					
	(a) memastikan saya menyempurnakan kerja rumah matematik yang ditugaskan.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	
	(b) menolong saya dalam kerja rumah matematik jika saya menghadapi sebarang masalah.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	
	(c) memberi hadiah jika saya mendapatkan gred A dalam Matematik	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	
3.	Maklumat asas murid					
	1. Jantina :					
	<input type="checkbox"/> Lelaki <input type="checkbox"/> Perempuan					
	2. Pencapaian Matematik PMR : Gred <input type="checkbox"/>					
	3. Pengetahuan dalam matematik:	Amat Baik	Baik	Sederhana	Lemah	Amat Lemah
	(a) Bapa	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
	(b) Ibu	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
	4. Taraf Pendidikan					
	(a) Bapa					
	<input type="checkbox"/> Sarjana <input type="checkbox"/> Ijazah <input type="checkbox"/> Diploma <input type="checkbox"/> STPM <input type="checkbox"/> SPM					
	(b) Ibu					
	<input type="checkbox"/> Sarjana <input type="checkbox"/> Ijazah <input type="checkbox"/> Diploma <input type="checkbox"/> STPM <input type="checkbox"/> SPM					
	5. Pekerjaan					
	(a) Bapa					
	<input type="checkbox"/> Kakitangan kerajaan <input type="checkbox"/> Kakitangan swasta					
	<input type="checkbox"/> Tiada pekerjaan <input type="checkbox"/> Lain-lain (nyatakan) _____					
	(b) Ibu					
	<input type="checkbox"/> Kakitangan kerajaan <input type="checkbox"/> Kakitangan swasta					
	<input type="checkbox"/> Tiada pekerjaan <input type="checkbox"/> Lain-lain (nyatakan) _____					

## ii. Soalan Terbuka

Soalan terbuka memberi kebebasan kepada responden untuk mengemukakan pendapat dan memberi huraian lanjut berhubung soalan yang dikemukakan.

### Contoh:

Apakah pendapat anda terhadap pelaksanaan kokurikulum di sekolah?

---

---

---

Berikan cadangan anda untuk mempertingkatkan penglibatan murid dalam aktiviti kokurikulum?

---

---

---

## 5.3 Temu Bual

Temu bual merupakan kaedah pengutipan data yang melibatkan interaksi *face-to-face* antara penyelidik dengan informan atau orang yang ditemu bual. Temu bual ialah kaedah terbaik untuk meneroka (*probe*) dan mendapatkan maklumat daripada informan secara mendalam. Informan bagi temu bual terdiri daripada murid, ahli panitia, rakan sejawatan, pihak pentadbir dan ibu bapa. Mereka perlu ditemu bual untuk mengetahui persepsi, pendapat dan sikap mereka terhadap kajian yang dijalankan.

Temu bual juga boleh dilaksanakan melalui panggilan telefon khususnya dengan ibu bapa. Lebih ramai responden dapat dihubungi terutamanya yang melibatkan jarak jauh. Selain daripada penjimatan kos dapat dilaksanakan, kaedah ini juga membolehkan pengkaji mendapatkan data dengan lebih cepat. Di samping itu, tiada sentimen perasaan malu di kalangan responden dengan penyelidik kerana tidak bersua muka iaitu hanya berkomunikasi dua hala melalui telefon. Jadual 5.1 menunjukkan teknik utama temu bual.

Jadual 5.1: Teknik Utama Temu Bual

Teknik Temu Bual	Ciri Utama
Berstruktur	Soalan disediakan terlebih dahulu dan temu bual dilaksanakan secara formal.
Separa Berstruktur	Cuma soalan utama disediakan. Soalan susulan berdasarkan jawapan informan.
Tidak Berstruktur	Temu bual dijalankan secara tidak formal dengan menggunakan soalan terbuka. Hal ini bertujuan meneroka idea atau perasaan informan.

Untuk menjayakan sesi temu bual, panduan berikut boleh digunakan:

- Tentukan keadaan/suasana yang selesa semasa temu bual
- Pilih masa yang sesuai
- Bina hubungan (*rapport*) dengan informan
- Sekiranya perlu, minta kebenaran informan untuk merakamkan sesi temu bual
- Gunakan soalan “*probing*”, contohnya:
  - Apakah pandangan anda ...
  - Apa yang anda maksudkan dengan ...
  - Bagaimana ia boleh berlaku ...
  - Ulangi soalan/jawapan jika perlu
  - Berikan tempoh masa yang sesuai kepada informan untuk menjawab

#### 5.4 Pemerhatian

Pemerhatian merupakan proses meneliti situasi atau kejadian secara kritikal. Pemerhatian sesuai digunakan bagi mengamati tingkah laku murid berdasarkan pemboleh ubah atau aspek yang dikenal pasti. Pemerhatian perlu dijalankan secara sistematik. Pemerhatian boleh dilaksanakan dengan mencatat nota tentang apa yang berlaku di bilik darjah semasa proses pengajaran dan pembelajaran. Misalnya bagaimana guru mengajar dan bagaimana reaksi murid semasa pengajaran.

Selain daripada itu, pemerhatian juga boleh dilakukan dengan bantuan pita rakaman video, pita rakaman audio, kamera ataupun melalui telefon bimbit yang mempunyai fungsi merakam suara dan video. Seseorang penyelidik tidak boleh terpengaruh dengan tingkah laku subjek semasa menjalankan pemerhatian.



Pemerhatian boleh dilakukan melalui dua cara :

- a) Berstruktur
- b) Tidak Berstruktur


**a) Pemerhatian Berstruktur**

Dalam pemerhatian berstruktur aspek yang hendak diperhatikan dikenal pasti terlebih dahulu. Penyelidik memerhati, mendengar dan merekod maklumat berdasarkan set aktiviti yang telah dikenal pasti. Pemerhatian berstruktur dilakukan dengan menggunakan senarai semak seperti yang jelas ditunjukkan pada bab penganalisan data.

**b) Pemerhatian Tidak Berstruktur**

Dilakukan tanpa merujuk kepada set aktiviti atau aspek yang telah dikenal pasti. Penyelidik perlu menentukan fokus pemerhatian. Fokus ini termasuk tingkah laku murid, *body language* semasa pengajaran dan pembelajaran seorang murid atau sekumpulan murid dan pergerakan dalam bilik darjah. Guru juga perlu menentukan tingkah laku murid yang ada kaitan dengan isu yang dikaji.

Semasa menjalankan pemerhatian tidak berstruktur, penyelidik boleh meneliti perkara-perkara seperti yang ditunjukkan pada Rajah 5.1 berikut:



Rajah 5.1: Proses dalam Pemerhatian Tidak Berstruktur

## 5.5 Ujian

Ujian merupakan kaedah yang digunakan untuk mengutip data bagi menilai dan mengesan kefahaman murid terhadap sesuatu pelajaran yang telah dipelajari. Ujian boleh dijalankan secara lisan ataupun bertulis (pada kertas atau komputer).

Terdapat dua jenis ujian iaitu Ujian Pra dan Ujian Pos. Ujian digunakan untuk membandingkan prestasi murid sebelum dan selepas sesuatu rawatan atau program intervensi dijalankan. Jika keputusan Ujian Pos menunjukkan peningkatan yang signifikan berbanding Ujian Pra, maka objektif kajian tercapai. Kedua-dua set soalan Ujian Pra dan Ujian Pos mestilah sama ataupun setara untuk membolehkan perbandingan dibuat. Suasana peperiksaan kedua-dua ujian juga mesti tidak jauh berbeza.

Keputusan yang diperoleh daripada ujian boleh menjadi satu indikator yang baik tentang pencapaian atau penguasaan terhadap sesuatu kemahiran atau pengetahuan yang telah diajar kepada murid.

## 5.6 Analisis Dokumen

Pengumpulan data melalui analisis dokumen dapat memberikan maklumat yang relevan kepada isu dan masalah yang dikaji. Dokumen adalah sumber yang paling mudah kepada guru kerana maklumat yang diperlukan telah sedia ada. Contoh dokumen yang boleh digunakan:

- Diari atau Jurnal
- Sukatan Pelajaran dan Huraian Sukatan Pelajaran
- Buku Rancangan Mengajar Harian
- Buku teks dan buku rujukan
- Kertas peperiksaan dan ujian bulanan
- Tugas atau buku latihan murid
- Rekod pencapaian atau rekod adab
- Minit mesyuarat panitia
- Jadual Kedatangan Murid
- Gambar foto

## **BAB 6**

### **ANALISIS DATA**

#### **6.1 Pengenalan**

Data yang dipungut dalam sesuatu projek kajian tindakan perlu dianalisis dan penafsiran dibuat ke atasnya. Dengan menganalisis data, seseorang guru dapat melaporkan hasil kajian berdasarkan bukti-bukti yang diperoleh daripada responden. Dua jenis data biasanya diperoleh, iaitu i. data dalam bentuk nombor dan ii. data dalam bentuk teks. Kedua-dua jenis data ini boleh dianalisis secara manual atau melalui komputer. Bab ini menunjukkan bagaimana data dianalisis secara *manual* dan melalui komputer berdasarkan jenis instrumen seperti soal selidik, temubual, pemerhatian, ujian, dan jurnal/diari.

##### **6.1.1 Analisis Data Soal Selidik**

Sesuatu soal selidik biasanya mengandungi dua bahagian, iaitu satu bahagian yang mengandungi item-item maklumat demografi dan satu bahagian lain yang mengandungi maklumat skala pemeringkatan (*rating scale*). Item demografi adalah seperti jantina, umur, kelayakan, pengalaman mengajar dan sebagainya. Item skala pemeringkatan adalah seperti persepsi pelajar tentang proses pengajaran dan pembelajaran yang berlaku di bilik darjah. Soalan-soalan yang diwujudkan dalam sesuatu soal selidik bolehlah dalam bentuk soalan tertutup atau soalan terbuka.

###### a) Analisis Secara *Manual*

Berikut adalah beberapa contoh daripada pelajar yang telah memberi respons terhadap soalan-soalan tertutup dalam soal selidik. Pelajar 1, 2 dan 3 telah memberi respons kepada 4 item soalan yang menyentuh tentang pembelajaran Bahasa Inggeris (BI) berdasarkan skala jenis Likert 4 poin, 1 Sangat Tidak Setuju, 2. Tidak Setuju, 3. Setuju, dan 4. Sangat Setuju.

Pelajar 1

Item	Sangat Setuju (4)	Setuju (3)	Tidak Setuju (2)	Sangat Tidak Setuju (1)
1. Saya terpaksa membantu ibu bapa di rumah.	✓			
2. Saya mendapat bimbingan daripada ibubapa.		✓		
3. Saya memahami apa yang Cikgu ajar semasa kelas BI.		✓		
4. Saya menggunakan BI semasa di rumah.	✓			

Pelajar 2

Item	Sangat Setuju (4)	Setuju (3)	Tidak Setuju (2)	Sangat Tidak Setuju (1)
1. Saya terpaksa membantu ibu bapa di rumah.			✓	
2. Saya mendapat bimbingan daripada ibubapa.			✓	
3. Saya memahami apa yang Cikgu ajar semasa kelas BI.				✓
4. Saya menggunakan BI semasa di rumah.				✓

Pelajar 3

Item	Sangat Setuju (4)	Setuju (3)	Tidak Setuju (2)	Sangat Tidak Setuju (1)
1. Saya terpaksa membantu ibu bapa di rumah.		✓		
2. Saya mendapat bimbingan daripada ibubapa.			✓	
3. Saya memahami apa yang Cikgu ajar semasa kelas BI.		✓		
4. Saya menggunakan BI semasa di rumah.				✓

Daripada respons di atas, satu jadual pengagihan skor (rujuk Jadual 6.1) dihasilkan untuk menunjukkan kekerapan taburan respons dan nilai min terhadap sesuatu item.

Pelajar 1 di atas telah menandakan Sangat Setuju untuk Item 1, Setuju untuk Item 2, Setuju untuk Item 3 dan Sangat Setuju untuk Item 4. Berdasarkan kepada respons Pelajar 1 ini, *rating* yang diberikan dalam bentuk nombor boleh dipindahkan kepada Jadual 6.1 dengan menandakan simbol “/” pada lajur Sangat Setuju, Setuju, Tidak Setuju dan Sangat Tidak Setuju. Respons Pelajar 1 bagi Item 1 ialah Sangat Setuju atau 4. Oleh itu dalam kotak Item 1 di bawah Sangat Setuju tandakan “/” pada kotak bagi Item 1. Pelajar 1 menandakan Setuju pada Item 2. Oleh itu pindahkan respons ini kepada kotak Item 1 di bawah Setuju dengan menandakan “/”. Prosedur yang sama digunakan bagi mengagihkan skor bagi Item 3 dan Item 4. Seterusnya, masukkan skor *rating* untuk Pelajar 2 dan Pelajar 3. Apabila selesai, Item 1 mempunyai 1 respons ( / ) untuk Sangat Setuju, 1 ( / ) untuk Setuju dan 1 ( / ) untuk Tidak Setuju. Item 2 mempunyai 1 ( / ) respons untuk Setuju dan 2 ( // ) respons untuk Tidak Setuju.

Kekerapan untuk Item 1 ialah 3 (lihat lajur Kekerapan, Jumlah Skor dan Peratusan) di Jadual 6.1. Begitu juga Kekerapan untuk Item 2 ialah 3. Untuk mendapatkan nilai jumlah skor bagi setiap kotak pada Item 1, anda mesti ambil nilai kekerapan bagi setiap kotak dan darabkannya dengan nilai skor. Sebagai contoh, hanya seorang responden menandakan Sangat Setuju (4) pada Item 1 dan nilai poin bagi kotak ini ialah  $1 \times 4 = 4$ . Begitu juga seorang responden menandakan Setuju (3) bagi Item 1 dan jumlah poin bagi kotak ini ialah  $1 \times 3 = 3$ . Seterusnya 1 responden menandakan Tidak Setuju bagi Item 1 dan jumlah poin ialah  $1 \times 2 = 2$ . Nilai-nilai skor ini ditunjukkan dalam kurungan ( ) di kotak-kotak tertentu pada Jadual 6.1. Jumlah skor bagi Item 1 ialah 9.

Kemudian, kirakan kekerapan yang ditunjukkan dalam kotak-kotak itu dalam bentuk peratusan (%). Bagi kotak Item 1 dan Sangat Setuju, kirakan peratusan dengan mengambil kekerapan dan dibahagikan dengan Jumlah Skor, iaitu  $(1 / 3) \times 3 = 33.3\%$ . Prosedur pengiraan yang sama digunakan untuk mengira kotak-kotak Item 1 dengan Setuju dan Item 1 dengan Tidak Setuju.

Untuk menentukan min bagi Item 1 anda membahagikan Jumlah skor dengan kekerapan, iaitu  $9 / 3 = 3$  (Min = 3.00). Prosedur yang sama digunakan untuk mengira Item 2, 3 dan 4.

Jadual 6.1: Pengagihan Skor

Item	Sangat Setuju (4)	Setuju (3)	Tidak Setuju (2)	Sangat Tidak Setuju (1)	Kekerapan, Jumlah Skor & Min
1. Saya terpaksa membantu ibu bapa di rumah.	/ <b>(4)</b> (1x4) <b>[33.3%]</b> ((1/3)x100))	/ <b>(3)</b> (1x3) <b>[33.3%]</b> ((1/3)x100))	/ <b>(2)</b> (1x1) <b>[33.3%]</b> ((1/3)x100))		<b>3 (///)</b> <b>(9)</b> (4+3+2) <b>[100.0%]</b> (33.3+33.3+33.3) <b>Min=3.00</b> (9÷3)
2. Saya mendapat bimbingan daripada ibubapa.		/ <b>(3)</b> (1x3) <b>[33.3]</b> ((1/3)x100))	// <b>(4)</b> (2x2) <b>[66.7]</b> ((2/3)x100))		<b>3 (///)</b> <b>(7)</b> (3+4) <b>[100.0%]</b> (33.3+66.7) <b>Min=2.33</b> (7÷3)
3. Saya memahami apa yang Cikgu ajar semasa kelas BI.		// <b>(6)</b> (2x3) <b>[66.7]</b> ((2/3)x100))		/ <b>(1)</b> (1x1) <b>[33.3]</b> ((1/3)x100))	<b>3 (///)</b> <b>(7)</b> (6+1) <b>[100.0%]</b> (66.7+33.3) <b>(Min=2.33)</b> (7÷3)
4. Saya menggunakan BI semasa di rumah.	/ <b>(4)</b> (1x4) <b>[33.3]</b> ((1/3)x100))			// <b>(2)</b> (2x1) <b>[66.7]</b> ((2/3)x100))	<b>3 (///)</b> <b>(6)</b> (4+2) <b>[100.0%]</b> (33.3+66.7) <b>(Min=2.00)</b> (6÷3)
Jumlah	<b>(8)</b> (4+4)	<b>(12)</b> (3+3+6)	<b>(6)</b> (2+4)	<b>(3)</b> (1+2)	<b>(29)</b> (8+12+6+3)

Analisis respons teks terhadap soalan terbuka dijalankan dengan mewujudkan kategori-kategori respons berdasarkan tema-tema tertentu. Cara menganalisis data teks adalah seperti ditunjukkan pada bahagian Temu Bual dalam Bab ini.

b) Melalui Komputer

Analisis melalui komputer digalakkan sebab ia lebih mudah dan menjimatkan masa untuk menghasilkan output yang diperlukan. Salah satu perisian yang kerap digunakan ialah SPSS. Bahagian-bahagian berikut menghuraikan bagaimana anda boleh mewujudkan fail SPSS, memasukkan data dan menganalisis data bagi memperolehi statistik perihalan (*descriptive statistics*). Sebelum menjalankan analisis melalui SPSS fail data perlu diwujudkan. Dalam fail data ini, variabel-variabel perlu didefinisikan sebelum data kajian boleh dimasukkan.

## I. Bagaimana hendak mewujudkan fail data dan mendefinisikan variabel dalam SPSS?

Anda boleh menggunakan SPSS Data Editor untuk mendefinisikan variabel bagi item-item dalam soal selidik melalui langkah-langkah seperti berikut:

1. Klik Start → All Programs → SPSS for Windows → SPSS 12.0 for Windows → pilih Type in data → OK → Variable View → Mula mendefinisikan variabel (rujuk skrin Data Editor pada Rajah 6.1) dengan mengambil kira perkara-perkara berikut:
  - a) Name: Taip Item1 <Enter>
  - b) Variable Type: Pilih Numeric → OK
  - c) Width: 8
  - d) Decimal: 0
  - e) Label: Saya terpaksa membantu ibu bapa di rumah
  - f) Values: Bagi Value: taip 1; bagi Value Label: taip Sangat Tidak Setuju
  - g) Klik Add
  - h) Bagi Value: sekali lagi, taip 2; bagi Value Label: taip Tidak Setuju;
  - i) Klik Add
  - j) Kemudian Value: → taip 3 → Value Label: → taip Setuju
  - k) Klik Add
  - l) Seterusnya Value: → taip 4 → Value Label: → taip Sangat Setuju
  - m) Klik Add
  - n) Missing: No missing values → OK
  - o) Columns: 8
  - p) Align: Right
  - q) Measure: Ordinal



	Name	Type	Width	Decimals	Label	Values	Missing	Columns	Align	Measure
1	item1	Numeric	8	0	1. Saya terpaksa membantu ibu bapa	{1, Sangat tidak setuju}	None	8	Right	Ordinal
2	item2	Numeric	8	0	2. Saya mendapat bimbingan daripada ibubapa.	{1, Sangat tidak setuju}	None	8	Right	Ordinal
3	item3	Numeric	8	0	3. Saya memahami apa yang Cikgu ajar semasa	{1, Sangat tidak setuju}	None	8	Right	Ordinal
4	item4	Numeric	8	0	4. Saya menggunakan BI semasa di rumah.	{1, Sangat tidak setuju}	None	8	Right	Ordinal
5										
6										
7										
8										
9										

Rajah 6.1: Skrin Mendefinisikan Variabel dalam SPSS Data Editor

2. Definisikan variabel kedua (Item kedua dalam soal selidik) dan seterusnya habiskan definisi bagi semua variabel. Gunakan nama variabel sebagai Item2 bagi variabel “2. Saya mendapat bimbingan daripada ibubapa”, Item3 bagi variabel “3. Saya memahami apa yang Cikgu ajar semasa kelas BI” dan Item4 bagi variabel “4. Saya menggunakan BI semasa di rumah”. Jikalau anda tidak begitu arif tentang peringkat pengukuran (*Measure*) sesuatu variabel, anda boleh kekalkan variabel itu sebagai Scale, iaitu nilai default.
  
3. Setelah anda selesai mendefinisikan kesemua variabel, langkah seterusnya ialah memasukkan data ke dalam sel dengan cara seperti berikut:
  - a) Klik Data View (terletak di bahagian bawah sebelah kiri)
  - b) Klik baris 1, lajur 1 (perhatikan nama variabel itu di atas)
  - c) Taip data. Oleh kerana respons Pelajar 1 terhadap Item1 ialah 4 (Sangat Setuju), anda perlu taip 4 pada kes pertama dan lajur pertama. Selepas ini, masukkan data bagi variabel kedua pada kes yang sama di baris 1, lajur 2 dengan menekan kekunci (→) pada papan kekunci (*keyboard*).
  - d) Masukkan semua data bagi variabel-variabel selanjutnya sehingga semua input data selesai. Skrin untuk memasukkan data ditunjukkan pada Rajah 6.2 berikut.

	item1	item2	item3	item4	var	var
1	4	3	3	4		
2	2	2	1	1		
3	3	2	3	1		
4						
5						
6						
7						
8						
9						
10						

Rajah 6.2: Skrin Memasukkan Data dalam SPSS Data Editor


Apabila anda selesai memasukkan data ke dalam fail SPSS, seterusnya anda boleh mula menganalisis data bagi memperoleh output analisis. Statistik yang kerap digunakan dalam kajian tindakan ialah statistik perihalan.

## II. Bagaimana hendak memperoleh statistik perihalan?


Statistik perihalan boleh diperoleh dengan menggunakan prosedur Frequencies dalam SPSS. Statistik perihalan adalah seperti pengiraan frekuensi, min, median, sisihan piawai, nilai minima, nilai maxima dan sebagainya. Apabila menggunakan prosedur Frequencies, anda juga boleh memaparkan taburan dalam bentuk graf seperti graf bar, graf garis, dan bulatan berbahagi (*pie chart*). Langkah-langkah berikut menghuraikan cara untuk memperoleh statistik perihalan.

1. Dalam SPSS, pilih Analyze → Descriptive Statistics → Frequencies. Pada kotak dialog Frequencies, pilih variable *Item1* dan seterusnya klik anak panah kanan untuk memindahkan variabel *Item1* ke dalam kotak variabel (rujuk Rajah 6.3).


2. Pilih Statistics, klik Mean, Std. Deviation, Minimum, dan Maximum, dan seterusnya klik Continue (rujuk Rajah 6.4).
3. Pilih Charts → klik Bar Charts, seterusnya klik Continue (rujuk Rajah 6.5).
4. Klik OK.



Rajah 6.3: Kotak Dialog bagi Prosedur Frequencies



Rajah 6.4: Skrin Statistik dalam Prosedur Frequencies



Rajah 6.5: Kotak Dialog bagi *Charts*

Apabila anda klik OK, SPSS akan menghasilkan output statistik perihalan yang dikehendaki.

### III. Output daripada analisis SPSS

Output seperti yang ditunjukkan pada Jadual 6.1 hingga 6.5 dan Rajah 6.6 hingga 6.9 merupakan output sebenar yang diperolehi setelah *run* prosedur Frequencies melalui SPSS.

Jadual 6.1: Jadual Perangkaan Asas

		Statistics			
		1. Saya terpaksa membantu ibu bapa	2. Saya mendapat bimbingan daripada ibubapa.	3. Saya memahami apa yang Cikgu ajar semasa kelas BI.	4. Saya menggunakan BI semasa di rumah.
N	Valid	3	3	3	3
	Missing	0	0	0	0
Mean		3.00	2.33	2.33	2.00
Std. Deviation		1.000	.577	1.155	1.732
Minimum		2	2	1	1
Maximum		4	3	3	4

Jadual 6.2: Jadual Frekuensi Item 1

**1. Saya terpaksa membantu ibu bapa**

		Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	Tidak Setuju	1	33.3	33.3	33.3
	Setuju	1	33.3	33.3	66.7
	Sangat Setuju	1	33.3	33.3	100.0
	Total	3	100.0	100.0	

Jadual 6.3: Jadual Frekuensi Item 2

**2. Saya mendapat bimbingan daripada ibubapa.**

		Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	Tidak Setuju	2	66.7	66.7	66.7
	Setuju	1	33.3	33.3	100.0
	Total	3	100.0	100.0	

Jadual 6.4: Jadual Frekuensi Item 3


**3. Saya memahami apa yang Cikgu ajar semasa kelas BI.**

		Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	Sangat tidak setuju	1	33.3	33.3	33.3
	Setuju	2	66.7	66.7	100.0
	Total	3	100.0	100.0	


Jadual 6.5: Jadual Frekuensi Item 4

**4. Saya menggunakan BI semasa di rumah.**


		Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	Sangat tidak setuju	2	66.7	66.7	66.7
	Sangat Setuju	1	33.3	33.3	100.0
	Total	3	100.0	100.0	



Rajah 6.6: Graf Bar Item 1




Rajah 6.7: Graf Bar Item 2



Rajah 6.8: Graf Bar Item 3





Rajah 6.9: Graf Bar Item 4

Analisis respons teks melalui komputer boleh dijalankan dengan menggunakan perisian seperti SPSS Text Analysis for Surveys, TextSmart, NUD\*IST dan Nvivo. Semua perisian ini membolehkan analisis kualitatif dijalankan. Sungguhpun perisian ini dihasilkan untuk menganalisis respons dalam Bahasa Inggeris tetapi ia boleh disesuaikan untuk menganalisis perkataan dan rangkaian kata dalam Bahasa Malaysia. Output analisis juga boleh disesuaikan secara manual jika didapati tidak begitu tepat.

#### **6.1.2 ANALISIS DATA KE ATAS PEMERHATIAN YANG DIJALANKAN**

Permerhatian boleh dijalankan secara berstruktur atau tidak berstruktur (rujuk Bab 5 untuk penerangan lanjut tentang teknik ini) dan analisis ke atas data yang diperolehi daripada pemerhatian adalah seperti berikut.

(i) Pemerhatian Berstruktur

- Kirakan kekerapan dan peratusan.
- Susunkan mengikut keutamaan (*ranking*).

(ii) Pemerhatian Tidak Berstruktur

- Semak maklumat dengan terperinci.
- Baca semua catatan, pemerhatian dan kemudian *highlight* atau gariskan maklumat penting yang terdapat dalam catatan itu.
- Semak maklumat semula.
- Tentukan kategori maklumat yang digunakan untuk analisis.
- Cari tema untuk kategori itu.

## **PEMERHATIAN BERSTRUKTUR**

### **CONTOH 1 :**

#### **MEMERHATIKAN TINGKAH LAKU MURID YANG MENUMPUKAN/TIDAK MENUMPUKAN PERHATIAN SEMASA GURU MENGAJAR.**

Anda boleh menggunakan Jadual Pemerhatian untuk merekodkan kod-kod aktiviti yang dilakukan oleh murid semasa proses pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah. Kod nombor 1 hingga 9 berikut menunjukkan tingkah laku murid semasa kelas dijalankan.

1. Bercakap yang tiada kaitan dengan tugas yang diberi
2. Pemikiran di tempat lain sambil mencakar-cakar kertas (*doodling*)
3. Berangan-angan (*day-dreaming*)
4. Berjalan dari satu tempat ke tempat lain (*wandering around*)
5. Membuat kerja lain
6. Mengganggu murid lain secara fizikal
7. Mencuba untuk menarik perhatian
8. Mengasah pensel
9. Lain-lain aktiviti (seperti keluar bilik darjah)

Pemerhatian berdasarkan 9 aktiviti tersebut direkodkan dalam bentuk jadual (rujuk Jadual 6.6) apabila setiap skan (*scan*) dijalankan. Skan melibatkan pemerhatian

terhadap aktiviti atau sesuatu proses pengajaran yang berlaku dalam bilik darjah. Dalam Jadual 6.6, sebanyak 10 skan telah dijalankan dan nombor dicatatkan pada petak di mana seseorang pelajar itu diperhatikan telah menjalankan aktiviti yang dimaksudkan. Sebagai contoh, Asmah didapati “Berangan-angan” (aktiviti nombor 3) apabila skan pertama diadakan. Pada skan kedua, beliau didapati “Berjalan dari satu tempat ke satu tempat yang lain”. Setelah siap melengkapinya, jumlah aktiviti (dalam peratusan) dikira dan penafsiran tentang seseorang pelajar dibuat.

Jadual 6.6: Jadual Pemerhatian semasa Pengajaran dan Pembelajaran Bilik Darjah

Murid	Skan										
	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	%
Asmah Ahmad	3	4				3		8			40
Zainuddin Zain	2	2		3	3		4	2	3	2	80
S. Ramasamy	6	7			6	6		7			50
Jeffery Lim		5	5			5	5		5		50
Mary Danker	1	1	1	8					8	1	60

Daripada Jadual 6.6 di atas Zainuddin didapati telah menjalankan paling banyak aktiviti (80%) dan aktiviti-aktiviti itu merangkumi i. Berfikiran di tempat lain sambil mencakar-cakar kertas ii. Berangan-angan iii. Berjalan dari satu tempat ke tempat yang lain. Daripada ketiga-tiga aktiviti ini, beliau didapati paling kerap berangan-angan.


## CONTOH 2:

### PEMERHATIAN DALAM KELAS

#### KESEDIAAN MURID MENJAWAB SOALAN

Rajah 6.11 berikut menunjukkan kesediaan murid menjawab soalan semasa pengajaran dan pembelajaran (P & P) dijalankan. Bulatan-bulatan dalam rajah itu mewakili murid. Apabila murid menjawab soalan, nombor soalan itu dituliskan dalam bulatan mereka. Bulatan kosong menunjukkan murid itu tidak menjawab sebarang soalan.

**PEMERHATIAN DALAM KELAS  
KESEDIAAN MURID MENJAWAB SOALAN**



Rajah 6.10: Kesiediaan Murid Menjawab Soalan Semasa P & P di Bilik Darjah

Daripada Rajah 6.11, terdapat satu kumpulan murid (seramai 4 orang) yang langsung tidak menjawab sebarang soalan. Mereka ini duduk di belakang bilik darjah. Di samping itu, terdapat juga seorang murid yang duduk di baris pertama di hadapan kelas yang tidak menjawab sebarang soalan. Pada keseluruhannya, bolehlah dirumuskan bahawa kumpulan 4 orang murid di belakang kelas itu mungkin tidak memberi perhatian semasa guru mengajar. Guru perlu memantau kumpulan ini.

### CONTOH 3

#### SKEDUL RAKAMAN PERISTIWA BERDASARKAN BLOK MASA

Tarikh: 10/3/2008

Tingkatan: 4 Selasih

Jadual 6.7 menunjukkan aspek berfikir murid semasa pengajaran dan pembelajaran di bilik makmal fizik. Satu blok masa adalah bersamaan dengan 5 minit. Pada dua blok masa yang pertama (10 minit) guru menjalankan set induksi. Blok masa ketiga merupakan pengajaran sebenarnya.

**Jadual 6.7: Pengajaran Berfikir Secara Kritis Di Bilik Makmal Fizik**

5 10 15 20 25 30 35 40 minit

Aspek Berfikir	1	2	3	4	5	6	7	8	JUMLAH
Meminta murid mengemukakan soalan	X	X	Y	Y	Y		Y	Y	5/6
Mengemukakan soalan yang memerlukan murid berfikir di peringkat tinggi	X	X		Y					1/6
Mengemukakan soalan yang memerlukan murid mengingat fakta	X	X		Y	Y	Y		Y	4/6
Menggunakan perkataan “fikir”	X	X	Y	Y	Y	Y	Y	Y	6/6
Meminta murid mengulas idea yang dikemukakan	X	X							0/6
Meminta murid menghubungkan satu pemboleh ubah dengan pemboleh ubah lain	X	X			Y				1/6
Memberi masa untuk membolehkan murid-murid berfikir	X	X	Y	Y	Y				3/6
Menerima idea yang dikemukakan oleh murid-murid	X	X					Y	Y	2/6
Menggalakkan murid-murid berfikir bersama-sama dalam aktiviti berkumpulan	X	X							0/6

Petunjuk : X mewakili “ Waktu set induksi”

Y mewakili “ YA”

Berdasarkan Jadual 6.7 di atas, guru meminta murid mengemukakan soalan pada blok masa ketiga, keempat, kelima, ketujuh dan kelapan. Jumlah blok masa itu adalah 5 daripada 6 kesemuanya.

### Rumusan Contoh 3

Sekiranya pemerhatian pengajaran berfikir secara kritis dalam pengajaran Fizik dilakukan sebanyak lima kali, rumusan daripada pemerhatian tersebut bolehlah ditunjukkan dalam Jadual 6.8 seperti di bawah.

Tarikh Pengajaran: (P1) 2.4.2008 (P2) 4.4.2008 (P3) 7.4.2008  
(P4) 9.4.2008 (P5) 11.4.2008

Tingkatan: 4 Jaya

Jadual 6.8: Pengajaran Berfikir Secara Kritis Di Bilik Makmal Fizik

<b>Aspek Berfikir</b>	<b>P1</b>	<b>P2</b>	<b>P3</b>	<b>P4</b>	<b>P5</b>	
Meminta murid mengemukakan soalan	5/6	4/6	5/5	4/6	6/7	24/30 (80.0%)
Mengemukakan soalan yang memerlukan murid berfikir di peringkat tinggi	1/6	0/6	0/5	1/6	0/7	2/30 (6.67%)
Mengemukakan soalan yang memerlukan murid mengingat fakta	4/6	6/6	4/5	5/6	3/7	22/30 (73.3%)
Menggunakan perkataan "fikir"	6/6	2/6	5/5	5/6	4/7	22/30 (73.3%)
Meminta murid mengulas idea yang dikemukakan	0/6	1/6	1/5	0/6	2/7	4/30 (13.3%)
Meminta murid menghubungkan satu pemboleh ubah dengan pemboleh ubah lain	1/6	1/6	2/5	2/6	1/7	7/30 (23.3%)
Memberi masa untuk membolehkan murid-murid berfikir	3/6	4/6	4/5	6/6	5/7	22/30 (73.3%)
Menerima idea yang dikemukakan oleh murid-	2/6	2/6	0/5	1/6	0/7	5/30

Aspek Berfikir	P1	P2	P3	P4	P5	
murid						(16.7%)
Menggalakkan murid-murid berfikir bersama-sama dalam aktiviti berkumpulan	0/6	2/6	0/5	1/6	2/7	5/30 (16.7%)

#### CONTOH 4

#### PEMERHATIAN BERSTRUKTUR

Tarikh : 11/3/2008

Tingkatan : 4 Angsana

Jadual 6.9 menunjukkan penggunaan gundal (*tallies*) dalam merekod pengajaran berfikir secara kritis di bilik makmal fizik. Tiga lajur diwujudkan dalam jadual, iaitu lajur pertama menunjukkan aspek berfikir yang hendak diperhatikan, lajur kedua digunakan untuk mencatat gundal dan lajur ketiga bagi mencatat rank berdasarkan bilangan gundal.

Jadual 6.9: Pengajaran Berfikir Secara Kritis Di Bilik Makmal Fizik

Aspek Berfikir	Gundal ( <i>tallies</i> )	Rank
Meminta murid mengemukakan soalan	<del>////</del> //// 9	3
Mengemukakan soalan yang memerlukan murid berfikir di peringkat tinggi	<del>////</del> /// 8	4
Mengemukakan soalan yang memerlukan murid mengingat fakta	//// 4	5
Menggunakan perkataan "fikir"	/// 3	6
Meminta murid mengulas idea yang dikemukakan	/ 1	8
Meminta murid menghubungkan satu pemboleh ubah dengan pemboleh ubah lain	<del>////</del> <del>////</del> / 11	1

Memberi masa untuk membolehkan murid-murid berfikir	//	2	7
Menerima idea yang dikemukakan oleh murid-murid		0	9
Menggalakkan murid-murid berfikir bersama-sama dalam aktiviti berkumpulan	<del>////</del> <del>////</del>	10	2

Daripada jadual tersebut guru boleh tahu bagaimana murid berfikir kritis dengan melihat rank yang diperoleh tentang sesuatu aspek berfikir. Analisis menunjukkan murid paling berfikir kritis bagi aspek “Meminta murid menghubungkan satu pemboleh ubah dengan pemboleh ubah lain” oleh kerana menduduki di Rank 1. Ini diikuti oleh “Mengalakkan murid-murid berfikir bersama-sama dalam aktiviti berkumpulan yang menduduki Rank 2. Dalam pemerhatian yang dijalankan tiada kejadian direkod bagi perkara “Menerima idea yang dikemukakan oleh murid-murid (Rank 9).

#### **CONTOH 5**

#### **PEMERHATIAN TAK BERSTRUKTUR**

#### **PENGGUNAAN CATATAN BEBAS (*FIELD NOTES*)**

Tarikh: 12.3.2008

Tingkatan: 4 Bunga Raya

Jadual 6.10 menunjukkan pemerhatian dijalankan berdasarkan kronologi peristiwa (*events*) semasa pengajaran dan pembelajaran di bilik makmal fizik. Peristiwa yang berlaku direkod mengikut urutan yang sistematik, sejajah dengan proses pengajaran dan pembelajaran yang sedang berlaku di makmal. Lajur catatan digunakan untuk merekod aspek pemikiran kritis yang diperhatikan berhubung dengan sesuatu peristiwa yang berlaku.



Jadual 6.10: Pengajaran Berfikir Secara Kritis Di Bilik Makmal Fizik

Peristiwa ( <i>Events</i> )	Catatan
<p><i>Guru A datang. Dia menjerit supaya semua murid yang sedang berbaris di luar makmal supaya senyap. Guru A masuk makmal. Murid-murid semuanya masuk ke makmal.</i></p> <p><i>Murid-murid mengambil tempat masing-masing. Guru A duduk di kerusi dan memerhati murid-muridnya sambil memikirkan sesuatu. Semua murid senyap... Semua murid terus senyap. Guru terus memerhatikan mereka.</i></p> <p><i>Guru A terus bertanya tempat mereka berhenti untuk tajuk....sebelum ini. Murid senyap dan fikir.</i></p> <p><i>Lepas itu ramai yang angkat tangan. Masing-masing nak jawab. Guru A tunjuk murid K supaya jawab. Dia bangun dan ...menyoal semua murid tentang perkara yang telah mereka pelajari dalam tajuk itu. Tiga soalan telah diberikan secara lisan dan spesifik. Masih ramai tidak dapat menjawab soalan tersebut.</i></p> <p><i>Guru A menunjukkan alatan.... dan meminta murid berfikir bagaimana konsep yang telah diajar dapat dikaitkan/digunakan dalam kehidupan harian. Ramai murid memberikan respons. Banyak misalan diberikan...</i></p> <p><i>Guru A memberi satu misalan lain. Dia minta murid berfikir tentang logik misalan yang diberikan itu.</i></p>	<p>Berfikir, mengingat semula</p> <p>Berfikir, mengingat semula</p> <p>Berfikir, hubungan antara pemboleh ubah</p> <p>Berfikir, guna perkataan “fikir”</p>

## CONTOH 6

### PEMERHATIAN TAK BERSTRUKTUR

### KRONOLOGI PERISTIWA BERDASARKAN BLOK MASA

Tarikh: 13.3.2008

Tingkatan: 4 Ros

Dalam contoh ini, satu lajur tentang Blok Masa diwujudkan bagi membolehkan pemerhati merekod peristiwa-peristiwa berdasarkan masa-masa tertentu semasa pengajaran dan pembelajaran dijalankan. Blok masa 1 dan 2 merekod peristiwa sebelum pengajaran sebenar dilakukan. Pemerhati juga merekod lajur catatan tentang aspek-aspek pemikiran secara kritis.

**Jadual 6.11: Pengajaran Berfikir Secara Kritis Di Bilik Makmal Fizik**

<b>Blok Masa</b>	<b>Peristiwa (Events)</b>	<b>Catatan</b>
1	<i>Guru A datang. Dia menjerit supaya semua murid yang sedang berbaris di luar makmal supaya senyap. Guru A masuk makmal. Murid-murid semuanya masuk ke makmal. Murid-murid mengambil tempat masing-masing. Guru A duduk di kerusi dan memerhati murid-muridnya sambil memikirkan sesuatu. Semua murid-murid senyap...</i>	
2	<i>Semua murid terus senyap. Guru A terus bertanya tempat mereka berhenti untuk tajuk...sebelum ini. Murid senyap dan fikir. Lepas itu ramai yang angkat tangan. Masing-masing nak jawab. Guru A tunjuk murid K supaya jawab. Dia bangun dan...</i>	
3	<i>Guru A menunjukkan alatan ... dan meminta murid berfikir tentang konsep yang telah diajar dapat dikaitkan/digunakan dalam kehidupan harian. Ramai murid memberikan respons. Banyak misalan diberikan....Guru A memberi satu misalan lain. Dia minta murid berfikir tentang logik misalan yang diberikan itu. Kemudian dia dapatkan jawapan dari seorang murid lelaki dan tiga orang murid perempuan.</i>	

	<i>Guru memberi satu kenyataan. Dia minta murid-murid berikan jawapan, sama ada hubungan dua benda dalam kenyataan itu betul atau tidak. Ramai yang cuba jawab. Jawapan murid pertama salah dan jawapan murid kedua betul. Guru beri lagi satu kenyataan yang mengandungi hubungan dua benda dan minta murid fikirkan sekali lagi...</i>	
4	<i>Murid-murid diminta bahagi kumpulan untuk tujuan amali...</i>	

### 6.1.3 Analisis Data Temu Bual

Data temu bual yang diperoleh perlu dibuat transkripsi (*transcription*) iaitu ditaip dengan lengkap supaya memudahkan proses menganalisis (lihat Jadual 6.13). Untuk membolehkan analisis dibuat dengan tepat, bolehlah dibuat transkripsi secara *verbatim*, iaitu menggunakan perkataan atau ayat-ayat yang sebenarnya diperoleh. Analisis data boleh dibuat melalui cara-cara berikut:

- i. Analisis Secara Manual
- ii. Analisis Melalui Komputer

#### i. Analisis Secara Manual

Analisis secara manual boleh dilakukan dengan cara berikut:

- Baca keseluruhan transkrip temu bual bagi mendapatkan gambaran yang menyeluruh tentang apa yang dikatakan oleh orang yang ditemu bual itu;
- Baca sekali lagi dan kemudian *highlight* atau gariskan maklumat penting yang terdapat dalam catatan itu;
- Baca catatan tersebut sekali lagi tetapi kali ini berikan tumpuan kepada aspek-aspek yang digariskan;
- Bentuk tema yang bersesuaian berdasarkan aspek-aspek yang digariskan itu;

- Semak semula tema-tema yang dibuat dan jika perlu gabungkan beberapa tema yang mempunyai maksud yang sama agar menjadi beberapa kategori tertentu; dan
- Gabung tema dan kategori yang terdapat dan buat kesimpulan.

**CONTOH  
TRANSKRIPSI TEMU BUAL**

Jadual 6.12: Trankripsi Temu bual Minat Murid Tahun 5 Anggerik Ke Atas Tajuk Pecahan

	<b>Respons Pelajar</b>	<b>Kod</b>
<b>Soalan</b>	<b>Mengapa anda tidak berminat untuk belajar tajuk pecahan?</b>	
<b>Murid 1</b>	<b>Buat apa belajar tajuk ni.</b> Kita selalu pakai angka bulat bukan pecahan. Kalau campurkan. Angka bulat, tolak angka bulat, darab dan bahagi saya boleh faham. Lagipun <b>cikgu ajar cepat</b> sangatlah. Mula-mula lagi saya dah tak faham. Dia <b>sikit sangat pakai gambar-gambar, alat-alat</b> macam masa dia ajar tajuk nombor yang sampai pilih ribu itu. Saya memang <b>tak suka guru Matematik</b> saya. Dari dulu-dulu lagi memang saya langsung tak suka cikgu lelaki tu. Kalau di rumah ada orang tolong ajar pecahan pada saya lainlah. Ini Tak ada. <b>Datuk dan nenek saya tak boleh tolong saya.</b> Saya pun <b>tak pergi kelas tuisyen.</b> Apabila dah tak faham, tentu saya tak suka belajar Matematik.	<b>3</b> <b>1</b> <b>1</b> <b>1</b> <b>2</b>
<b>Murid 2</b>	Saya <b>tak faham</b> apa-apa yang cikgu saya ajar. Kalau dari mula tak faham terus saya tak suka. Saya memang <b>tak suka tajuk pecahan.</b> Kalau saya faham nanti agaknya saya sukalah. Guru kelas tuisyen saya dah mula ajar tajuk ni. Agaknya saya boleh faham lepas ni. Cikgu tuisyen saya ajar lebih terang. Belajar pecahan pun macam belajar tajuk lain Matematik. Semua nak kena kira. Saya tak sukalah.	<b>5</b> <b>6</b>
<b>Murid 3</b>	<b>Buat apa nak belajar tajuk pecahan? Kenapa cikgu nak ajar tajuk ni? Cikgu saya ajar cepat sangat.</b> Dia tak pakai banyak gambar macam dia selalu buat. Lepas itu banyak kerja rumah. Saya buat sedikit sahaja saya <b>betul-betul tak faham.</b> <b>Cikgu selalu marah budak-budak</b> dalam kelas saya sebab tak siap kerja rumah. Saya tak suka bila cikgu datang mengajar dalam kelas saya. Kalau dia tak datang dia sakit saya suka betul. <b>Semua kat rumah tak boleh tolong saya nak fahamkan dan</b>	<b>3</b> <b>5, 1</b> <b>2</b>

	Respons Pelajar	Kod
	tolong tunjuk buat kerja rumah pecahan	
<b>Murid 4</b>	Saya betul-betul tak tahu nak buat apa dengan pecahan. <b>Kalau begitu kenapa nak belajar tajuk ni.</b> Dulu-dulu pun saya tak pernah diajar tajuk ni. Angka bulat ada la. <b>Lagipun tidak selalu kita dengar orang guna pecahan di kedai</b> , dalam pasar, mana-mana lagi ye... Cuma dengan jam aje... pukul tiga suku, pukul empat setengah...	<b>3</b>
		<b>3</b>
<b>Murid 5</b>	Saya tak tahu kenapa saya tak suka tajuk pecahan ni. <b>Agaknya orang tak gunanya selalu.</b> Lagipun <b>susah nak belajar pecahan.</b> Baru belajar sikit aje cikgu dah beri kerja rumah. Kerja rumah pulak tu. Kalau kerja rumah banyak salah jadi saya tak suka pecahan. Lagipun buat apa nak belajar pecahan. Kalau dah tahu angka biasa...Angka bulat pun dah cukup. Tak payah-payah belajar pecahan.	<b>3</b>
		<b>4</b>
<b>Murid 6</b>	<b>Susah. Tajuk ni memang susah. Cikgu ajar cepat sangat.</b> Dia tak pakai alat-alat dan gambar macam tajuk lain. Lagipun <b>dia tak tunjuk macam mana nak campur dan nak tolak dengan cara yang paling senang.</b>	<b>4</b>
		<b>1</b>
		<b>5</b>
	Saya memang <b>tak faham</b> apa yang dia ajar. Kerja rumah memang ada...saya memang tak tahu nak buat. Saya <b>memang tak suka tajuk ni</b> dari tahun lepas sebab itu saya tak belajar betul-betul. Rupa-rupanya pecahan tahun ini sambung dari tahun lepas.	<b>6</b>

### Penentuan Kod

#### **1 : Faktor guru (5)**

- Guru mengajar terlalu cepat
- Guru selalu marah
- Guru tidak guna bahan bantuan mengajar

#### **2 : Tiada sokongan /bantuan pelajaran di rumah (2)**

- Tidak pergi kelas tuisyen
- Sokongan pelajaran di rumah tiada (ibu bapa/penjaga tidak tahu mengajar)

#### **3 : Menganggap pecahan tidak relevan (5)**

- Tidak digunakan dalam aktiviti seharian
- Tidak selalu orang guna pecahan di kedai

#### **4 : Tajuk pecahan susah (2)**

- Tajuk ini memang susah

**5 : Tidak faham (3)**

**6 : Tidak berminat/tidak suka (2)**

Daripada kategori-kategori yang diwujudkan itu, anda boleh memberi kesimpulan bahawa dua faktor utama yang menyebabkan murid tidak berminat belajar tajuk pecahan ialah faktor guru yang mengajar mata pelajaran matematik dan anggapan bahawa belajar pecahan adalah tidak relevan. Selain daripada itu, murid juga menyatakan mereka tidak faham apa yang diajar, mendapati topik pecahan susah dan tiada bantuan pelajaran di rumah.

Daripada analisis data temu bual ini, seterusnya guru boleh memikirkan cara yang paling baik untuk merancang pelan tindakan untuk mengatasi masalah yang dihadapi oleh murid itu.

## **6. 4 ANALISIS DOKUMEN**

Dokumen dapat memberikan maklumat yang relevan kepada isu dan masalah yang dikaji. Dokumen ialah sumber paling mudah kepada guru kerana maklumat yang diperlukan telah sedia ada. Di antara jenis dokumen yang boleh digunakan dalam kajian tindakan termasuk:

- Sukatan pelajaran (seperti kemahiran inferen dalam mempelajari sains)
- Minit mesyuarat panitia
- Kertas peperiksaan dan ujian
- Tugas dan latihan murid
- Bahagian yang berkaitan dalam buku teks
- Keputusan peperiksaan bulanan, semester, dan peperiksaan awam.

**Contoh:**

**Analisis Dokumen Keputusan Semester 1 Tahun 2008**

Berdasarkan Jadual 6.14, hanya 2 orang pelajar sahaja yang mendapat gred B, 16 orang pelajar mendapat gred C, 20 orang pelajar mendapat gred D dan 2 orang pelajar tidak lulus (gred E) dalam mata pelajaran matematik. Keputusan Matematik Semester 1 menunjukkan 22 pelajar atau 55% pelajar memperoleh gred D dan E. Oleh oleh sebahagian besar daripada pelajar itu adalah lemah dalam matematik, maka satu pelan tindakan boleh dilaksanakan untuk menangani masalah ini.

Jadual 6.13: Pencapaian Pelajar Tingkatan 4 Gigih Dalam Peperiksaan Matematik Bagi Semester 1

Gred	A	B	C	D	E
Bilangan Pelajar	0	2	16	20	2

### 6.5.1 Analisis Ujian dan Latihan

Analisis ujian boleh dijalankan melalui cara berikut:

- Mengira bilangan dan peratus pelajar yang tidak memahami sesuatu item.
- Mengira bilangan pelajar yang lulus atau gagal secara keseluruhan.
- Melakukan analisis bilangan pelajar yang mencapai tahap minima.
- Melakukan analisis bilangan pelajar yang boleh menjawab soalan-soalan yang dikemukakan.
- Mengenal pasti item yang susah dan item yang senang untuk memperoleh indeks kesusahan (*difficulty index*).

### Contoh

Jadual 6.14: Prestasi Murid dalam Ujian Pra dan Ujian Pos Dalam Mata Pelajaran Matematik

No.	Nama Murid	Ujian Pra	Ujian Pos
1	Mohd. Ali bin Mohd. Shauki	20	58
2	Abdul Halim bin Abdullah	56	90
3	Tan Kim Soon	12	39
4	Ramachandran a/l Sundaraj	65	84
5	Stephen Van Damien	55	90
6	Tony De Cruz	34	78
7	Abdul Ghani bin Abdul Shukor	62	89
8	Terrence Wong Teck Hai	20	73
9	Loke Swee Poon	4	66
10	Abdullah Sani bin Ishak	82	81
11	Shamini a/p Kalimutu	8	54

No.	Nama Murid	Ujian Pra	Ujian Pos
12	Lim Tui Pong	32	89
13	Nurul Hudu bt. Abdul Rashid	52	96
14	Nurlisa bt. Zainal Abidin	4	57
15	Scarlet O' Hara Lopez	12	48
16	Noraini bt. Idris	64	90
17	Muhamad bin Abdul Rahman	80	93
18	Siti Norlaily bt. Md. Joned	48	69
19	Victor Chua Jui Kim	30	63
20	Palaniappan a/l Munusamy	8	90
21	Rahim bin Shukor	12	36
22	Ong Eng Seng	16	78
23	Ang Yoke Soon	67	88
24	Johnson Fernandez	4	33
25	Richard Chang Kim Loy	52	72
26	Hairuddin bin Samsuddin	36	93
27	Monalisa bt Ahmad Zaki	32	93
28	Syed Halim bin Syed Razak	58	87
29	Sharifah Maimoon bt Syed Zulkefli	24	65
30	Wan Ahmad bin Wan Ramli	12	27
31	Md. Shah bin Mohd. Sher	34	75
32	Michael Lim Hock Peng	76	87
33	Mary Lim Wee Mei	20	45
34	Nurly bt. Amin	78	93
35	Md. Zaidi bin Abdul Radhi	32	87


#### a. Analisis Melalui SPSS

Perisian SPSS boleh digunakan untuk memperoleh menunjukkan perbandingan di antara pencapaian murid dalam matematik berdasarkan data di Jadual 6.15. Prosedur SPSS yang boleh digunakan ialah ujian t sampel berpasangan (*paired samples t-test*).

Langkah-langkah berikut menunjukkan bagaimana anda boleh memperoleh output ujian t sampel berpasangan melalui program SPSS.




1. Pilih Analyze → Compare Means → Paired-Samples T Test daripada menu utama. Kotak dialog Paired-Samples T Test akan dipaparkan (rujuk Rajah 6.11).
2. Pada kotak dialog Paired-Samples T Test, klik variabel Ujian pra murid dan Ujian pos murid dan seterusnya klik anak panah kanan (*right arrow*) untuk memindahkan kedua-dua variabel ini ke dalam kotak Paired Variables (rujuk Rajah 6.12).



Rajah 6.11: Kotak dialog Paired-Samples T-Test

3. Klik Options dan taipkan Confidence Interval: 95%. Pilih Exclude cases analysis by analysis dan seterusnya klik Continue (rujuk Rajah 6.13).



Rajah 6.12: Kotak dialog Paired-Samples T Test: Options

4. Klik OK. Output analisis Ujian T akan dipaparkan (rujuk Jadual 6.16 (a) hingga (c)).

Jadual 6.15 (a): Statistik Asas

	Min	N	Sisihan Piawai
Ujian pra murid	37.17	35	24.781
Ujian pos murid	73.03	35	19.979

Jadual 6.15 (b): Statistik Korelasi

	N	Korelasi	Sig.
Ujian pra murid & Ujian pos murid	35	.690	.000


Jadual 6.15 (c): Statistik Ujian T

	Perbezaan Pasangan (Paired Differences)			t	df	Sig. (2-tailed)
	Min	Sisihan Piawai	Min Ralat Piawai			
Ujian pra pelajar - Ujian pos pelajar	-35.857	18.177	3.073	-11.670	34	.000

Daripada Jadual 6.16(a), statistik asas menunjukkan min pencapaian pelajar pada ujian pra ialah 37.17 manakala min pencapaian pelajar pada ujian pos ialah 73.03. Perbezaan min antara ujian pos dan ujian pra ialah 35.857 (rujuk Jadual 6.16 (c)). Korelasi antara ujian pra dan ujian pos ialah 0.690 dan statistik korelasi adalah signifikan ( $p < 0.05$ ). Korelasi yang positif dan dengan koefisien yang tinggi ( $r=0.690$ ) ini menunjukkan pelajar yang memperoleh markah yang tinggi pada ujian pra bercenderung untuk memperoleh markah yang tinggi pada ujian pos dan sebaliknya. Berdasarkan Jadual 6.16(c) statistik ujian t adalah signifikan ( $t=-11.670$ ;  $df=34$ ;  $p<0.05$ ). Ini bermakna rawatan atau program inovatif yang dijalankan oleh guru telah mengakibatkan pencapaian pelajar yang lebih baik. Dengan perkataan lain, inovasi

melalui kajian tindakan yang dijalankan oleh guru secara signifikannya berjaya menghasilkan pencapaian yang lebih baik.

Rajah 6.12 berikut menunjukkan prestasi setiap pelajar dalam bentuk graf garis. Analisis graf menunjukkan peningkatan pelajar dalam pencapaian pada ujian pos berbanding ujian pra. Jurang di antara garis ujian pra dan garis ujian pos mewakili perbezaan di antara ujian pos dan ujian pra. Jurang ini juga digelar sebagai skor keuntungan (*gain score*).



Rajah 6.13: Graf Garis Prestasi Murid Dalam Ujian Pra dan Ujian Pos

Jadual 6.17(a) menunjukkan statistik perihalan (*descriptive statistics*) dan Jadual 6.17 (b) dan (c) masing-masing menunjukkan kekerapan bagi data pencapaian pelajar dalam

ujian pra dan ujian pos. Rajah 6.13 (a) dan (b) menunjukkan histogram bagi taburan skor ujian pra dan skor ujian pos masing-masing. Lengkok yang terdapat pada taburan di kedua-dua rajah ini adalah *normal curve*.

Jadual 6.16 (a): Statistik Perihal


		Ujian pra murid	Ujian pos murid
N	Sah	35	35
	Missing	0	0
Min		37.17	73.03
Sisihan Piawai		24.781	19.979
Skor Minima		4	27
Skor Maxima		82	96

Jadual 6.16 (b): Ujian Pra Murid


Skor	Frekuensi	Peratus	Peratus Sah	Peratus Kumulatif
Sah 4	3	8.6	8.6	8.6
8	2	5.7	5.7	14.3
12	4	11.4	11.4	25.7
16	1	2.9	2.9	28.6
20	3	8.6	8.6	37.1
24	1	2.9	2.9	40.0
30	1	2.9	2.9	42.9
32	3	8.6	8.6	51.4
34	2	5.7	5.7	57.1
36	1	2.9	2.9	60.0
48	1	2.9	2.9	62.9
52	2	5.7	5.7	68.6
55	1	2.9	2.9	71.4
56	1	2.9	2.9	74.3
58	1	2.9	2.9	77.1
62	1	2.9	2.9	80.0
64	1	2.9	2.9	82.9
65	1	2.9	2.9	85.7
67	1	2.9	2.9	88.6
76	1	2.9	2.9	91.4
78	1	2.9	2.9	94.3
80	1	2.9	2.9	97.1
82	1	2.9	2.9	100.0
Jumlah	35	100.0	100.0	

Jadual 6.16 (c): Ujian Pos Murid

Skor	Frekuensi	Peratus	Peratus Sah	Peratus Kumulatif
Sah 27	1	2.9	2.9	2.9
33	1	2.9	2.9	5.7
36	1	2.9	2.9	8.6
39	1	2.9	2.9	11.4
45	1	2.9	2.9	14.3
48	1	2.9	2.9	17.1
54	1	2.9	2.9	20.0
57	1	2.9	2.9	22.9
58	1	2.9	2.9	25.7
63	1	2.9	2.9	28.6
65	1	2.9	2.9	31.4
66	1	2.9	2.9	34.3
69	1	2.9	2.9	37.1
72	1	2.9	2.9	40.0
73	1	2.9	2.9	42.9
75	1	2.9	2.9	45.7
78	2	5.7	5.7	51.4
81	1	2.9	2.9	54.3
84	1	2.9	2.9	57.1
87	3	8.6	8.6	65.7
88	1	2.9	2.9	68.6
89	2	5.7	5.7	74.3
90	4	11.4	11.4	85.7
93	4	11.4	11.4	97.1
96	1	2.9	2.9	100.0
Jumlah	35	100.0	100.0	



Rajah 6.14 (a): Histogram bagi Skor Ujian Pra



Rajah 6.14 (b): Histogram Skor Ujian Pos

### 6.6 Analisis Diari/Jurnal

Oleh kerana diari/jurnal mengandungi banyak bahan teks, maka analisis data bagi input teks adalah sama seperti yang dilakukan bagi respons terhadap soalan terbuka ataupun temu bual. Analisis diari/jurnal lebih ditumpukan kepada isi kandungannya (*context analysis*). Analisis boleh dijalankan sama ada secara manual ataupun melalui komputer. Yang penting ialah melihat tema-tema utama yang wujud pada kategori-kategori yang dihasilkan.

## **BAB 7**

### **KERTAS CADANGAN (PROPOSAL) KAJIAN TINDAKAN**

#### **7.1 Kertas Cadangan Kajian Tindakan**

Kertas cadangan atau *proposal* kajian tindakan ialah penjelasan ringkas tentang beberapa perkara yang ingin dimaklumkan atau pelan tindakan penyelidikan tentang projek kajian tindakan yang akan dilaksanakan. Penjelasan ringkas itu menjawab persoalan seperti:

- Apakah tajuk kajian yang akan dilaksanakan?
- Apakah isu yang dikenal pasti?
- Apakah objektifnya?
- Bagaimanakah kita akan melaksanakan kajian?
- Berapa lamakah tempoh pelaksanaannya?
- Berapakah kos yang diperlukan?

#### **7.2 Fungsi Kertas Cadangan**

Kertas cadangan perlu disediakan sebelum sesuatu kajian tindakan dijalankan. Ia merupakan satu panduan yang menyatakan objektif kajian, langkah-langkah menjalankan kajian, peralatan yang akan digunakan atau tempoh pelaksanaan kajian semasa menjalankan kajian tindakan. Kertas cadangan membantu penyelidik menjalankan kajian dengan lebih terancang.



### 7.3 Kandungan Dalam Kertas Cadangan Kajian Tindakan

Kertas cadangan kajian tindakan tidak mempunyai format yang khusus. Namun begitu, panduan asas untuk menulis kertas cadangan adalah seperti berikut:

1. Nama Sekolah ( berserta alamat penuh )
2. Nama Penyelidik / Ahli Kumpulan penyelidik
3. Tajuk kajian
4. Refleksi Pengajaran dan Pembelajaran Lalu
5. Isu Keprihatinan / Fokus Kajian
6. Objektif Kajian
7. Kumpulan Sasaran
8. Tindakan yang dicadangkan
9. Jadual Pelaksanaan Kajian

### 7.4 Panduan Asas Menyediakan Kertas Cadangan Kajian Tindakan

Bahagian	Proses/Penjelasan	Contoh Penulisan
1. Tajuk Kajian	a. Tajuk ditentukan dengan mengenal pasti kemahiran yang ingin dikaji. b. Tajuk hendaklah ringkas, mengandungi hala tuju, tindakan dan sasaran kajian.	<b>1. Tajuk Kajian:</b> Memperkaya Kosa Kata Murid Tingkatan 4 Bestari Dengan Menggunakan Program Sehari Selembar Benang dan Program 200-4. <i>Atau:</i> Program Sehari Selembar Benang: Memperkaya Kosa Kata Murid Tingkatan 4 Bestari
2. Nama penyelidik	Catatkan nama penuh penyelidik / ahli kumpulan	<b>2. Nama Penyelidik:</b> Salmiah bt Sidek
3. Nama Sekolah	Catatkan nama sekolah berserta alamat	<b>3. Nama Sekolah :</b>

Bahagian	Proses/Penjelasan	Contoh Penulisan
	lengkap	SMK Alor Akar, Jalan Tengku Muhammad 25050, Kuantan, Pahang Darul Makmur
4. Refleksi Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) Lalu	<p>a. Tema/masalah/isu keprihatinan dikenal pasti dengan melihat empat perkara utama dalam P&amp;P iaitu;</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Guru</li> <li>• Murid</li> <li>• Isi kandungan pelajaran</li> <li>• Persekitaran</li> </ul> <p>b. Refleksi pengalaman P &amp; P lepas</p> <p>c. Kaitkan pengalaman P &amp; P lepas dengan empat perkara utama tersebut supaya masalah menjadi lebih jelas.</p> <p>d. Rujuk bahan yang berkaitan seperti buku latihan, ujian, keputusan peperiksaan, sukatan pelajaran dan bahan-bahan yang berkaitan untuk membantu penyelidikan mengingat kembali apa-apa yang telah dilaksanakan/ berlaku.</p> <p>e. Terjemahkan refleksi secara bertulis.</p>	<p><b>Refleksi Pengajaran dan Pembelajaran Lalu</b></p> <p>Sewaktu saya menyemak karangan murid Tingkatan 4 Bestari, saya rasa sungguh terkejut kerana saya dapati walaupun mereka telah berada di menengah atas, tahap penguasaan kosa kata di kalangan murid ini sungguh terhad. Isi yang ditulis juga tidak berkembang. Selain itu, masih ramai murid yang melakukan kesilapan ejaan. Banyak ayat tergantung dibina oleh murid. Mereka menggunakan perkataan yang biasa mereka gunakan dan berulang-ulang apabila ingin menghuraikan tentang sesuatu perkara. Dalam ujian Topikal 1 iaitu soalan 2 yang hanya meminta murid menulis ayat berasaskan perkataan yang diberi, saya dapati 37% daripada jumlah murid dari kelas ini tidak menjawab soalan tersebut. Apabila saya tanyakan kepada para murid tentang keadaan ini, jawapan yang mereka berikan mudah sahaja iaitu “cikgu tak ajar pun perkataan tu...” Ada juga di kalangan murid yang menanyakan kepada saya markah bagi bahagian membina ayat tersebut. Saya lihat seolah-olah mereka telah patah semangat untuk memahami dan memperkaya kosa kata mereka. Apabila saya tanyakan kepada mereka, jawapan yang mereka berikan ialah “terlalu banyak perkataan baru... susah untuk kami faham maksudnya.” Saya menyedari ramai di kalangan murid bukan Melayu di kelas ini mempunyai asas bahasa yang agak lemah.</p> <p>Perlu kah saya ajar semua kosa kata yang terdapat dalam Kamus Dewan untuk memperkaya kosa kata murid? Adakah cara saya mengajar selama ini dapat membantu murid menambahkan kosa kata mereka? Apakah yang boleh saya lakukan untuk menarik minat murid memperkaya kosa kata mereka? Mampukah saya menjalankan aktiviti secara bersendirian untuk membantu murid saya? Apabila saya membincangkan perkara ini dengan rakan-rakan dalam mesyuarat panitia, ada guru mengatakan</p>

Bahagian	Proses/Penjelasan	Contoh Penulisan
		<p>yang murid hari ini malas membaca dan suka disuapkan apa-apa sahaja ilmu yang diperlukan untuk membolehkan mereka cemerlang apabila menjawab soalan. Namun begitu, apakah tindakan yang boleh dilakukan bagi menangani masalah ini?</p> <p>Saya telah berusaha mempelbagaikan kaedah pengajaran dan pembelajaran namun masih ramai murid yang mempunyai kosa kata yang amat terhad. Saya berpendapat lemahnya penguasaan kosa kata di kalangan mereka ialah disebabkan kurangnya penjelasan serta tumpuan terhadap pentingnya aspek kosa kata yang saya berikan sama ada semasa proses P&amp;P atau aktiviti sampingan di luar bilik darjah. Kelemahan ini juga merupakan rentetan daripada pengabaian guru termasuklah saya terhadap kepentingan penguasaan kosa kata. Sekiranya saya tidak membetulkan keadaan ini, saya pasti murid kelas ini tidak dapat menjawab dengan baik soalan karangan dan juga soalan membina ayat bagi kertas 2 yang akhirnya akan menyebabkan kemerosotan nilai GNP sekolah saya.</p>
<p>5. Isu Keprihatinan/ Fokus Kajian</p>	<p>a. Tentukan tema/isu keprihatinan kajian /masalah</p> <p>b. Rumuskan masalah yang dikenalpasti daripada refleksi P&amp;P yang lalu</p>	<p><b>Isu Keprihatinan/Fokus Kajian</b></p> <p>Walaupun saya mengesan banyak masalah yang dihadapi oleh murid saya, saya hanya akan fokuskan kajian ini kepada masalah penguasaan kosa kata. Murid saya mempunyai kosa kata yang sangat terhad. Mereka hanya mampu menggunakan perkataan yang biasa mereka temui dan gunakan semasa di sekolah rendah. Mereka melakukan banyak kesilapan apabila menulis ayat. Kesilapan yang sering dilakukan oleh murid ialah:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kesilapan penggunaan perkataan dalam ayat.</li> <li>• Murid menggunakan kosa kata yang berulang-ulang dalam satu ayat menjadikan ayat itu tidak gramatis.</li> <li>• Murid tidak menjawab soalan bina ayat kerana tidak faham maksud perkataan yang diberi.</li> </ul> <p>Dengan membantu murid memperkaya kosa kata, saya yakin murid boleh membina ayat yang tepat, jelas dan gramatis. Hal ini</p>

Bahagian	Proses/Penjelasan	Contoh Penulisan
		seterusnya diharapkan akan dapat membantu mereka lulus dengan baik dalam Kertas Bahasa Melayu SPM. Keadaan ini juga pasti akan meningkatkan nilai GNP sekolah saya.
6. Tentukan Objektif Kajian	<p>a. Objektif kajian terdiri daripada objektif umum dan objektif khusus.</p> <p>b. Objektif hendaklah berkaitan dengan masalah.</p> <p>c. Objektif hendaklah berkaitan dengan tindakan/aktiviti (P&amp;P).</p> <p>d. Objektif hendaklah boleh diukur.</p> <p>e. Semua objektif khas hendaklah diukur/ nilai semasa menjalankan tindakan/aktiviti.</p>	<p><b>Objektif Kajian</b></p> <p>Selepas kajian ini selesai dijalankan, murid-murid diharap akan mencapai objektif berikut:</p> <p><i>i. Objektif Umum</i> Meningkatkan nilai GNP sekolah dengan peningkatan peratus kelulusan Bahasa Melayu.</p> <p><i>ii. Objektif Khusus</i></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Meningkatkan bilangan kosa kata baru yang diketahui dan difahami oleh para murid.</li> <li>• Meningkatkan keupayaan mengaplikasikan perkataan baru dalam ayat yang dibina oleh murid.</li> <li>• Membantu murid menguasai kemahiran belajar dengan merujuk kamus bagi meningkatkan penguasaan kosa kata mereka.</li> <li>• Meningkatkan peratus murid yang mendapat markah yang cemerlang bagi bahasa dalam penulisan karangan.</li> </ul>
7. Kumpulan Sasaran	<p>a. Sebutkan bilangan murid yang akan dikaji (mestilah kumpulan murid yang diajar oleh penyelidik).</p> <p>b. Sebutkan kelas murid yang akan dikaji.</p>	<p><b>Kumpulan Sasaran</b></p> <p>Kajian ini akan melibatkan 30 orang murid Tingkatan 4 Bestari yang terdiri daripada 10 orang murid Melayu, 2 orang murid India dan 18 orang murid Cina.</p>
8. Tindakan yang dicadangkan	Nyatakan aktiviti-aktiviti yang akan dilaksanakan.	<p><b>Tindakan yang dicadangkan</b></p> <p><i>i. Tinjauan Masalah</i> Sebelum langkah-langkah yang seterusnya diambil dalam menjalankan kajian ini, tinjauan terhadap masalah yang dikenal pasti akan dibuat bertujuan untuk memahami dengan lebih mendalam masalah tersebut. Tinjauan</p>

Bahagian	Proses/Penjelasan	Contoh Penulisan
		<p>dilakukan dengan mengutip data seperti berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>a. Ujian khas membina ayat berasaskan perkataan yang diberi bagi menganalisis kelemahan penguasaan kosa kata.</li> <li>b. Latihan karangan murid bagi mengesan kesilapan penggunaan perkataan dalam ayat penggunaan kosa kata yang berulang-ulang dalam satu ayat.</li> <li>c. Ujian Lisan Berasaskan Sekolah bagi mengesan penguasaan kosa kata murid.</li> </ol> <p><b>ii. Program “Sehari Selembar Benang”</b></p> <p><b>Cara Pelaksanaan:</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>a. Guru mengumumkan sepatah perkataan sehari berserta definisi dan contoh ayat dalam perhimpunan pagi.</li> <li>b. Murid mencatat dalam buku catatan khas.</li> <li>c. Guru menampal perkataan pada papan kenyataan.</li> <li>d. Guru meminta murid mengaplikasikan penggunaan perkataan dalam karangan yang ditulis – 2 minggu sekali.</li> <li>e. Guru menganalisis karangan murid.</li> </ol> <p><b>iii. Program 200-4</b></p> <p>(200 perkataan dalam tempoh 4 minggu)</p> <p><b>Cara Pelaksanaan:</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>a. Guru meminta murid mencatat perkataan sukar daripada teks yang dibaca serta mencatat perkataan tersebut dalam buku catatan.</li> <li>b. Murid merujuk kamus untuk mengetahui maksud dan mencatatkannya dalam buku catatan.</li> <li>c. Murid membina ayat berasaskan perkataan yang dicari maksud.</li> <li>d. Selepas 4 minggu guru menggabungkan semua perkataan yang dikumpul oleh 30 orang murid</li> </ol>

Bahagian	Proses/Penjelasan	Contoh Penulisan																																										
		<p>serta mencetaknya untuk diedarkan kepada semua murid.</p> <p>e. Guru menguji ingatan dan pengetahuan murid dengan mengadakan ujian khas.</p> <p>Aktiviti-aktiviti ini akan diubah suai mengikut keperluan setelah saya melaksanakan tinjauan awal.</p>																																										
<p>9. Jadual Pelaksanaan Kajian</p>	<p>a. Boleh dibuat dalam bentuk jadual/ carta Gantt.</p> <p>b. Masukkan aktiviti yang dirancang bagi menjalankan kajian.</p> <p>c. Masukkan tarikh tentatif kajian akan dijalankan. Tarikh mungkin berubah mengikut keperluan/ keadaan semasa.</p>	<p><b>Jadual Pelaksanaan Kajian</b></p> <table border="1" data-bbox="889 625 1432 1560"> <thead> <tr> <th data-bbox="889 625 954 678">Bil</th> <th data-bbox="954 625 1230 678">Aktiviti</th> <th data-bbox="1230 625 1432 678">Tarikh Pelaksanaan</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="889 678 954 793">1</td> <td data-bbox="954 678 1230 793">Mengenal pasti masalah dan pengumpulan data awal</td> <td data-bbox="1230 678 1432 793">5 Februari 2004</td> </tr> <tr> <td data-bbox="889 793 954 846">2</td> <td data-bbox="954 793 1230 846">Menulis proposal Kajian</td> <td data-bbox="1230 793 1432 846">13 Februari 2004</td> </tr> <tr> <td data-bbox="889 846 954 909">3</td> <td data-bbox="954 846 1230 909">Merancang Tindakan – (individu/panitia)</td> <td data-bbox="1230 846 1432 909">18 Februari 2004</td> </tr> <tr> <td data-bbox="889 909 954 951">4</td> <td data-bbox="954 909 1230 951">Melaksanakan tindakan – Aktiviti 1</td> <td data-bbox="1230 909 1432 951">23 Februari 2004</td> </tr> <tr> <td data-bbox="889 951 954 1066">5</td> <td data-bbox="954 951 1230 1066">Membincangkan masalah yang timbul dalam Tindakan 1 (dalam panitia)</td> <td data-bbox="1230 951 1432 1066">27 Februari 2004</td> </tr> <tr> <td data-bbox="889 1066 954 1119">6</td> <td data-bbox="954 1066 1230 1119">Melaksanakan tindakan – Aktiviti 2</td> <td data-bbox="1230 1066 1432 1119">5 Mac, 2004</td> </tr> <tr> <td data-bbox="889 1119 954 1234">7</td> <td data-bbox="954 1119 1230 1234">Membincangkan masalah yang timbul dalam Tindakan 2 (dalam panitia)</td> <td data-bbox="1230 1119 1432 1234">8 Mac 2004</td> </tr> <tr> <td data-bbox="889 1234 954 1287">8</td> <td data-bbox="954 1234 1230 1287">Melaksanakan tindakan – Aktiviti 3</td> <td data-bbox="1230 1234 1432 1287">10 Mac 2004</td> </tr> <tr> <td data-bbox="889 1287 954 1402">9</td> <td data-bbox="954 1287 1230 1402">Membincangkan masalah yang timbul dalam Tindakan 3 (dalam panitia)</td> <td data-bbox="1230 1287 1432 1402">12 Mac 2004</td> </tr> <tr> <td data-bbox="889 1402 954 1455">10</td> <td data-bbox="954 1402 1230 1455">Ujian untuk mengesan pencapaian murid</td> <td data-bbox="1230 1402 1432 1455">19 Mac 2004</td> </tr> <tr> <td data-bbox="889 1455 954 1497">11</td> <td data-bbox="954 1455 1230 1497">Refleksi kajian</td> <td data-bbox="1230 1455 1432 1497">20 Mac 2004</td> </tr> <tr> <td data-bbox="889 1497 954 1539">12</td> <td data-bbox="954 1497 1230 1539">Menulis laporan Kajian</td> <td data-bbox="1230 1497 1432 1539">21 Mac 2004</td> </tr> <tr> <td data-bbox="889 1539 954 1560">13</td> <td data-bbox="954 1539 1230 1560">Pembentangan dapatan kajian</td> <td data-bbox="1230 1539 1432 1560">28 Mac 2004</td> </tr> </tbody> </table>	Bil	Aktiviti	Tarikh Pelaksanaan	1	Mengenal pasti masalah dan pengumpulan data awal	5 Februari 2004	2	Menulis proposal Kajian	13 Februari 2004	3	Merancang Tindakan – (individu/panitia)	18 Februari 2004	4	Melaksanakan tindakan – Aktiviti 1	23 Februari 2004	5	Membincangkan masalah yang timbul dalam Tindakan 1 (dalam panitia)	27 Februari 2004	6	Melaksanakan tindakan – Aktiviti 2	5 Mac, 2004	7	Membincangkan masalah yang timbul dalam Tindakan 2 (dalam panitia)	8 Mac 2004	8	Melaksanakan tindakan – Aktiviti 3	10 Mac 2004	9	Membincangkan masalah yang timbul dalam Tindakan 3 (dalam panitia)	12 Mac 2004	10	Ujian untuk mengesan pencapaian murid	19 Mac 2004	11	Refleksi kajian	20 Mac 2004	12	Menulis laporan Kajian	21 Mac 2004	13	Pembentangan dapatan kajian	28 Mac 2004
Bil	Aktiviti	Tarikh Pelaksanaan																																										
1	Mengenal pasti masalah dan pengumpulan data awal	5 Februari 2004																																										
2	Menulis proposal Kajian	13 Februari 2004																																										
3	Merancang Tindakan – (individu/panitia)	18 Februari 2004																																										
4	Melaksanakan tindakan – Aktiviti 1	23 Februari 2004																																										
5	Membincangkan masalah yang timbul dalam Tindakan 1 (dalam panitia)	27 Februari 2004																																										
6	Melaksanakan tindakan – Aktiviti 2	5 Mac, 2004																																										
7	Membincangkan masalah yang timbul dalam Tindakan 2 (dalam panitia)	8 Mac 2004																																										
8	Melaksanakan tindakan – Aktiviti 3	10 Mac 2004																																										
9	Membincangkan masalah yang timbul dalam Tindakan 3 (dalam panitia)	12 Mac 2004																																										
10	Ujian untuk mengesan pencapaian murid	19 Mac 2004																																										
11	Refleksi kajian	20 Mac 2004																																										
12	Menulis laporan Kajian	21 Mac 2004																																										
13	Pembentangan dapatan kajian	28 Mac 2004																																										

## **BAB 8**

### **PELAPORAN KAJIAN TINDAKAN**

#### **8.1 Pelaporan Kajian Tindakan**

Pelaporan kajian tindakan ialah satu pendokumentasian kajian yang ditulis secara sistematik, jelas dan mesra pengguna. Laporan kajian perlu ditulis sejak kita memulakan kajian sehinggalah kita selesai melaksanakan kajian.

#### **8.2 Format Pelaporan Kajian Tindakan**

Penulisan laporan kajian tindakan tidak mempunyai format yang khusus kerana ia cenderung kepada pendekatan kualitatif. Pelaporan boleh disampaikan mengikut format atau gaya penyelidik sendiri termasuk menggunakan pendekatan bercerita. Walau bagaimanapun laporan kajian perlu dilaporkan secara sistematik, jelas dan mesra pembaca. Pelaporan juga perlu memenuhi empat langkah asas konsep kajian tindakan iaitu bertindak, merancang, memerhati dan mereflek. Secara asas format laporan kajian tindakan mengandungi bahagian-bahagian berikut:-

**Isi Kandungan**

**Penghargaan**

**Abstrak**

**1.0 Refleksi P & P yang lalu**

**2.0 Isu Keperihatinan**

**3.0 Objektif Kajian**

**4.0 Kumpulan Sasaran**

**5.0 Pelaksanaan Kajian**

**6.0 Cadangan Kajian Seterusnya**

**Bibliografi**

**Lampiran**

### 8.3 Panduan Asas Menyediakan Kertas Laporan Kajian Tindakan

Bahagian	Proses/Penjelasan	Contoh Penulisan
Isi Kandungan	Mengandungi senarai isi kandungan dan muka surat bagi pecahan tajuk.	
Penghargaan	Mengandungi penghargaan kepada pihak yang membantu melaksanakan kajian atau menyiapkan laporan.	
Tajuk Kajian	<p>a. Tajuk ditentukan dengan mengenal pasti kemahiran yang ingin dikaji.</p> <p>b. Tajuk hendaklah ringkas, mengandungi hala tuju, tindakan dan sasaran kajian.</p>	<p><b>Tajuk Kajian:</b> Meningkatkan Kemahiran Membina Ayat Mudah Di Dalam Penulisan Bahasa Inggeris Menggunakan "Little Book Technique" Kepada 36 Murid-Murid T2 Cendekiawan.</p>
Nama Penyelidik	Catatkan nama penuh penyelidik/ahli kumpulan.	<p><b>Nama Penyelidik:</b> Zalinawati binti Othman</p>
Nama Sekolah	Catatkan nama dan alamat lengkap sekolah.	<p><b>Nama Sekolah:</b> Sekolah Kebangsaan Bandar Endau, 86900 Endau, Johor.</p>
Abstrak	<p>Abstrak memberi maklumat umum/penting kepada pembaca tentang apa yang dikaji tanpa membaca keseluruhan laporan kajian terlebih dahulu.</p> <p>a. Abstrak hendaklah:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>Ditulis dalam satu perenggan sahaja dan tidak melebihi satu muka surat (100 hingga 200 patah perkataan).</li> <li>Menggunakan Font 9/10 dan jenis tulisan Arial/Times New Roman.</li> </ol> <p>b. Abstrak hendaklah mengandungi:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>Tujuan</li> <li>Kumpulan sasaran</li> <li>Fokus kajian</li> </ol>	<p><b>Abstrak:</b> Kajian ini saya laksanakan adalah kerana kesedaran pada diri sendiri seperti anjakan paradigma untuk keluar dari pemikiran yang negatif dan berikhtiar mencari jalan penyelesaian terhadap masalah dan rintangan yang dihadapi dalam pengajaran dan pembelajaran. Jika disebut Bahasa Inggeris ramai murid yang mengeluh... bagi mereka subjek ini adalah susah. Tinjauan awal telah dilaksanakan melalui semakan kerja murid, ujian pra, soalselidik, temubual serta pemerhatian. Hasil tinjauan menunjukkan murid tidak mahir menulis ayat serta banyak perkataan-perkataan yang salah serta susunan ayat yang terbalik. Kemahiran menulis adalah penting bagi setiap murid untuk mendapat markah yang tinggi. Untuk mengatasi masalah yang dihadapi oleh murid 2 Cendekiawan di dalam penulisan Bahasa Inggeris saya mengaplikasikan "<b>Creative writing</b>". Pn Mariam Mohamed Nor dan En Abd Halim B. Ibrahim (2004) mengatakan "<b>Creative writing is synonymous to imaginative, resourceful, and clever writing. Creative writing comes from originality of thought.</b>" Dan saya telah memperkenalkan kaedah <i>Little Book</i> di mana murid dikehendaki menulis ayat mudah secara berulang ulang (repetition) mengikut kreativiti mereka. Seramai 36 orang murid serta seorang guru terlibat dalam Kajian ini. Dua Belas aktiviti pengajaran dan pembelajaran dijalankan dalam tempoh tiga bulan. Aktiviti ini dijalankan selama 20-30 minit biasanya setiap hari Rabu, juga mengikut pertukaran topik diajar iaitu hari Selasa dan Khamis. Keputusan Ujian pos, serta Ujian Bulanan menunjukkan peningkatan prestasi pelajar. Pelajar lebih berminat pada</p>



Bahagian	Proses/Penjelasan	Contoh Penulisan
	iv. Tinjauan awal v. Pelaksanaan kajian vi. Dapatan	mata pelajaran Bahasa Inggeris menggunakan kaedah ini kerana ia mudah senang dan seronok. Pengajaran dan pembelajaran menggunakan kaedah ini haruslah dikekalkan agar murid lebih berminat pada mata pelajaran Bahasa Inggeris khususnya di dalam penulisan.
1.0 Refleksi Pengajaran dan Pembelajaran Lalu (P&P)	<p>Refleksi merupakan muhassabah diri untuk menilai kembali pengajaran yang lalu.</p> <p>Refleksi hendaklah mengandungi:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>Tema/masalah/isu keprihatinan yang telah dikenal pasti melalui empat perkara utama dalam P&amp;P yang lalu iaitu:               <ul style="list-style-type: none"> <li>Guru</li> <li>Murid</li> <li>Isi kandungan pelajaran</li> <li>Persekitaran</li> </ul> </li> <li>Refleksi pengalaman P&amp;P lalu.</li> <li>Kaitkan pengalaman P&amp;P yang telah dikenal pasti supaya masalah menjadi lebih jelas.</li> <li>Rujuk bahan yang berkaitan seperti buku latihan, ujian, keputusan peperiksaan, sukatan pelajaran dan bahan-bahan yang berkaitan untuk membantu penyelidik mengingat kembali apa-apa yang telah dilaksanakan/ berlaku.</li> <li>Terjemah refleksi secara bertulis.</li> </ol>	<p><b>1.0 Refleksi Pengajaran dan Pembelajaran Lalu:</b></p> <p>Pertama sekali saya ingin nyatakan perasaan yang begitu kesal dan tidak berpuashati terhadap diri sendiri kerana tidak memberikan tunjuk ajar yang betul kepada anak-anak didik saya. Sering kali terdengar perkataan...<i>tak faham la teacher...macam mana nak buat...</i> begitu sinonim sekali setiap kali pembelajaran Bahasa Inggeris. Bagi saya mereka terlalu bergantung kepada guru untuk memberi jawapan, mereka tidak ingin mencuba membuat sendiri. Tetapi saya tidak boleh menyalahkan mereka seratus peratus, latar belakang keluarga yang miskin, kurangnya perhatian daripada ibu bapa serta tidak ada kemudahan seperti Perpustakaan Awam juga membatasi pembelajaran mereka.</p> <p>Saya pula selalu menjawab ...<i>“Apalah awak ni yang tu pun..... tak boleh buat... senang aje... do it yourself...”</i> tanpa memberi tunjuk ajar yang betul serta tidak prihatin kepada masalah yang dihadapi oleh murid-murid.</p> <p>Saya pernah menghadiri kursus Kajian Tindakan pada tahun 2002. Jadi kali ini saya membuat keputusan untuk melaksanakan Kajian dengan bersungguh-sungguh bagi memperbaiki kelemahan pada diri saya serta mempertingkatkan pembelajaran anak-anak didik saya. Saya telah memulakan kajian dengan beberapa langkah iaitu membuat ujian, memeriksa buku tulis, temubual, soal selidik. Kemudian saya merancang aktiviti serta kaedah yang akan saya jalankan iaitu <i>Little Book Technique</i>. Langkah-langkah yang seterusnya akan diterangkan di dalam perenggan-perenggan yang berikut.</p> <p>Sepanjang kajian ini saya telah mendapat kebenaran tentang pentingnya Kajian Tindakan iaitu mengeluarkan guru dari kongkongan amalan-amalan rutin dan meningkatkan amalan-amalan profesional khususnya dalam menguji sendiri dan memperkembangkan idea-idea baru mengenai amalan. Dengan itu, guru mempunyai hakmilik (<i>ownership</i>) dalam memperkenalkan amalan-amalan yang efektif.</p>
2.0 Fokus Kajian	<p>Fokus kajian merupakan fokus yang menjadi masalah atau isu.</p> <p>Proses menentukan fokus kajian ialah:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>Tentukan tema / masalah kajian.</li> </ol>	<p><b>2.0 Fokus Kajian</b></p> <p>Kajian yang dijalankan ini adalah berfokuskan kepada kemahiran menulis ataupun <i>writing skills</i>. Kajian ini adalah penting bagi murid tahap satu untuk membina ayat mudah secara berulang-ulang mengikut muka surat dengan menggunakan kaedah <i>Little Book</i>. Membina ayat memerlukan kemahiran berfikir, menulis serta keyakinan diri. Jika pelajar tidak boleh membuat ayat dengan betul didalam Bahasa Inggeris ini akan memberi kesan yang negatif terhadap diri mereka. Mereka akan menggangap</p>

Bahagian	Proses/Penjelasan	Contoh Penulisan												
	<p>b. Rumuskan masalah yang dikenalpasti daripada refleksi P&amp;P lalu.</p>	<p>Bahasa Inggeris adalah subjek yang susah serta hilang minat untuk terus belajar. Kesannya mereka akan menghadapi banyak masalah di dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris apabila berada di tahap dua.</p>												
3.0 Objektif Kajian	<p>Objektif kajian meliputi:</p> <p>a. Objektif kajian terdiri daripada objektif umum dan objektif khusus.</p> <p>b. Objektif hendaklah berkaitan dengan masalah.</p> <p>c. Objektif hendaklah berkaitan dengan aktiviti/tindakan (P&amp;P).</p> <p>d. Objektif hendaklah boleh diukur.</p> <p>e. Semua objektif khusus hendaklah diukur/nilai semasa menjalankan tindakan/aktiviti.</p>	<p><b>3.0 Objektif Kajian</b></p> <p><b>3.1 Objektif Umum</b> Tujuan kajian ini adalah untuk mempertingkatkan kemahiran menulis di dalam Bahasa Inggeris menggunakan ayat yang senang serta mempertingkatkan keyakinan diri supaya menguasai Bahasa Inggeris bagi murid-murid Tahap 1.</p> <p><b>3.2 Objektif Khusus</b></p> <p>i. Membantu murid membina ayat mudah di dalam penulisan Bahasa Inggeris.</p> <p>ii. Membantu murid supaya menghasilkan buku mengikut kreativiti mereka sendiri.</p> <p>iii. Membantu meningkatkan pencapaian murid dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris.</p> <p>iv. Mengubah sikap persepsi murid bahawa Bahasa Inggeris adalah mata pelajaran yang mudah difahami.</p>												
4.0 Kumpulan Sasaran	<p>Kumpulan yang hendak dikaji atau menjadi sampel kajian.</p> <p>a. Sebutkan data/maklumat responden yang dikaji.</p>	<p><b>4.0 Kumpulan Sasaran</b></p> <p>Kumpulan sasaran terdiri daripada 36 orang murid 2 Cendekiawan. Saya mengambil keputusan untuk mengadakan kajian ke atas semua murid 2 Cendekiawan agar semua murid kelas ini mendapat faedah dan manfaat kerana kaedah <i>Little Book</i> ini boleh menarik minat semua murid.</p>												
5.0 Pelaksanaan Kajian	<p>Pelaksanaan kajian meliputi:</p> <p>a. Cara mengumpulkan maklumat.</p> <p>1) Menghuraikan secara terperinci cara-cara mengumpulkan maklumat.</p> <p>2) Maklumat boleh diperoleh melalui:</p> <p>i. pemerhatian dalam bilik darjah semasa murid memberi maklum balas kepada soalan-soalan guru;</p> <p>ii. pemeriksaan buku</p>	<p><b>5.0 Pelaksanaan Kajian</b></p> <p><b>5.1 Tinjauan Masalah</b></p> <p>Jadual 1: Kaedah Mengutip Data</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th><u>Langkah Dan Tarikh</u></th> <th><u>Cara Penilaian</u></th> <th><u>Kump. sasaran</u></th> <th><u>Tujuan</u></th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Langkah 1 17.1.2005</td> <td>Memeriksa Buku Tulis</td> <td>36 Orang murid 2C</td> <td>Mengenal pasti masalah sebenar yang dihadapi oleh murid.</td> </tr> <tr> <td>Langkah 2 18.1.2005</td> <td>Ujian</td> <td>36 Orang murid 2C</td> <td>Saya menjankan ujian ke atas 36 orang murid tahun 2C yang dikenal pasti, iaitu membina ayat mudah berdasarkan gambar (<i>pen, ruler, chalk, eraser, chair</i>). Tujuan adalah untuk mengenal pasti masalah</td> </tr> </tbody> </table>	<u>Langkah Dan Tarikh</u>	<u>Cara Penilaian</u>	<u>Kump. sasaran</u>	<u>Tujuan</u>	Langkah 1 17.1.2005	Memeriksa Buku Tulis	36 Orang murid 2C	Mengenal pasti masalah sebenar yang dihadapi oleh murid.	Langkah 2 18.1.2005	Ujian	36 Orang murid 2C	Saya menjankan ujian ke atas 36 orang murid tahun 2C yang dikenal pasti, iaitu membina ayat mudah berdasarkan gambar ( <i>pen, ruler, chalk, eraser, chair</i> ). Tujuan adalah untuk mengenal pasti masalah
<u>Langkah Dan Tarikh</u>	<u>Cara Penilaian</u>	<u>Kump. sasaran</u>	<u>Tujuan</u>											
Langkah 1 17.1.2005	Memeriksa Buku Tulis	36 Orang murid 2C	Mengenal pasti masalah sebenar yang dihadapi oleh murid.											
Langkah 2 18.1.2005	Ujian	36 Orang murid 2C	Saya menjankan ujian ke atas 36 orang murid tahun 2C yang dikenal pasti, iaitu membina ayat mudah berdasarkan gambar ( <i>pen, ruler, chalk, eraser, chair</i> ). Tujuan adalah untuk mengenal pasti masalah											

Bahagian	Proses/Penjelasan	Contoh Penulisan																			
	latihan;				yang mereka hadapi ketika membina ayat. (Lampiran 1)																
	iii. sesi temu bual;																				
	iv. melalui soal selidik; atau	Langkah 3 19.1.2005	Temubual	i. 36 orang murid 2C ii. Pemerhati Zalinawati	Temubual dijalankan secara rawak seramai 8 orang untuk mengenal pasti masalah masalah yang dihadapi. (Lampiran 2)																
	v. ujian pra atau ujian topikal/bulanan	Langkah 4 24.1.2005	Soal selidik	i. 36 orang murid 2C ii. Pemerhati Zalinawati	Kertas soal selidik diedarkan untuk mendapat kepastian pada masalah yang dihadapi. (Lampiran 3)																
	b. Analisis tinjauan masalah.	<p><b>5.2 Analisis Tinjauan Masalah</b></p> <p>Jadual 2: Analisis Tinjauan Masalah</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th><u>Langkah dan Tarikh</u></th> <th><u>Cara Penilaian</u></th> <th><u>Kumpulan sasaran</u></th> <th><u>Masalah telah dikenalpasti</u></th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Langkah 1 17.1.2005</td> <td>Memeriksa Buku Tulis</td> <td>36 orang murid 2C</td> <td>Banyak kesalahan ayat, kerja tidak disiapkan.</td> </tr> <tr> <td>Langkah 2 18.1.2005</td> <td>Ujian</td> <td>36 orang murid 2C</td> <td>Setelah membuat ujian pra saya dapati hanya seorang saja yang dapat membuat ayat dengan betul, yang selebihnya banyak kesalahan ayat seperti, menulis ayat secara terbalik, salah ejaan dan tidak faham apa yang mereka tulis.</td> </tr> <tr> <td>Langkah 3 19.1.2005</td> <td>Temubual</td> <td>i. 37 orang murid 2C ii. Pemerhati</td> <td>i. Seramai 7 orang telah saya temubual dan didapati hanya 3 orang yang betul-betul berminat pada mata pelajaran Bahasa dan mengatakan mata pelajaran Bahasa Inggeris adalah susah dan tidak faham setiap kali menjawab soalan. ii. Kurang mendapat tunjuk ajar daripada ibubapa apabila kerja sekolah diberi. iii. Keadaan persekitaran di rumah serta pergaulan dengan rakan-rakan mempengaruhi sikap pelajar. iv. Masa lapang banyak diisi dengan bermain bersama kawan-kawan.</td> </tr> </tbody> </table>				<u>Langkah dan Tarikh</u>	<u>Cara Penilaian</u>	<u>Kumpulan sasaran</u>	<u>Masalah telah dikenalpasti</u>	Langkah 1 17.1.2005	Memeriksa Buku Tulis	36 orang murid 2C	Banyak kesalahan ayat, kerja tidak disiapkan.	Langkah 2 18.1.2005	Ujian	36 orang murid 2C	Setelah membuat ujian pra saya dapati hanya seorang saja yang dapat membuat ayat dengan betul, yang selebihnya banyak kesalahan ayat seperti, menulis ayat secara terbalik, salah ejaan dan tidak faham apa yang mereka tulis.	Langkah 3 19.1.2005	Temubual	i. 37 orang murid 2C ii. Pemerhati	i. Seramai 7 orang telah saya temubual dan didapati hanya 3 orang yang betul-betul berminat pada mata pelajaran Bahasa dan mengatakan mata pelajaran Bahasa Inggeris adalah susah dan tidak faham setiap kali menjawab soalan. ii. Kurang mendapat tunjuk ajar daripada ibubapa apabila kerja sekolah diberi. iii. Keadaan persekitaran di rumah serta pergaulan dengan rakan-rakan mempengaruhi sikap pelajar. iv. Masa lapang banyak diisi dengan bermain bersama kawan-kawan.
<u>Langkah dan Tarikh</u>	<u>Cara Penilaian</u>	<u>Kumpulan sasaran</u>	<u>Masalah telah dikenalpasti</u>																		
Langkah 1 17.1.2005	Memeriksa Buku Tulis	36 orang murid 2C	Banyak kesalahan ayat, kerja tidak disiapkan.																		
Langkah 2 18.1.2005	Ujian	36 orang murid 2C	Setelah membuat ujian pra saya dapati hanya seorang saja yang dapat membuat ayat dengan betul, yang selebihnya banyak kesalahan ayat seperti, menulis ayat secara terbalik, salah ejaan dan tidak faham apa yang mereka tulis.																		
Langkah 3 19.1.2005	Temubual	i. 37 orang murid 2C ii. Pemerhati	i. Seramai 7 orang telah saya temubual dan didapati hanya 3 orang yang betul-betul berminat pada mata pelajaran Bahasa dan mengatakan mata pelajaran Bahasa Inggeris adalah susah dan tidak faham setiap kali menjawab soalan. ii. Kurang mendapat tunjuk ajar daripada ibubapa apabila kerja sekolah diberi. iii. Keadaan persekitaran di rumah serta pergaulan dengan rakan-rakan mempengaruhi sikap pelajar. iv. Masa lapang banyak diisi dengan bermain bersama kawan-kawan.																		
	Analisis tinjauan masalah dilakukan dengan membuat jadual atau apa-apa bentuk ' <i>data display</i> ' untuk menunjukkan bahawa anda telah mengumpul data/ maklumat untuk mengetahui bagaimana masalah itu timbul dan perkara-perkara lain yang berkaitan dengan masalah yang dikaji.																				

Bahagian	Proses/Penjelasan	Contoh Penulisan							
		Langkah 4 24.1.2005	Soal selidik	i. Seramai 7 orang murid 2C ii. Pemerhati GPK 1	i. Hanya 3 orang yang betul-betul berminat pada mata pelajaran Bahasa Inggeris. ii. Hanya 2 orang daripada mereka akan bertanya jika tidak faham kerja yang diberikan oleh guru. iii. 3 orang daripada mereka tidak faham soalan dan tidak tahu untuk menjawab terutama di dalam penulisan.				
		Langkah 5 24.1.2005	Pemerhatian	Guru Pengkaji	Pemerhatian dilakukan sendiri oleh saya untuk mengenal pasti masalah dari segi : i. Sikap - Kebanyakan daripada mereka membuat kerja sambil lewa. ii. Tingkah laku - Sebelum kajian mereka tidak memberi tumpuan semasa belajar apabila ditanya soalan mereka hanya membisu. iii. Penglibatan murid sebelum kajian - pasif dan liat.				
	<p>c. Tindakan menangani masalah</p> <p>Nyatakan semua aktiviti, bahan-bahan dan cara anda membuat pemerhatian untuk menguji keberkesanan tindakan/aktiviti yang telah dijalankan ke arah meningkatkan kemahiran murid bagi menangani masalah yang sedang dikaji.</p>	<p><b>5.3 TINDAKAN YANG DIJALANKAN</b></p> <p>Berdasarkan tinjauan awal yang telah dijalankan pelajar memang lemah dalam penulisan. Ini adalah kerana mereka kurang berminat pada mata pelajaran Bahasa Inggeris, kurang keyakinan diri, keadaan persekitaran kurang mendapat dorongan daripada ibubapa menyebabkan mereka akan kehilangan arah jika tidak di bimbing oleh guru. Oleh itu, saya rasa bertanggungjawab di dalam mendidik anak-anak didik saya. Untuk mengatasi masalah ini, kaedah <i>Little Book</i> diperkenalkan untuk melaksanakan kajian ini:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>Pertama saya lakukan adalah dengan memotong kertas A4 kepada empat bahagian. Kemudian saya satukan kertas tersebut dan jadikan ia sebuah buku kecil yang dinamakan <i>Little Book</i>.</li> <li>Sebelum masuk ke kelas saya pastikan buku tersebut mencukupi untuk setiap orang murid supaya tidak menimbulkan masalah.</li> <li>Beberapa langkah mudah perlu diikuti seperti Jadual 3 di bawah:</li> </ol> <p>Jadual 3: Langkah-langkah untuk membina ayat di dalam <i>Little Book</i>.</p> <table border="1" data-bbox="787 1734 1409 1881"> <tbody> <tr> <td data-bbox="792 1740 954 1822"><b>Langkah 1</b></td> <td data-bbox="958 1740 1404 1822">Murid-murid dikehendaki membina 4 atau 6 ayat Bahasa Inggeris berdasarkan pada helaian muka surat.</td> </tr> <tr> <td data-bbox="792 1827 954 1875"><b>Langkah 2</b></td> <td data-bbox="958 1827 1404 1875">Tulis muka surat di setiap helaian <i>Little book</i>.</td> </tr> </tbody> </table>				<b>Langkah 1</b>	Murid-murid dikehendaki membina 4 atau 6 ayat Bahasa Inggeris berdasarkan pada helaian muka surat.	<b>Langkah 2</b>	Tulis muka surat di setiap helaian <i>Little book</i> .
<b>Langkah 1</b>	Murid-murid dikehendaki membina 4 atau 6 ayat Bahasa Inggeris berdasarkan pada helaian muka surat.								
<b>Langkah 2</b>	Tulis muka surat di setiap helaian <i>Little book</i> .								

Bahagian	Proses/Penjelasan	Contoh Penulisan																																																	
		<b>Langkah 3</b>	Murid-murid dikehendaki menulis 'title' dan "Narrated by _____" di sebelah hadapan kulit buku tersebut .																																																
		<b>Langkah 4</b>	Murid melukis atau menampal gambar gambar berdasarkan ayat yang telah mereka tulis atau pun murid boleh terus menulis ayat di setiap helaian muka surat berdasarkan gambar.																																																
		<b>Langkah 5</b>	Mewarna mengikut kreativiti masing-masing.																																																
		<b>Langkah 6</b>	Guru akan menilai dari segi ayat serta kekemasan hasil kerja. Guru memberi hadiah kepada murid yang membina ayat dengan betul.																																																
		<b>Langkah 7</b>	Membaca <i>Little Book</i> bersama kawan-kawan.																																																
		<p>d. Instrumen dan langkah-langkah seperti pemerhatian, temubual, ujian pos saya akan jalankan sendiri.</p> <p>e. Bahan-bahan yang digunakan seperti Jadual 4 dibawah.</p>																																																	
		Jadual 4 : Bahan-bahan yang digunakan:																																																	
		<table border="1"> <thead> <tr> <th data-bbox="727 888 854 1026">No. Aktiviti</th> <th data-bbox="854 888 1089 1026">Bahan-bahan berkaitan</th> <th data-bbox="1089 888 1256 1026">Buku Teks B.I Tahun 2 Muka surat</th> <th data-bbox="1256 888 1425 1026">Buku Akt. B.I Tahun 2 Muka surat</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="727 1026 854 1140">1</td> <td data-bbox="854 1026 1089 1140">Petikan di dalam Bahasa Inggeris, Kad gambar, <i>Little Book</i>.</td> <td data-bbox="1089 1026 1256 1140">11</td> <td data-bbox="1256 1026 1425 1140">-</td> </tr> <tr> <td data-bbox="727 1140 854 1194">2</td> <td data-bbox="854 1140 1089 1194">5 biji belon, <i>Little Book</i>.</td> <td data-bbox="1089 1140 1256 1194">11</td> <td data-bbox="1256 1140 1425 1194">21</td> </tr> <tr> <td data-bbox="727 1194 854 1249">3</td> <td data-bbox="854 1194 1089 1249">Kad nombor, <i>Little Book</i>.</td> <td data-bbox="1089 1194 1256 1249">21</td> <td data-bbox="1256 1194 1425 1249">34</td> </tr> <tr> <td data-bbox="727 1249 854 1304">4</td> <td data-bbox="854 1249 1089 1304">Kad nombor, <i>Little Book</i></td> <td data-bbox="1089 1249 1256 1304">-</td> <td data-bbox="1256 1249 1425 1304">-</td> </tr> <tr> <td data-bbox="727 1304 854 1358">5</td> <td data-bbox="854 1304 1089 1358">Kad nombor, <i>Little Book</i></td> <td data-bbox="1089 1304 1256 1358">-</td> <td data-bbox="1256 1304 1425 1358">-</td> </tr> <tr> <td data-bbox="727 1358 854 1413">6</td> <td data-bbox="854 1358 1089 1413">Kad gambar, Buku cerita, <i>Little Book</i></td> <td data-bbox="1089 1358 1256 1413">32</td> <td data-bbox="1256 1358 1425 1413">36</td> </tr> <tr> <td data-bbox="727 1413 854 1526">7</td> <td data-bbox="854 1413 1089 1526">Benda-benda maujud seperti epal, kad gambar, <i>Little Book</i>.</td> <td data-bbox="1089 1413 1256 1526">-</td> <td data-bbox="1256 1413 1425 1526">37</td> </tr> <tr> <td data-bbox="727 1526 854 1581">8</td> <td data-bbox="854 1526 1089 1581">Kad gambar, <i>Little Book</i></td> <td data-bbox="1089 1526 1256 1581">38</td> <td data-bbox="1256 1526 1425 1581"></td> </tr> <tr> <td data-bbox="727 1581 854 1635">9</td> <td data-bbox="854 1581 1089 1635">Carta "My Body", <i>Little Book</i></td> <td data-bbox="1089 1581 1256 1635">42</td> <td data-bbox="1256 1581 1425 1635">47, 57</td> </tr> <tr> <td data-bbox="727 1635 854 1690">10</td> <td data-bbox="854 1635 1089 1690">Kad gambar, <i>Little Book</i></td> <td data-bbox="1089 1635 1256 1690">53</td> <td data-bbox="1256 1635 1425 1690">71</td> </tr> <tr> <td data-bbox="727 1690 854 1755">11</td> <td data-bbox="854 1690 1089 1755">Kad gambar, <i>Little Book</i></td> <td data-bbox="1089 1690 1256 1755">78</td> <td data-bbox="1256 1690 1425 1755"></td> </tr> </tbody> </table>		No. Aktiviti	Bahan-bahan berkaitan	Buku Teks B.I Tahun 2 Muka surat	Buku Akt. B.I Tahun 2 Muka surat	1	Petikan di dalam Bahasa Inggeris, Kad gambar, <i>Little Book</i> .	11	-	2	5 biji belon, <i>Little Book</i> .	11	21	3	Kad nombor, <i>Little Book</i> .	21	34	4	Kad nombor, <i>Little Book</i>	-	-	5	Kad nombor, <i>Little Book</i>	-	-	6	Kad gambar, Buku cerita, <i>Little Book</i>	32	36	7	Benda-benda maujud seperti epal, kad gambar, <i>Little Book</i> .	-	37	8	Kad gambar, <i>Little Book</i>	38		9	Carta "My Body", <i>Little Book</i>	42	47, 57	10	Kad gambar, <i>Little Book</i>	53	71	11	Kad gambar, <i>Little Book</i>	78	
No. Aktiviti	Bahan-bahan berkaitan	Buku Teks B.I Tahun 2 Muka surat	Buku Akt. B.I Tahun 2 Muka surat																																																
1	Petikan di dalam Bahasa Inggeris, Kad gambar, <i>Little Book</i> .	11	-																																																
2	5 biji belon, <i>Little Book</i> .	11	21																																																
3	Kad nombor, <i>Little Book</i> .	21	34																																																
4	Kad nombor, <i>Little Book</i>	-	-																																																
5	Kad nombor, <i>Little Book</i>	-	-																																																
6	Kad gambar, Buku cerita, <i>Little Book</i>	32	36																																																
7	Benda-benda maujud seperti epal, kad gambar, <i>Little Book</i> .	-	37																																																
8	Kad gambar, <i>Little Book</i>	38																																																	
9	Carta "My Body", <i>Little Book</i>	42	47, 57																																																
10	Kad gambar, <i>Little Book</i>	53	71																																																
11	Kad gambar, <i>Little Book</i>	78																																																	



Bahagian	Proses/Penjelasan	Contoh Penulisan																			
	penyelidik terhadap keberkesanan kajian yang telah dijalankan	2	-																		
		1	-																		
		<p>Ujian Pra dan Ujian Pos telah dilaksanakan dan saya mendapati perubahan begitu ketara sekali dimana pada Ujian Pos didapati 35 orang murid 2C telah mendapat markah penuh berbanding markah Ujian Pra hanya 2 orang sahaja. Ini adalah kerana semasa Ujian Pra dijalankan murid-murid belum mendapat pendedahan bagaimana membina ayat-ayat dengan betul. Ujian Pos telah menunjukkan peningkatan kerana mereka telah mengikuti kaedah pengajaran dan pembelajaran yang betul.</p>																			
		<p>Jadual 8: Analisa Ujian Berselaras Bahasa Inggeris kelas 2 Cendekiawan .</p>																			
		<table border="1"> <thead> <tr> <th data-bbox="764 604 943 659">Gred</th> <th data-bbox="943 604 1175 659">Ujian Berselaras 01</th> <th data-bbox="1175 604 1408 659">Ujian Berselaras 02</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="764 659 943 690">A</td> <td data-bbox="943 659 1175 690">25</td> <td data-bbox="1175 659 1408 690">33</td> </tr> <tr> <td data-bbox="764 690 943 722">B</td> <td data-bbox="943 690 1175 722">11</td> <td data-bbox="1175 690 1408 722">3</td> </tr> <tr> <td data-bbox="764 722 943 753">C</td> <td data-bbox="943 722 1175 753">-</td> <td data-bbox="1175 722 1408 753">-</td> </tr> <tr> <td data-bbox="764 753 943 785">D + E</td> <td data-bbox="943 753 1175 785">-</td> <td data-bbox="1175 753 1408 785">-</td> </tr> <tr> <td data-bbox="764 785 943 806">JUMLAH</td> <td data-bbox="943 785 1175 806">36</td> <td data-bbox="1175 785 1408 806">36</td> </tr> </tbody> </table>		Gred	Ujian Berselaras 01	Ujian Berselaras 02	A	25	33	B	11	3	C	-	-	D + E	-	-	JUMLAH	36	36
Gred	Ujian Berselaras 01	Ujian Berselaras 02																			
A	25	33																			
B	11	3																			
C	-	-																			
D + E	-	-																			
JUMLAH	36	36																			
		<p>Ujian Bulanan juga menunjukkan peningkatan dimana pada Ujian Berselaras 2 seramai 33 orang murid telah mendapat "A" di dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris berbanding dengan Ujian Berselaras 1 hanya 25 orang. Perubahan-perubahan ini berlaku adalah kerana mereka sudah mempunyai keyakinan diri serta mempunyai banyak perkataan-perkataan baru di dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris ketika menjawab soalan Ujian mereka seperti mengimbas kembali apa yang telah mereka lukis dan tulis.</p>																			
		<p>Hasil temubual dan refleksi murid (murid mencatat didalam lampiran 5) juga saya dapati 100% murid-murid 2 Cendekiawan meminati Bahasa Inggeris terutama di dalam membina ayat-ayat mudah didalam <i>Little Book</i> kerana banyak aktiviti-aktiviti menarik yang telah mereka lakukan sepanjang kajian ini. Temubual bersama ibubapa juga telah dilakukan, mereka menceritakan bagaimana anak mereka begitu meminati Bahasa Inggeris. Malah ibubapa juga boleh menyebut tajuk-tajuk <i>Little Book</i> yang telah anak-anak mereka buat antara yang menarik perhatian mereka ialah: Mother's Day dan juga Rose Red. Ini menunjukkan <i>Little Book</i> bukan saja mendapat perhatian murid-murid tetapi ibu bapa juga. (Lihat CD yang disertakan)</p>																			
		<p>Antara penilaian lain adalah kreativiti murid. Mereka akan menunjukkan minat dan bakat melukis serta menghasilkan <i>Little Book</i> yang terbaik. Bermacam-ilakukan dapat memberi peluang pada murid menunjukkan bakat mereka. macam bentuk dan saiz dapat dilihat. Ini bermakna daripada aktiviti yang dilakukan dapat memberi peluang pada murid menunjukkan bakat mereka.(Keratan Akhbar Lampiran).</p>																			
		<p><b>5.5.2 Refleksi Proses Pengajaran Dan Pembelajaran Secara Keseluruhan</b></p>																			
		<p>Sepanjang kajian ini banyak pengalaman yang telah saya lalui terutama semasa P&amp;P. Selepas kajian saya dapat melihat perubahan yang besar pada anak-anak didik saya antaranya:</p>																			
		<p><b>i. Perubahan sikap murid dan saya sendiri.</b> Perubahan sikap dapat dilihat dimana sebelum ini adalah amat susah untuk menarik minat kerana kebanyakan mereka mempunyai latar</p>																			

Bahagian	Proses/Penjelasan	Contoh Penulisan
		<p>belakang keluarga yang miskin kurang perhatian daripada ibu-bapa serta kurang bahan bacaan tetapi setelah melaksanakan Kajian Tindakan saya dapati sikap mereka telah berubah pada setiap bulan daripada pasif kepada aktif ketika akitiviti dijalankan . Mereka begitu meminati mata pelajaran Bahasa Inggeris dan selalu bertanya .....<i>Teacher .... esok aktiviti apa teacher.... ataupun bila saja masa berakhir ....kedengaran ".....alah..... teacher ngajar la kelas kita sampai balik"</i> malah ada yang datang kepada saya ingin melihat apa yang saya bawa pada hari itu. Perasaan saya pada masa itu begitu tersentuh, ini akan mengingatkan kan saya betapa pentingnya saya seorang guru kepada mereka.</p> <p>Selepas kelas berakhir saya pasti akan mencari idea dan membuat perancangan untuk pengajaran keesokkan harinya sebelum Kajian Tindakan dilaksanakan saya tidak tahu bagaimana cara untuk membuat aktiviti yang boleh menarik minat mereka. Setiap kali melangkah ke kelas 2 Cendekiawan saya seolah-olah merasakan diri ini seperti penyanyi.....bila saja bermula kelas Bahasa Inggeris kedengaran sorakkan ..... <i>Ye....Ye... teacher datang .....</i>dengan begitu kuat sekali. Bila saya meletakkan barang-barang di atas meja, mereka sudah tahu hari ini cikgu akan menjalankan aktiviti yang menarik. Nampaknya mereka begitu bersedia setiap kali kelas bermula.</p> <p><b>ii. Perubahan pada pembelajaran murid.</b></p> <p>Saya memang tidak menyangka murid-murid boleh membina ayat hanya dalam masa beberapa minit saja. Mereka sudah mahir bukan itu saja ada yang cuba menulis 2 atau 3 ayat didalam satu muka surat tanpa bertanyakan pada saya.Nampaknya saya telah dapat menerapkan sifat keyakinan didalam diri anak didik saya. Mereka juga tidak menghadapi masalah didalam menjawab soalan didalam buku aktiviti tahun 2 jika ada masalah mereka terus bertanya. Keyakinan yang dapat diterapkan melalui aktiviti ini telah membuahkan kejayaan salah seorang murid 2C telah memenangi tempat Ketiga pertandingan <i>Story telling</i> peringkat Negeri Johor, bukanlah mudah untuk memenangi pertandingan apatah lagi terpaksa bersaing dengan muri-murid dari kawasan bandar yang beitu petah bercakap didalam Bahasa Inggeris. Bagi saya ini adalah perkembangan positif. (Lampiran 6 )</p>
6.0 Cadangan Kajian Seterusnya	<p>a. Anda boleh meneruskan kajian tindakan dengan mengambil tindakan susulan (gelungan kedua).</p> <p>b. Jika kajian anda tidak berjaya, anda boleh menulis seperti berikut: "Memandangkan kajian tindakan yang telah saya jalankan tidak berjaya, maka saya akan menggunakan tindakan/aktiviti-aktiviti lain untuk menangani isu ini."</p>	<p><b>6.0 CADANGAN KAJIAN SETERUSNYA</b></p> <p>Saya akan mengekalkan kaedah ini untuk pengajaran saya pada masa hadapan kerana ini adalah kaedah paling mudah dan berkesan untuk mengajar kemahiran menulis. Pendedahan awal adalah perlu supaya mereka tidak menghadapi masalah bila di tahap dua.</p>



Bahagian	Proses/Penjelasan	Contoh Penulisan
Bibliografi	Menyusun senarai bahan rujukan mengikut abjad bermula dengan Nama pengarang, tahun, nama buku dan penerbit.	<p><b>Bibliografi</b></p> <p>Mohamad Najib Abdul Ghafar. (1999). <i>Penyelidikan Pendidikan</i>. Penerbitan Universiti Teknologi Malaysia.</p> <p>Manjin Gill, Matishwar Kaur &amp; Kan Yuet Yee. (2003). <i>English Year 2 Sekolah Kebangsaan Textbook</i>. Dewan Bahasa Dan Pustaka</p> <p>Manjin Gill, Matishwar Kaur &amp; Kan Yuet Yee. (2003). <i>English Year 2 Sekolah Kebangsaan Activity Book</i>. Dewan Bahasa Dan Pustaka</p> <p>Mariam Mohamed Nor &amp; Abd. Halim Bin Ibrahim. (2004). <i>HBET 2303 Writing in an ESL Context</i>. Utusan Publication &amp; Distributors Sdn. Bhd.</p>
Lampiran	Sertakan segala bahan yang digunakan dalam kajian sebagai lampiran kajian.	

## 8.4 Contoh Laporan Kajian Tindakan

### 8.4.1 Contoh 1

#### LAPORAN KAJIAN TINDAKAN

***MENINGKATKAN KEMAHIRAN MEMBINA AYAT MUDAH  
DI DALAM PENULISAN BAHASA INGGERIS MENGGUNAKAN  
“LITTLE BOOK TECHNIQUE” KEPADA 36  
MURID-MURID T2 CENDIKIAWAN***

***Oleh:***

***Zalinawati Bt Othman***

Sekolah Kebangsaan Bandar Endau,  
86900 Endau Johor .

#### **ABSTRAK**

Kajian ini saya laksanakan adalah kerana kesedaran pada diri sendiri seperti anjakan paradigma untuk keluar dari pemikiran yang negatif dan berikhtiar mencari jalan penyelesaian terhadap masalah dan rintangan yang dihadapi dalam pengajaran dan pembelajaran. Jika disebut Bahasa Inggeris ramai murid yang mengeluh... bagi mereka subjek ini adalah susah. Tinjauan awal telah dilaksanakan melalui semakan kerja murid, ujian pra, soalselidik, temubual serta pemerhatian. Hasil tinjauan menunjukkan murid tidak mahir menulis ayat serta banyak perkataan-perkataan yang salah serta susunan ayat yang terbalik. Kemahiran menulis adalah penting bagi setiap murid untuk mendapat markah yang tinggi. Untuk mengatasi masalah yang dihadapi oleh murid 2 Cendikiawan di dalam penulisan Bahasa Inggeris saya mengaplikasikan “*Creative writing*” Mariam Mohamed Nor dan Abd. Halim B. Ibrahim (2004) mengatakan “*Creativity is synonymous to being imaginative, resourceful, and clever. Creative writing comes from originality of thought.*” Dan saya telah memperkenalkan kaedah *Little Book* dimana murid dikehendaki menulis ayat mudah secara berulang ulang (*repetition*) mengikut kreativiti mereka. Seramai 36 orang murid serta seorang guru terlibat didalam Kajian ini. Dua belas aktiviti pengajaran dan pembelajaran dijalankan dalam tempoh tiga bulan. Aktiviti ini dijalankan selama 20-30 minit biasanya setiap hari Rabu, juga mengikut pertukaran topik diajar iaitu hari Selasa dan Khamis. Keputusan Ujian pos, serta Ujian Bulanan telah menunjukkan peningkatan prestasi pelajar. Pelajar lebih berminat pada mata pelajaran Bahasa Inggeris menggunakan kaedah ini kerana ia mudah, senang dan seronok. Pengajaran dan pembelajaran menggunakan kaedah ini haruslah dikekalkan agar murid lebih berminat pada mata pelajaran Bahasa Inggeris khususnya di dalam penulisan.

## **1.0 REFLEKSI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN LALU**

Pertama sekali saya ingin nyatakan perasaan yang begitu kesal dan tidak berpuashati terhadap diri sendiri kerana tidak memberikan tunjuk ajar yang betul kepada anak-anak didik saya. Sering kali

terdengar perkataan.....*tak faham la teacher.....macam mana nak buat....* begitu sinonim sekali setiap kali pembelajaran Bahasa Inggeris. Bagi saya mereka terlalu bergantung kepada guru untuk memberi jawapan, mereka tidak ingin mencuba membuat sendiri. Tetapi saya tidak boleh menyalahkan mereka seratus peratus, latar belakang keluarga yang miskin, kurangnya perhatian daripada ibu bapa serta tidak ada kemudahan seperti Perpustakaan Awam juga membatasi pembelajaran mereka.

Saya pula selalu menjawab ....“*Apalah awak ni yang tu pun..... tak boleh buat.... senang aje... do it yourself...*” tanpa memberi tunjuk ajar yang betul serta tidak prihatin kepada masalah yang dihadapi oleh murid-murid.

Saya pernah menghadiri kursus *Kajian Tindakan* pada tahun 2002. Jadi kali ini saya membuat keputusan untuk melaksanakan Kajian dengan bersungguh-sungguh bagi memperbaiki kelemahan pada diri saya serta mempertingkatkan pembelajaran anak-anak didik saya. Saya telah memulakan kajian dengan beberapa langkah iaitu membuat ujian, memeriksa buku tulis, temubual, soal selidik. Kemudian saya merancang aktiviti serta kaedah yang akan saya jalankan iaitu *Little Book Technique*. Langkah-langkah yang seterusnya akan diterangkan di dalam perenggan-perenggan yang berikut.

Sepanjang kajian ini saya telah mendapat kebenaran tentang pentingnya Kajian Tindakan iaitu mengeluarkan guru dari kongkongan amalan-amalan rutin dan meningkatkan amalan-amalan professional khususnya dalam menguji sendiri dan perkembangkan idea-idea baru mengenai amalan. Dengan itu guru mempunyai hakmilik (*ownership*) dalam memperkenalkan amalan-amalan yang efektif.

## **2.0 ISU KEPERIHATINAN / FOKUS KAJIAN**

Kajian yang dijalankan ini adalah berfokuskan kepada kemahiran menulis ataupun *writing skills*. Kajian ini adalah penting bagi murid tahap satu untuk membina ayat mudah secara berulang-ulang mengikut muka surat dengan menggunakan kaedah *Little Book*. Membina ayat memerlukan kemahiran berfikir, menulis serta keyakinan diri. Jika pelajar tidak boleh membuat ayat dengan betul didalam Bahasa Inggeris ini akan memberi kesan yang negatif terhadap diri mereka. Mereka akan menganggap Bahasa Inggeris adalah subjek yang susah serta hilang minat untuk terus belajar. Kesannya mereka akan menghadapi banyak masalah di dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris apabila berada di tahap dua.

### **3.0 OBJEKTIF KAJIAN**

#### **3.1 Objektif Am**

Tujuan Kajian ini adalah untuk mempertingkatkan kemahiran menulis di dalam Bahasa Inggeris menggunakan ayat yang senang serta meperingkatkan keyakinan diri supaya menguasai Bahasa Inggeris bagi murid-murid Tahap 1.

#### **3.2 Objektif Khusus**

- i. Membantu murid membina ayat mudah di dalam penulisan Bahasa Inggeris.
- ii. Membantu murid supaya menghasilkan buku mengikut kreativiti mereka sendiri.
- iii. Membantu meningkatkan pencapaian murid dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris.
- iv. Mengubah sikap persepsi murid bahawa Bahasa Inggeris adalah mata pelajaran yang mudah difahami.

### **4.0 KUMPULAN SASARAN**

Kumpulan sasaran terdiri daripada 36 orang murid 2 Cendikiawan. Saya mengambil keputusan untuk mengadakan kajian ke atas semua murid 2 Cendikiawan agar semua murid kelas ini mendapat faedah dan manfaat kerana kaedah *Little Book* ini boleh menarik minat semua murid.

## 5.0 PERLAKSANAAN KAJIAN

### 5.1 Tinjauan Masalah

Jadual 1: Kaedah Mengutip Data

<u>Langkah</u> <u>Dan</u> <u>Tarikh</u>	<u>Cara</u> <u>Penilaian</u>	<u>Kumpulan</u> <u>sasaran</u>	<u>Tujuan</u>
<i>Langkah</i> <i>1</i> 17.1.2005	<i>Memeriksa</i> <i>Buku Tulis</i>	<i>36 Orang</i> <i>murid 2C</i>	Mengenal apakah masalah sebenarnya yang dihadapi oleh murid .
<i>Langkah</i> <i>2</i> 18.1.2005	<i>Ujian</i>	<i>36 Orang</i> <i>murid 2C</i>	Saya menjankan ujian ke atas 36 orang murid tahun 2C yang dikenal pasti, iaitu membina ayat mudah berdasarkan gambar ( <i>pen,ruler,chalk,eraser,chair</i> ). Tujuan adalah untuk mengenal pasti masalah yang mereka hadapi ketika membina ayat. (Lampiran 1)
<i>Langkah</i> <i>3</i> 19.1.2005	<i>Temubual</i>	<i>i. 36 Orang</i> <i>murid 2C</i> <i>ii.Pemerhati</i> <i>Zalinawati</i>	Temubual dijalankan secara rawak seramai 8 orang untuk mengenal pasti masalah masalah yang dihadapi . (Lampiran 2)
<i>Langkah</i> <i>4</i> 24.1.2005	<i>Soal selidik</i>	<i>i. 36 Orang</i> <i>murid 2C</i> <i>ii.Pemerhati</i> <i>Zalinawati</i>	Kertas soal selidik diedarkan untuk mendapat kepastian pada masalah yang dihadapi. (Lampiran 3)

## 5.2 Analisis Tinjauan Masalah

Jadual 2 : Analisis tinjauan masalah.

<u>Langkah Dan Tarikh</u>	<u>Cara Penilaian</u>	<u>Kumpulan sasaran</u>	<u>Masalah telah dikenalpasti</u>
<i>Langkah 1</i> 17.1.2005	<i>Memerika Buku Tulis</i>	<i>36 Orang murid 2C</i>	Banyak kesalahan ayat, kerja tidak disiapkan .
<i>Langkah 2</i> 18.1.2005	<i>Ujian</i>	<i>36 Orang murid 2C</i>	Setelah membuat Ujian Pra saya dapati hanya seorang saja yang dapat membuat ayat dengan betul ,yang selebihnya banyak kesalahan ayat seperti , menulis ayat secara terbalik, salah ejaan dan tidak faham apa yang mereka tulis.
<i>Langkah 3</i> 19.1.2005	<i>Temubual</i>	<i>i. 37 Orang murid 2C ii.Pemerhati</i>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Seramai 7 orang telah saya temubual dan didapati hanya 3 orang yang betul-betul berminat pada mata pelajaran Bahasa dan mengatakan mata pelajaran Bahasa Inggeris adalah susah dan tidak faham setiap kali menjawab soalan.</li> <li>ii. Kurang mendapat tunjuk ajar daripada ibubapa apabila kerja sekolah diberi.</li> <li>iii. Keadaan persekitaran di rumah serta pergaulan dengan rakan-rakan mempengaruhi sikap pelajar.</li> <li>iv. Masa lapang banyak diisi dengan bermain bersama kawan-kawan.</li> </ul>
<i>Langkah 4</i> 24.1.2005	<i>Soal selidik</i>	<i>i. Seramai 7 Orang murid 2C ii.Pemerhati GPK 1</i>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Hanya 3 orang yang betul-betul berminat pada mata pelajaran Bahasa Inggeris.</li> <li>ii. Hanya 2 orang daripada mereka akan bertanya jika tidak faham kerja yang diberikan oleh guru.</li> <li>iii. 3 orang daripada mereka tidak faham soalan dan tidak tahu untuk menjawab terutama di dalam penulisan.</li> </ul>
<i>Langkah 5</i> 24.1.2005	<i>Pemerhatian</i>	<i>Guru Pengkaji</i>	<p>Pemerhatian dilakukan sendiri oleh saya untuk mengenal pasti masalah dari segi :</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Sikap-Kebanyakan daripada mereka membuat kerja sambil lewa.</li> <li>ii. Tingkah laku- Sebelum kajian mereka tidak memberi tumpuan semasa belajar apabila ditanya soalan mereka hanya membisu.</li> <li>iii. Penglibatan murid sebelum kajian- pasif dan liat.</li> </ul>

### 5.3 Tindakan Yang Dijalankan

Berdasarkan tinjauan awal didapati pelajar memang lemah dari segi penulisan. Ini adalah kerana mereka kurang berminat pada mata pelajaran Bahasa Inggeris, kurang keyakinan diri, keadaan persekitaran kurang mendapat dorongan daripada ibubapa menyebabkan mereka kehilangan arah jika tidak di bimbing oleh guru. Oleh itu saya rasa bertanggungjawab di dalam mendidik anak-anak didik saya. Untuk mengatasi masalah ini, kaedah *Little Book* diperkenalkan untuk melaksanakan kajian ini:

- a. Pertama saya lakukan adalah dengan memotong kertas A4 kepada empat bahagian kemudian saya satukan kertas tersebut dan jadikan ia sebuah buku kecil yang dinamakan *Little Book*.
- b. Sebelum masuk ke kelas saya pastikan buku tersebut mencukupi untuk setiap orang murid supaya tidak menimbulkan masalah.
- c. Beberapa langkah mudah perlu diikuti seperti Jadual 3 di bawah :

Jadual 3 :Langkah-langkah untuk membina ayat di dalam *Little Book*.

<b>Langkah 1</b>	Murid-murid dikehendaki membina 4 atau 6 ayat Bahasa Inggeris berdasarkan helaian muka surat.
<b>Langkah 2</b>	Tulis muka surat disetiap helaian <i>Little book</i> .
<b>Langkah 3</b>	Murid-murid dikehendaki menulis 'title' dan <i>Narrated by</i> _____ di sebelah hadapan kulit buku tersebut.
<b>Langkah 4</b>	Murid melukis atau menampal gambar berdasarkan ayat yang telah mereka tulis atau pun murid boleh terus menulis ayat di setiap helaian muka surat berdasarkan gambar.
<b>Langkah 5</b>	Mewarna mengikut kreativiti masing-masing.
<b>Langkah 6</b>	Guru akan menilai dari segi ayat serta kekemasan hasil kerja. Guru memberi hadiah kepada murid yang membina ayat dengan betul.
<b>Langkah 7</b>	Membaca <i>Little Book</i> bersama kawan-kawan.

- d. Pentadbiran instrumen seperti pemerhatian, temubual dan ujian pos dijalankan oleh saya sendiri.
- e. Bahan-Bahan yang digunakan ditunjukkan pada Jadual 4 di bawah.

Jadual 4 : Bahan-bahan yang digunakan

No. Aktiviti	Bahan-bahan berkaitan	Buku Teks B.I Tahun 2 Muka surat	Buku Akt. B.I Tahun 2 Muka surat
1	<i>Petikan di dalam Bahasa Inggeris, Kad gambar, Little Book.</i>	11	-
2	<i>5 biji Belon, Little Book.</i>	11	21
3	<i>Kad nombor , Little Book.</i>	21	34
4	<i>Kad nombor , Little Book</i>	-	-
5	<i>Kad nombor , Little Book</i>	-	-
6	<i>Kad Gambar, Buku cerita, Little Book</i>	32	36
7	<i>Benda-benda maujud seperti epal, kad gambar, Little Book.</i>	-	37
8	<i>Kad gambar, Little Book</i>	38	
9	<i>Carta “My Body”, Little Book</i>	42	47, 57
10	<i>Kad gambar, Little Book</i>	53	71
11	<i>Kad gambar, Little Book</i>		78

#### 5.4 Pelaksanaan Tindakan Dan pemerhatian / Penilaian.

##### 5.4.1 Pelaksanaan Aktiviti 1

Pengajaran seperti biasa. Selepas membaca petikan ayat, murid-murid dikehendaki menjawab soalan. Saya mula memperkenalkan *Little Book* serta menunjukkan contoh. Murid-murid dikehendaki menulis 8 ayat di dalam lembaran kerja (Lampiran 4). Ayat-ayat tersebut di gunting dan kemudian ditampal mengikut helaian muka surat. Akhir sekali mereka dikehendaki melukis gambar.



**Pemerhatian**

**Tarikh** : 2 Februari 2005  
**Tempat** : 2 Cendikiawan  
**Masa** : 1.35 - 2.35 ptg

**Peristiwa :**

Murid-murid seperti “terpaku” melihat contoh *Little Book* yang telah saya siapkan. Mereka seperti berada di alam lain. Mereka tidak sabar-sabar untuk menjalankan aktiviti tersebut. Apabila aktiviti bermula saya menghadapi masalah murid-murid mengambil masa untuk menulis ayat walaupun sudah diberikan contoh. Mereka banyak memberikan tumpuan pada lukisan dan menulis agak perlahan, hanya 4 orang daripada 36 yang menumpukan penuh perhatian. Yang selebihnya tidak dapat menyiapkan kerja mereka.

**Refleksi**

Sepanjang aktiviti dijalankan murid-murid kelihatan seronok tetapi kurang memberi tumpuan pada penulisan. Kebanyakannya murid-murid lelaki, oleh itu saya perlu membantu murid ini supaya mereka terus menyiapkan kerja. Untuk aktiviti seterusnya saya terfikir yang saya akan menggunakan buku text dan buku aktiviti, supaya mereka mendapat gambaran yang lebih jelas tentang ayat dan juga gambar.

**5.4.2 Perlaksanaan Aktiviti 2**

Untuk menarik perhatian mereka saya membawa 5 biji belon serta kertas A4 yang berwarna-warni yang boleh di dapati di koperasi sekolah. Kemudian mereka dikehendaki membuat ayat seperti: ***This is a red balloon.***

Seperti biasa mereka akan menulis ayat-ayat di dalam lembaran kerja yang disediakan. Kemudian menampal mengikut helaian muka surat. Saya memberi kebebasan kepada murid untuk menukar perkataan di belakang ayat.

Contohnya ***This is a red car.***

Murid-murid boleh melihat di dalam buku teks jika tidak ada idea untuk melukis gambar. Mereka juga boleh berjalan-jalan didalam kelas melihat hasil kerja rakan-rakan mereka.

**Pemerhatian**

**Tarikh** : 23 Feb 2005

**Tempat** : 2 Cendikiawan

**Masa** : 1.35-2.35 ptg

**Peristiwa :**

Murid-murid begitu tertarik dengan belon-belon yang saya bawa. Mereka tidak sabar-sabar untuk mengetahui aktiviti apa sebenarnya. Bila mendapat kertas yang berwarna-warni dan adanya belon dalam kelas mereka begitu gembira sekali. Semua memberikan tumpuan pada kerja. Ada yang membuat rujukan di dalam buku teks dan buku aktiviti Tahun 2. Mereka begitu berhati-hati semasa menulis dan begitu leka dengan aktiviti masing-masing. Ada yang menunjukkan hasil kerja mereka serta membanding-bandingkannya dengan kawan yang lain. Saya mendapati ramai yang membuat kesalahan ejaan seperti :

Jadual 5: Kesalahan Perkataan

<b>Perkataan</b>	<b>Kesalahan</b>
This	The
Balloon	Belon

**Refleksi**

Oleh kerana tajuk pada hari ini adalah “*objects*” dalam masa satu jam saja, murid-murid sudah mengenali objek-objek di dalam Bahasa Inggeris. Ini menunjukkan mereka dengan sendirinya sudah memperkayakan “*vocabulary*” mereka. Saya tidak mempunyai masalah lagi untuk menerangkan satu persatu maksud perkataan.

Jika ada kesalahan-kesalahan ayat atau perkataan, murid dikehendaki membuat pembetulan dan melihat kembali contoh ayat yang saya berikan. Saya rasa amat gembira kerana aktiviti kedua berjalan lancar. Mereka begitu bersungguh-sungguh menyiapkannya. Hanya satu ayat mudah difahami pada satu muka surat. Untuk menarik minat murid serta membiasakan mereka dengan aktiviti penulisan, saya bercadang akan memberi hadiah kepada murid-murid yang membuat ayat tanpa kesalahan.

### 5.4.3 Pelaksanaan Aktiviti 3

Masih mengekalkan teknik yang sama. Cuma tajuk pada kali ini adalah *numbers*. Saya menunjukkan kad-kad nombor. Murid-murid dikehendaki membacanya (*drilling*).

Saya memberitahu murid-murid pada hari ini saya akan memberi hadiah mengikut kriteria:

1. Semua ayat ditulis dengan betul
2. *Little Book* mestilah bersih dan kemas
3. Mestilah disiapkan pada masa yang ditetapkan.

#### **Pemerhatian**

**Tarikh** : 28 Februari 2005

**Tempat** : 2 Cendikiawan

**Masa** : 2.35 - 3.35 ptg

#### **Peristiwa :**

Murid-murid menunjukkan kesungguhan apabila mendapat tahu mereka akan diberikan hadiah. Mereka berhati-hati menulis, serta mengikut syarat-syarat yang telah saya tetapkan. Hasilnya murid-murid dapat membezakan antara :

- i. **There are**\_\_\_\_\_.
- ii. **There is**\_\_\_\_\_.

#### **Refleksi**

Saya tidak menyangka perubahan yang begitu ketara. Murid-murid begitu tekun daripada sebelumnya. Mereka berlumba-lumba malah berhati-hati semasa membina ayat. Perasaan saya lebih gembira lagi pada aktiviti pada kali ini. Idea memberi hadiah memang bagus dan saya akan mengekalkannya. Hadiah yang diberikan adalah alatulis yang murah. Untuk menarik minat mereka lagi, saya bercadang pada aktiviti seterusnya saya akan menampal hasil kerja mereka di sudut Bahasa Inggeris.

### 5.4.3 Pelaksanaan Aktiviti 4

Kaedah digunakan masih sama. Tajuk yang diajar juga sama. Cuma kali ini hanya satu ayat saja iaitu '*Ten plus ten equals twenty*' dan tajuk untuk *Little Book* pada hari ini ialah *Plus*. Kertas hanya dilipat

dua seperti kad. Sesiapa sahaja boleh menampal hasil, kerja mereka di sudut Bahasa Inggeris dengan satu syarat, ayat-ayat mestilah betul.

**Pemerhatian**

**Tarikh** : 2 March 2005

**Tempat** : 2 Cendikiawan

**Masa** : 1.35 - 2.35 ptg

**Peristiwa :**

Aktiviti pada kali ini amat mengejutkan saya kerana beberapa orang murid telah menunjukkan kreativiti mereka dengan mengunting *Little Book* mengikut bentuk yang mereka suka malah ada yang membawa pensil warna dari berbagai jenis. Mereka begitu sibuk menyiapkan kerja kerana hasil kerja boleh di tampal sendiri. Mereka begitu bangga sekali kerana hasil kerja mereka dilihat oleh rakan-rakan.

**Refleksi**

Barulah saya faham kenapa murid-murid begitu gembira apabila hasil kerja mereka ditampal. Saya juga mendapati murid-murid lebih mudah memahami bagaimana membina ayat-ayat mudah.

**5.4.5 Perlaksanaan Aktiviti 5**

Kaedah digunakan masih sama. Topik yang diajar juga sama iaitu *Numbers*. Tajuk buku pada hari ini ialah *Minus*. Hanya satu ayat juga iaitu '*Nineteen minus seven equals twelve*'. Murid-murid juga boleh menukar perkataan di depan dan di belakang ayat contoh : \_\_\_\_\_ *minus* \_\_\_\_\_ *equals* \_\_\_\_\_.

**Pemerhatian**

**Tarikh** : 2 Mac 2005

**Tempat** : 2 Cendikiawan

**Masa** : 1.35 - 2.35 ptg

**Peristiwa :**

Semua murid boleh membina ayat dengan cepat . Tiada kesalahan ayat. Kerana aktiviti pada hari ini adalah satu ayat sahaja mereka sudah menampakkan keyakinan serta tidak takut untuk bertanya pada guru.

## Refleksi

Mereka sudah nampak perubahan dari segi tingkah laku, iaitu yakin dan faham serta sentiasa bersedia dengan aktiviti yang akan saya jalankan.

### 5.4.6 Pelaksanaan Aktiviti 6

Kaedah digunakan masih sama. Topik yang diajar ialah *Family*. Tajuk yang akan ditulis pada *Little Book* ialah *My Family*. Ini adalah untuk menarik minat mereka membaca buku cerita pada aktiviti kali ini. Murid dikehendaki bercerita tentang keluarga mereka dan seterusnya membuat aktiviti *Little Book* seperti biasa.

#### Pemerhatian

**Tarikh :** 23 Mac 2005  
**Tempat:** 2 Cendekiawan  
**Masa :** 1.35 - 2.35 ptg

#### Peristiwa :

Murid-murid dengan mudah memahami perkataan seperti *Mother*, *Father* dan *Brother*. Seorang murid didapati tidak ingin lagi menulis di dalam kotak dan menampal ayat tersebut kerana lambat untuk menyiapkannya. Beliau mencadangkan agar terus saja ditulis pada helaian muka surat. Ramai yang bersetuju. Mereka terus saja menulis di setiap helaian muka surat .

## Refleksi

Perkembangan mereka nampaknya begitu ketara, setiap kali aktiviti dijalankan sentiasa ada peningkatan dan perubahan.

### 5.4.7 Pelaksanaan Aktiviti 7

Kaedah digunakan masih sama. Topik yang diajar juga sama, iaitu tajuk buku pada hari ini ialah *I like*  
\_\_\_\_\_.

**Pemerhatian**

**Tarikh** : 23 Mac 2005  
**Tempat** : 2 Cendikiawan  
**Masa** : 1.35 - 2.35 ptg

**Peristiwa :**

Beberapa orang murid telah membawa kamus bergambar apabila melakukan aktiviti mereka akan melihat maksud perkataan tanpa disuruh oleh saya.

**Refleksi**

Nampaknya mereka begitu bersungguh-sungguh kerana mereka tahu saya tidak akan mengecewakan mereka setiap kali kelas mata pelajaran Bahasa Inggeris bermula. Ini adalah perkembangan positif, saya tidak perlu menterjemahkan maksud perkataan. Dengan menulis ayat yang berulang-ulang (*repetition*) mereka mudah untuk membina ayat walaupun ditukar perkataan dibelakang ayat seperti ***I like banana.*** **I like \_\_\_\_\_.** Saya boleh menyelia kerja mereka dengan mudah .

**5.4.8 Perlaksanaan Aktiviti 8, 9 Dan 10**

Untuk aktiviti 8, 9 dan 10 kaedah digunakan adalah sama. Peristiwa yang dapat dilihat seperti keseronokkan dan dapat membina ayat dengan mudah.

**5.4.9 Perlaksanaan Aktiviti 11**

Saya menampal gambar-gambar binatang di papan hitam kemudian menyuruh mereka membuat ayat sendiri.

**Pemerhatian**

**Tarikh** : 29 Mei 2005  
**Tempat** : 2 Cendikiawan  
**Masa** : 1.35 - 2.35 ptg

**Peristiwa :**

Murid-murid sudah dapat membina ayat-ayat sendiri seperti menunjukkan keyakinan menulis dengan cepat seperti ayat-ayat dibawah:

- i. *There is a tiger.*
- ii. *It has four legs.*

**Refleksi**

Nampaknya memang 100% saya yakin bahawa objektif saya sudah tercapai. Mereka sudah pandai membina ayat-ayat di dalam Bahasa Inggeris dengan sendiri.


**5.5 REFLEKSI KAJIAN****5.5.1 Penilaian pencapaian murid**

Jadual 6 : Keputusan Ujian Pra

Markah	Bil. Murid
5	35
4	1
3	-
2	-
1	-

Jadual 7: Keputusan Ujian Pos

Markah	Bil. Murid
5	1
4	4
3	2
2	9
1	29




**Graf 1 :** Menunjukkan perbandingan keputusan Ujian Pra dan Ujian Pos Kelas 2C Tahun 2005

Ujian Pra dan Ujian Pos telah dilaksanakan dan saya mendapati perubahan begitu ketara sekali di mana pada Ujian Pos didapati 35 orang murid 2C telah mendapat markah penuh berbanding markah Ujian Pra hanya 2 orang sahaja. Ini adalah kerana semasa Ujian Pra dijalankan murid-murid belum mendapat pendedahan bagaimana membina ayat-ayat dengan betul. Ujian Pos telah menunjukkan peningkatan kerana mereka telah mengikuti kaedah pengajaran dan pembelajaran yang betul.

**Jadual 8:** Analisa Ujian Berselaras Bahasa Inggeris kelas 2 Cendekiawan .

<b>Gred</b>	<b>Ujian Berselaras 01</b>	<b>Ujian Berselaras 02</b>
<b>A</b>	25	33
<b>B</b>	11	3
<b>C</b>	-	-
<b>D+E</b>	-	-
<b>Jumlah</b>	<b>36</b>	<b>36</b>





**Graf 2** : Perbandingan Ujian Pra Dan Ujian Pos Kelas 2C Tahun 2005

Ujian Bulanan juga menunjukkan peningkatan di mana pada Ujian Berselaras 2 seramai 33 orang murid telah mendapat “A” di dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris berbanding dengan Ujian Berselaras 1 hanya 25 orang. Perubahan-perubahan ini berlaku adalah kerana mereka sudah mempunyai keyakinan diri serta mempunyai banyak perkataan-perkataan baru di dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris ketika menjawab soalan Ujian mereka seperti mengimbas kembali apa yang telah mereka lukis dan tulis.

Hasil temubual dan refleksi murid (murid mencatat didalam Lampiran 5) juga saya dapati 100% murid-murid 2 Cendekiawan meminati Bahasa Inggeris terutama di dalam membina ayat-ayat mudah didalam *Little Book* kerana banyak aktiviti-aktiviti menarik telah mereka lakukan sepanjang kajian ini. Temubual bersama ibubapa juga telah dilakukan, mereka menceritakan bagaimana anak mereka begitu meminati Bahasa Inggeris. Malah ibubapa juga boleh menyebut tajuk-tajuk *Little Book* yang telah anak-anak mereka buat antara yang menarik perhatian mereka ialah: *Mother’s Day* dan juga *Rose Red*. Ini menunjukkan *Little Book* bukan saja mendapat perhatian murid-murid tetapi ibu bapa juga.

Antara penilaian lain adalah kreativiti murid. Mereka menunjukkan minat dan bakat melukis serta menghasilkan *Little Book* yang terbaik. Bermacam-macam bentuk dan saiz dapat dilihat. Ini bermakna aktiviti yang dilakukan dapat memberi peluang kepada murid menunjukkan bakat mereka.

### 5.5.2 Rumusan Pemerhatian Aktiviti-Aktiiti Yang Dijalankan

Jadual 8: Aktiviti *Little Book* Yang Telah Dijalankan Bagi Bulan Februari – Jun 2005.

<u>No</u>	<u>Date &amp; time</u>	<u>Topic</u>	<u>Title</u>	<u>Sentences</u>	<u>Student is able to</u>	<u>TB Pg</u>	<u>AB pg</u>
1	2 Feb Wed	<i>Objects</i>	<i>Objects</i>	I want a _____ 8 sentences.	Unit 2	11	-
2	23 Feb Wed	<i>Objects</i>	<i>Colours</i>	This is a red _____ This is a blue _____ 7 sentences	"	21	
3	28 Feb Mon	<i>Numbers</i>	<i>Numbers</i>	These are two apples. This is one apple. 7 sentences	Unit 3	21	34
4	2 March Wed	"	<i>Plus</i>	Thirteen plus five equals eighteen. 1 sentence	"	"	"
5	3 March Thurs	"	<i>Minus</i>	Five minus two equals three. 1 sentence	"	"	"
6	23 March Wed	<i>Family</i>	<i>My Family</i>	This is my mother. 4 sentences	Unit 4	32	36
7	6 April Wed	"	<i>I like</i>	I like _____ 4 sentences	"	37	'
8	20 April Wed	<i>Clothing</i>	<i>My clothes</i>	My hat. 4 sentences	"	32 38	
9	27 April Wed	<i>Parts Of The Body</i>	<i>My Body</i>  <i>Rose Red</i>	This is my nose These are my ears. 4 sentences Copy in text Book	Unit 5 Unit 6	42 53	47 57
10	18 Mei Wed	<i>Buildings</i>	<i>Buildings</i>	This is a mosque. 4 sentences	Unit 7	53	71

11	29 Mei	<i>Animals</i>	<i>Animals</i>	This is a tiger. It has four legs. 8 sentences	Unit 8	-	78
Total	12	8	12	52 sentences	5	7	11

Secara keseluruhan banyak perubahan-perubahan yang dilalui oleh murid-murid dan saya sendiri.

Rumusan saya adalah berdasarkan rajah di atas:

- i. Tanpa saya sedari sebanyak 12 buah *Little Book* telah dibuat dan 52 ayat telah ditulis oleh 36 orang murid dalam masa tiga bulan berbanding sebelum ini mereka kurang faham dan tidak tahu untuk membina ayat yang mudah. Dengan itu saya telah mengubah persepsi murid bahawa Bahasa Inggeris adalah mudah untuk difahami dan kemahiran menulis boleh diajar dengan mengikut amalan yang betul.
- ii. Mengajar mengikut sukatan dan topik dengan mudah dan cepat seperti jadual di atas sebanyak 11 topik telah diajar menggunakan kaedah *Little Book*.
- iii. Menggunakan buku text dan aktiviti semaksima mungkin pada tahun-tahun yang lepas adalah amat sukar untuk berbuat demikian kerana kebanyakan murid tidak faham.
- iv. Kesedaran seperti guru perlu kreatif semasa melakukan P&P.
- v. Sepanjang aktiviti dijalankan murid-murid begitu seronok serta memberi sepenuh perhatian pada proses pembelajaran serta hubungan guru dengan murid bertambah rapat.
- vi. Pada aktiviti ke 11 murid-murid dengan penuh yakin boleh menulis 8 ayat.

### 5.5.3 Refleksi Proses Pengajaran Dan Pembelajaran Secara Keseluruhan

Sepanjang kajian ini banyak pengalaman yang telah saya lalui terutama semasa P&P. Selepas kajian saya dapat melihat perubahan yang besar pada anak-anak didik saya antaranya:

#### i. Perubahan sikap murid dan saya sendiri

Perubahan sikap dapat dilihat di mana sebelum ini adalah amat susah untuk menarik minat kerana kebanyakan mereka mempunyai latar belakang keluarga yang miskin dan kurang perhatian daripada ibu-bapa serta kurang bahan bacaan tetapi setelah melaksanakan Kajian Tindakan saya mendapati sikap mereka telah berubah pada setiap bulan daripada pasif kepada aktif ketika aktiviti dijalankan. Mereka begitu meminati mata pelajaran Bahasa Inggeris dan selalu bertanya .....*Teacher .... esok aktiviti apa teacher....* ataupun bila saja masa berakhir .....kedengaran

“.....*alah..... teacher ngajar la kelas kita sampai balik*” malah ada yang datang kepada saya ingin melihat apa yang saya bawa pada hari itu. Perasaan saya pada masa itu begitu tersentuh, ini akan mengingatkan saya betapa pentingnya saya seorang guru kepada mereka.

Selepas kelas berakhir saya pasti akan mencari idea dan membuat perancangan untuk pengajaran keesokan harinya sebelum Kajian Tindakan dilaksanakan saya tidak tahu bagaimana cara untuk membuat aktiviti yang boleh menarik minat mereka. Setiap kali melangkah ke kelas 2 Cendekiawan saya seolah-olah merasakan diri ini seperti penyanyi.....bila saja bermula kelas Bahasa Inggeris kedengaran sorakkan ..... Ye....Ye... *teacher* datang .....dengan begitu kuat sekali. Bila saya meletakkan barang-barang di atas meja, mereka sudah tahu hari ini cikgu akan menjalankan aktiviti yang menarik. Nampaknya mereka begitu bersedia setiap kali kelas bermula.

## **ii. Perubahan pada pembelajaran murid**

Saya memang tidak menyangka murid-murid boleh membina ayat hanya dalam masa beberapa minit saja. Mereka sudah mahir bukan itu saja ada yang cuba menulis 2 atau 3 ayat di dalam satu muka surat tanpa bertanyakan pada saya. Nampaknya saya telah dapat menerapkan sifat keyakinan di dalam diri anak didik saya. Mereka juga tidak menghadapi masalah di dalam menjawab soalan pada buku aktiviti tahun 2 jika ada masalah mereka terus bertanya. Keyakinan yang dapat diterapkan melalui aktiviti ini telah membawahkan kejayaan apabila salah seorang murid 2C memenangi tempat ketiga Pertandingan *Story Telling* peringkat Negeri Johor, bukanlah mudah untuk memenangi pertandingan apatah lagi terpaksa bersaing dengan murid-murid dari kawasan bandar yang begitu petah bercakap didalam Bahasa Inggeris. Bagi saya ini adalah perkembangan positif (Lampiran 6 ).

## **iii. Perubahan sikap ibu-bapa**

Saya begitu kagum bila ada ibu bapa yang mengikuti perkembangan dan terperasan ada perubahan pada anak-anak mereka. Saya merasa bangga kerana telah dapat menarik perhatian ibu-bapa sehingga ada yang terharu anak-anak mereka boleh menulis didalam Bahasa Inggeris.

#### **iv. Teori saya sendiri**

Sudah tentulah saya sebagai seorang guru begitu gembira apabila anak-anak didik telah memahami pengajaran yang diajar. Saya juga boleh berterima kasih kepada diri sendiri kerana dapat memberikan pengajaran yang berkesan.... seperti anjakan paradigma. Saya sendiri dengan bangganya boleh mengeluarkan teori saya sendiri....

**“ 52 ayat mudah tanpa kesalahan boleh dibina kanak-kanak berumur 8 tahun dalam masa 3 bulan menggunakan kaedah Little Book jika dilakukan dengan amalan yang betul.”**

#### **6.0 CADANGAN KAJIAN**

Saya akan mengekalkan kaedah ini untuk pengajaran saya pada masa hadapan kerana kaedah ini adalah kaedah paling mudah dan berkesan untuk mengajar kemahiran menulis. Pendedahan awal adalah perlu supaya mereka tidak menghadapi masalah bila berada di tahap dua.

#### **BIBLIOGRAFI**

Mohamad Najib Abdul Ghafar. (1999). *Penyelidikan Pendidikan*. Penerbitan Universiti Teknologi Malaysia.

Manjin Gill, Matishwar Kaur & Kan Yuet Yee. (2003). *English Year 2 Sekolah Kebangsaan Textbook*. Dewan Bahasa Dan Pustaka

Manjin Gill, Matishwar Kaur & Kan Yuet Yee. (2003). *English Year 2 Sekolah Kebangsaan Activity Book*. Dewan Bahasa Dan Pustaka

MariamMohamed Nor & Abd.Halim Bin Ibrahim. (2004). HBET 2303 *Writing in an ESL Context*. Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.

## Lampiran 1

**Based on the picture make 5 sentences correctly.**

1.
2.
3.
4.
5.

## Lampiran 2

<p><b><u>Catatan temubual</u></b></p> <p><b>Tarikh :</b></p> <p><b>Masa :</b></p> <p><b>Tempat :</b></p> <p><b><u>Beberapa soalan diajukan kepada 8 orang murid untuk mengenal pasti masalah antara soalan :</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"><li><b>i. Mata pelajaran apa yang awak minati?</b></li><li><b>ii. Siapakah yang selalu menolong awak menyiapkan kerja rumah?</b></li><li><b>iii. Bagaimana awak mengisi masa lapang?</b></li></ul>
---

### Lampiran 3

#### Borang Soal Selidik

**Maklum balas pelajar terhadap maklumat berkaitan Bahasa Inggeris.**

**Arahan : Untuk setiap soalan dibawah bulatkan salah satu jawapan sahaja.**

**Sila jawab semua soalan dengan bulatkan salah satu jawapan.**

**1. Adakah awak meminati mata pelajaran Bahasa Ingeris?**

**Ya**

**Tidak**

**2. Adakah awak bertanya pada guru jika tidak faham?**

**Ya**

**Tidak**

**3. Adakah awak selalu menjawab dengan penuh perhatian ketika menulis jawapan didalam Bahasa Inggeris?**

**Ya**

**Tidak**

### Lampiran 4

#### Buying some classroom things

<b>Example : I want a book</b>
<b>1.</b>
<b>2.</b>
<b>3.</b>
<b>4.</b>
<b>5.</b>
<b>6.</b>
<b>7.</b>
<b>8.</b>

## Lampiran 5

### **Refleksi murid pada aktiviti Little Book**

## Lampiran 6

### **Antara kejayaan murid 2 Cendikiawan**

Nadia Irsalina Bt Shahridha telah memenangi Pertandingan Story Telling Peringkat Negeri Johor pada 25 Jun 2005 di Batu Pahat, Johor.

## Lampiran 7

### **Keratan Akhbar**

## Lampiran 8

**Salinan *Little Book* yang telah dibuat oleh murid.**



## 8.4.2 Contoh 2

### **TEKNIK 'COMIL': SATU KAEDAH UNTUK MENGUASAI SUBTOPIK SIFAT KIMIA SEBATIAN KARBON**

**OLEH**

**SALWATI BINTI OTHMAN  
SEK. MEN. KEB. SERI MAHKOTA, UMBAI  
77300 MERLIMAU, MELAKA**

#### **ABSTRAK**

Kajian ini dijalankan untuk menentukan dan mengatasi masalah-masalah yang dihadapi oleh murid Tingkatan 5 aliran Sains Tulin di dalam subtopik Sifat Kimia Sebatian Karbon. Seramai 26 orang murid 5Sains2, SMK Seri Mahkota, Umbai dan seorang guru terlibat dalam kajian ini. Tinjauan awal telah dilaksanakan melalui ujian bulanan, peperiksaan penggal dan ujian pra. Hasil tinjauan menunjukkan murid tidak mengingati proses penukaran dari satu siri homolog kepada siri homolog yang lain, reagen yang ditambah, suhu dan tekanan yang digunakan serta pemerhatian bagi sesuatu tindak balas tertentu. Perancangan tindakan difokuskan kepada teknik untuk meningkatkan kefahaman dan daya ingatan – Teknik 'COMIL'. Murid telah didedahkan kepada Teknik 'COMIL' selama 80 minit dan kajian ini telah diselesaikan dalam tempoh 8 minggu. Keputusan ujian pos telah menunjukkan peningkatan prestasi murid. Dapatan soal selidik pula menunjukkan murid lebih mengingati, memahami dan seronok belajar Sifat Kimia Sebatian Karbon melalui teknik 'COMIL'.

#### **1.0 REFLEKSI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN LALU**

Analisis keputusan Peperiksaan Pertengahan Tahun 2003 untuk kelas 5Sains2 saya tatap dengan perasaan yang berbaur. Ada rasa kecewa, marah, sedih dan seribu satu macam perasaan yang Tuhan sahaja mengetahuinya. Hanya dua orang sahaja murid yang lulus, itu pun dengan gred 8E berbanding dengan murid 5 Sains1, hanya empat orang sahaja yang gagal dengan markah yang hampir lulus. Saya mengajar di kedua-dua kelas ini sejak mereka di tingkatan 4 lagi. Rasanya saya telah berusaha semampu yang boleh sehinggakan saya sanggup membelanjakan RM550.00 untuk membeli bahan bantu mengajar.

Apabila saya nyatakan kekecewaan saya pada rakan-rakan, maklum balas yang diterima tidak banyak membantu. Antaranya:

- “Mereka memang lemah, tidak layak masuk kelas Sains.”
- “Aku ajar si X, masa Form 3. Memang lemah, pelik aku macam mana dia boleh masuk kelas Sains.”
- “Jangan tensionkan diri  
Awak tu muda lagi  
Nanti kena darah tinggi  
Nik cari ganti”

Saya tidak puas hati dan rasa terpenggil untuk mengubah keadaan ini. Saya telah memarahi, mendenda dan meminta murid 5Sains2 menulis di atas sekeping kertas, sebab-sebab mereka gagal di dalam kimia, Saya juga telah meminta semua guru yang mengajar 5Sains2 menulis pandangan mereka mengenai sikap dan pencapaian murid 5Sains2. Kesemua guru mengatakan murid lelaki 5Sains2 kurang berdisiplin, rendah motivasi diri, tidak serius terhadap muridan dan pencapaian mereka adalah agak rendah. Manakala murid perempuan pula, walaupun lebih berdisiplin dan rajin tetapi pencapaian mereka masih kurang memuaskan. Antara sebab-sebab gagal di dalam kimia yang telah dinyatakan oleh murid 5Sains2 ialah:

- Tidak membaca buku / tidak membuat ulangkaji
- Tidak ingat rumus / fakta / konsep penting
- Tidak faham soalan dan lain-lain lagi

Maklum balas yang diberikan oleh murid dan guru serta keazaman untuk mencapai kelulusan 100% telah mendorong saya untuk menjalankan kajian tindakan.

## **2.0 ISU KEPERIHATINAN**

Saya telah menganalisis soalan Kimia SPM tahun-tahun lepas dan mendapati bahawa item mengenai Sifat Kimia Sebatian karbon merupakan item wajib bagi Kertas 1 dan 2 yang menyumbang antara 7 ke 25 markah. Jika murid dapat menguasai subtopik Sifat Kimia, Sebatian Karbon dan beberapa topik lain yang mudah, peluang untuk mereka lulus adalah sangat tinggi. Masalah utama yang dihadapi oleh murid dalam subtopik Sifat Kimia Sebatian Karbon ialah mengingati proses penukaran dari satu siri homolog kepada siri homolog yang lain. Mereka gagal mengingati apakah reagen yang ditambah, mangkin, suhu, dan tekanan yang digunakan serta pemerhatian seperti perubahan warna bahan kimia dalam sesuatu tindak balas kimia.

Saya yakin jika saya dapat mempelbagai dan meningkatkan kaedah P&P, sikap negatif dan pencapaian murid 5Sains2 yang rendah akan dapat diperbaiki. Gardner (1991) mengatakan ketidakserasian antara kaedah mengajar dengan profil kecerdasan murid boleh menyebabkan seseorang murid itu gagal atau hilang minat terhadap sesuatu subjek.

Lantaran itu saya telah mendapatkan analisis 'Multiple Intelligences Profile Indicator' murid 5Sains2 dari guru Biologi yang telah menjalankan Ujian Kecerdasan Pelbagai bagi mengesan kecerdasan dominan murid 5Sains2.

Kecerdasan dominan	Bil. Murid
Logik – Matematik	1
Visual – Ruang	10
Tubuh kinestetik	7
Verbal – Linguistik	2
Muzik Ritma	3
Interpersonal	2
Intrapersonal	1

### 3.0 OBJEKTIF KAJIAN

#### 3.1 OBJEKTIF AM

Kajian ini bertujuan untuk meningkatkan kefahaman dan ingatan murid terhadap Sifat Kimia Sebatian Karbon.

#### 3.2 OBJEKTIF KHUSUS

- a. Meningkatkan kemahiran murid untuk menjelaskan Sifat Kimia Sebatian Karbon.
- b. Membantu murid mendapat keputusan yang lebih baik dalam peperiksaan SPM.
- c. Mengubah cara pengajaran guru supaya murid merasakan proses pembelajaran adalah menyeronokkan.
4. Meningkatkan daya ingatan murid dan penggunaan otak kanan melalui teknik 'COMIL'.

### 4.0 KUMPULAN SASARAN

Murid 5Sains2

Lelaki : 17 orang

Perempuan : 9 orang

Jumlah : 26 orang

## **5.0 PELAKSANAAN KAJIAN**

### **5.1 TINJAUAN MASALAH**

Dalam pelaksanaan kajian ini, tinjauan masalah dibuat berdasarkan pemerhatian, ujian pra dan pos, dan soal selidik.

#### **5.1.1 Pemerhatian**

Saya telah membuat pemerhatian ke atas tingkah laku murid semasa proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung sebelum dan selepas kajian. Sebelum kajian dijalankan murid kurang memberi respons kepada soalan yang diajukan. Sebagaimana kebiasaannya, murid perempuan yang lebih bersedia dan menunjukkan kesungguhan sebaliknya murid lelaki kurang bersungguh dan kurang mengambil bahagian di dalam aktiviti P&P yang dijalankan.

#### **5.1.2 Ujian Pra dan Pos**

Ujian pra diberikan kepada kumpulan sasaran untuk mengesan sejauh mana kefahaman dan ingatan mereka mengenai subtopik Sifat Kimia Sebatian Karbon. Item Ujian Pra merupakan item Kertas 1 dan 2 Kimia – Program Gerak Gempur Sains & Matematik Negeri Melaka bagi tahun 2003. Selepas saya menyemak jawapan murid, saya tidak memulangkan kertas jawapan murid dan tidak membincangkan jawapannya, sebaliknya saya telah memperkenalkan Teknik 'COMIL' dan 5 hari selepas itu saya telah memberikan Ujian Pos 1 menggunakan set soalan yang sama dengan Ujian Pra. Lebih kurang empat minggu selepas Ujian Pos 1, murid saya telah menduduki Peperiksaan Percubaan SPM Selaras bagi Negeri Melaka dan saya telah menggunakan item kertas 1 dan 2 berkenaan Sifat Kimia Sebatian Karbon sebagai Ujian Pos 2.

#### **5.1.3 Soal selidik**

Borang soal selidik telah disediakan dan diedarkan kepada murid untuk mendapatkan maklum balas murid berkenaan Sifat Kimia Sebatian Karbon, sebelum dan selepas Teknik 'COMIL' diperkenalkan .

Saya juga telah mengedarkan borang soal selidik kepada rakan – rakan guru yang ada dan tiada latar belakang pendidikan sains untuk mendapatkan pandangan mereka mengenai Teknik 'COMIL'.

## 5.2 ANALISIS TINJAUAN MASALAH.

### 5.2.1 Analisis pemerhatian

Berdasarkan pemerhatian selepas kajian dijalankan terhadap kumpulan sasaran didapati:

- Murid lebih berkeyakinan untuk menjawab soalan yang diajukan oleh guru secara lisan. Mereka menjawab dengan suara yang lantang dan tidak lagi menundukkan muka apabila guru menyoal.
- Murid berjaya mengesan dan membetulkan kesalahan yang sengaja dibuat oleh guru untuk menguji kefahaman dan ingatan murid.
- Suasana pembelajaran di dalam kelas lebih memberangsangkan.

### 5.2.2 Analisis Ujian Pra dan Pos.

Perbandingan pencapaian murid dalam Ujian Pra dan Pos adalah seperti berikut:

Gred	Bilangan Murid		
	Pra	Pos 1	Pos 2
A	0	1	2
B	1	2	2
C	1	3	5
D	1	3	4
E	2	4	2
G	18	12	9
TH	3	1	2

Dapatan Ujian Pra dan Pos menunjukkan terdapatnya peningkatan dari segi pencapaian murid. Walaupun masih terdapat murid yang gagal tetapi tiada seorang pun murid yang mendapat sifar berbanding dengan Ujian Pra di mana 5 orang murid telah mendapat sifar.

### 5.2.3 Analisis Soal Selidik

Murid telah memberikan respons positif manakala guru-guru telah memberikan komen yang membina. Berikut adalah analisis soal selidik yang telah dijawab oleh murid :-

- Skala Likert :
- 1 - sangat tidak setuju
  - 2 - tidak setuju
  - 3 - kurang setuju
  - 4 - setuju
  - 5 - sangat setuju

Beberapa contoh komen yang telah diberi oleh guru – guru pula adalah seperti berikut:

**Guru Pendidikan Seni:**

Satu pendekatan yang menarik dalam meningkatkan kefahaman dan ingatan murid kerana warna dan simbol adalah dua perkara yang ringkas dan padat jika dibandingkan dengan nota.

**Guru Bahasa Inggeris:**

- ❖ Satu teknik yang menyamai ‘Peta Minda’. Nota adalah padat dan jelas.
- ❖ Penggunaan warna berkesan untuk menjelaskan aliran proses dan bahan kimia.
- ❖ Proses lebih mudah dihafal dan difahami oleh murid.

**Guru Sains:**

Teknik ini dapat menambah ingatan dan kefahaman murid di samping dapat melihat secara menyeluruh dan mengetahui hubung kait antara sub-sub topik dalam sesuatu tajuk besar.

	SKALA	1	2	3	4	5
	ITEM	(BILANGAN MURID)				
1	Kimia merupakan subjek yang mudah.	1	3	13	7	1
2	Saya lebih suka menggunakan teknik saya sendiri daripada teknik ‘COMIL’.	2	3	15	3	2
3	Kimia organik merupakan satu cabang kimia yang mudah dikuasai walaupun tanpa teknik ‘COMIL’.	4	11	9	1	0
4	Saya mudah memahami tindak balas kimia organik selepas guru memperkenalkan teknik ‘COMIL’.	0	2	2	11	10
5	Saya mudah mengingat tindak balas kimia organik selepas guru memperkenalkan teknik ‘COMIL’.	0	0	4	15	6

6	Saya rasa lebih seronok belajar tajuk kimia organik menggunakan teknik 'COMIL'.	0	0	2	12	11
7	Saya akan menggunakan teknik 'COMIL' bagi tajuk lain dalam kimia.	0	3	4	13	5
8	Saya akan menggunakan teknik 'COMIL' untuk matamuridan lain.	1	0	5	17	2
9	Teknik 'COMIL' membantu meningkatkan daya kreatif saya.	0	1	4	9	11

### 5.3 TINDAKAN YANG DIJALANKAN

1. Selepas murid menjalani Ujian Pra, saya telah meminta murid 5 Sains 2 membawa pen / pensil warna semasa kelas Kimia kerana saya ingin memperkenalkan satu teknik P & P yang dapat membantu mereka mendapat keputusan yang lebih baik.
2. Sebelum saya membimbing murid melakar 'COMIL' ( Coloured Mind Link ) saya telah menerangkan serba sedikit tentang struktur, fungsi dan cara otak manusia bekerja.
3. Saya juga telah menyentuh perihal kepentingan warna dalam kehidupan sebagaimana yang dinyatakan oleh Tony Buzan :-'People are 80% more likely to remember what they read if it's in colour'.
4. Seterusnya saya membimbing murid membina 'COMIL'. Sebelum itu saya telah mencungkil idea dan pengetahuan sedia ada murid terlebih dahulu.
5. Murid diingatkan bahawa warna yang dipilih adalah sepadan dengan warna sebenar bahan kimia tertentu dan dapat membezakan antara satu tindak balas dengan tindak balas yang lain.
6. Murid membina 'COMIL' di atas sekeping kertas putih ( rujuk lampiran ).
7. Murid menjalani Ujian Pos 1 dan Pos 2. Selepas ujian Pos 1 dan 2, saya dan murid akan membincangkan jawapan sebagai langkah pengukuhan.
8. Setiap kali kelas kimia, saya mengingatkan murid supaya membaca atau membuat semula 'COMIL' untuk mengukuhkan daya ingatan.

#### **5.4 PELAKSANAAN TINDAKAN DAN PEMERHATIAN / PENILAIAN.**

Kajian tindakan ini telah dilaksanakan dalam tempoh 8 minggu. Semasa saya menjalankan kajian ini saya telah menyempurnakan sukatan muridan kimia. Saya telah memperuntukkan dua waktu P&P untuk membimbing murid membina 'COMIL'. Murid telah menjalani ujian Pos1, lima hari selepas membina 'COMIL' dan Ujian Pos 2, sebulan selepas itu. Selepas Ujian Pos 2, murid diminta memenuhkan borang soal selidik untuk mendapatkan pandangan mereka tentang teknik 'COMIL'. Tujuan mengedarkan soal selidik ialah supaya murid lebih bebas dan selesa menjawab berbanding mendapatkan maklumat secara temubual.

Saya juga telah menerangkan secara ringkas mengenai Teknik 'COMIL' kepada rakan guru dan meminta mereka memberi pandangan.

Berdasarkan pemerhatian saya Teknik 'COMIL' berjaya membantu murid meningkatkan pencapaian di dalam subtopik Sifat Kimia Sebatian Karbon. Murid berlumba – lumba hendak menjawab soalan guru, lebih berkeyakinan dan mendapat skor yang baik semasa menjawab koleksi soalan percubaan dari negeri-negeri lain. Saya berasa lebih seronok, tidak lagi marah-marah dan tidak rasa tertekan apabila masuk ke kelas 5Sains2. Rakan-rakan guru juga telah memberikan komen membina, perangsang dan sokongan terhadap usaha saya. Malah beberapa orang guru telah meminta saya mengajar anak- anak mereka Teknik 'COMIL'.

#### **5.5 REFLEKSI KAJIAN**

Pencapaian murid dalam Ujian Pra, Pos 1 dan Pos 2 menunjukkan peningkatan yang agak ketara. Kebolehan membina 'COMIL' merupakan salah satu kemahiran Visual – Ruang dan secara kebetulan. 10 daripada 26 orang murid 5Sains2 mempunyai kecerdasan dominan di dalam Visual – Ruang.

Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa adunan Teknik 'COMIL' dan Teori MI banyak membantu murid meningkatkan keyakinan diri, daya ingatan dan kefahaman terhadap apa yang dimuridi disamping menjadikan suasana P&P lebih ceria dan menyeronokkan.

Masih terdapat murid yang gagal dalam Ujian Pos 1 dan 2 kerana pada hari saya memperkenalkan Teknik 'COMIL' ada seramai 10 orang murid tidak hadir ke sekolah kerana hujan lebat. Selain daripada itu ada 4 orang murid 5Sains2 yang kerap tidak hadir ke sekolah dan mereka yang tidak hadir inilah yang gagal dalam Ujian Pos. Saya sepatutnya menerangkan dan memastikan bahawa mereka faham



dan buat 'COMIL' bukan hanya sekadar mengarahkan mereka menyalin dari rakan-rakan. Saya juga sepatutnya harus lebih bertegas terhadap segelintir murid lelaki yang agak malas dan bersikap sambil lewa.


Saya berasa tersentuh dan terharu apabila seorang murid 5Sains1 menghantar SMS meminta saya mengajar mereka teknik 'COMIL' dan ada yang menyalin dari murid 5Sains2 sebelum disuruh. Saya yakin bahawa Teknik 'COMIL' dapat membantu murid meningkatkan pencapaian mereka dalam subjek Kimia. Analisis keputusan Peperiksaan Percubaan SPM 5Sains2 menunjukkan peratus kelulusan Kimia adalah di tangga ke 5 selepas BM, Pendidikan Islam, Matematik dan Sejarah.

## 6.0 CADANGAN UNTUK KAJIAN SETERUSNYA

Beberapa cadangan untuk kajian seterusnya adalah seperti berikut:

- Mengguna pakai teknik 'COMIL' sebaik sahaja guru mengajar bab Sebatian Karbon .
